



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**BIL. 9**

**KHAMIS**

**14 OKTOBER 2021**

---

**K A N D U N G A N**

<b>PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b> Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman 2)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b> <b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>USUL-USUL:</b> Usul di Bawah Peraturan Mesyuarat 6(1) Dibaca Bersama Peraturan Mesyuarat 6(3)	(Halaman 38)
Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025)	(Halaman 38)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 107)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Melaka)
3. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]
4. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
5. “ Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
6. “ Tuan Ahmad bin Yahaya (Kedah)
7. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
8. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
9. “ Tuan Aknan a/l Ehtook
10. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
11. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
12. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Wilayah Persekutuan Labuan)
13. “ Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
14. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
15. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
16. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
17. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
18. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
19. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
20. “ Datuk John Ambrose
21. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
22. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
23. “ Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
24. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
25. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
26. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu
27. “ Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Kelantan)
28. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan, Putrajaya)
29. “ Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim
30. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)

**AHLI HADIR (samb/-)**

31. Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
32. “ Dato’ Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
33. “ Dato’ Wira Othman bin Aziz (Kedah)
34. “ Datuk Paul Igai
35. “ Datuk Razali bin Idris
36. “ Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol
37. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
38. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
39. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
40. “ Puan Susan Chemerai Anding
41. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
42. “ Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
43. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
44. “ Dato’ Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
45. “ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
2. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]
3. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dato’ Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
6. “ Tan Sri Dato’ Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
7. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi

**AHLI TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Datuk Guan Dee bin Koh Hoi
2. “ Dato’ Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]
2. “ Dato Sri Alexander Nanta Linggi [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]
3. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Menteri Perpaduan Negara]
4. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)]
5. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I]
6. “ Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I]
7. “ Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I]
8. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I]
9. “ Datuk Seri Dr. Santhara [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]
10. “ Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I]
11. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi]
12. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia]
13. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia]
14. “ Dato' Mansor bin Othman [Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air]

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Mohamad Basil Hazman bin Baharom  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Muhamad Fazal bin Mahat  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juara  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili  
Nurul Syakirah binti Ibhari  
Suhaila binti Sariffuddin  
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad  
Nor Afina binti Mohamed Rashid  
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA  
Khamis, 14 Oktober 2021**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum.* Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

"12 Oktober 2021

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) D.R. 3/2021 - Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021;
- (ii) D.R 7/2021 - Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021; dan

- (iii) D.R 24/2020 - Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

### **URUSAN MESYUARAT**

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu, dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Ahmad bin Yahaya** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, sejauh mana sambutan pelancong tempatan ke Pulau Langkawi selepas dibuka semula pada 16 September 2021, serta apa masalah yang berbangkit sejak hari pembukaan sehingga kini.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, setelah agak lama aktiviti rentas negeri terutamanya untuk aktiviti pelancongan tidak dibenarkan bagi membendung penularan COVID-19. Keputusan kerajaan yang diumumkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada 9 September 2021 yang lalu mengenai Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi sememangnya memberi berita gembira. Bukan sahaja kepada rakyat Malaysia yang akhirnya boleh kembali merentas negeri ke Langkawi untuk melancong. Malah, ia juga merupakan satu sinar harapan baharu kepada penggiat industri di Langkawi yang berpeluang untuk kembali menjana pendapatan melalui aktiviti pelancongan.

Setelah melalui rancangan penilaian dan pertimbangan yang rapi, Pulau Langkawi melalui Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik ini, telah mula menerima kehadiran pelancong

dari luar negeri Kedah bermula pada 16 September 2021 lalu. Setakat pada 12 Oktober 2021, seramai lebih 58 ribu orang pengunjung telah tiba melalui pintu masuk udara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Manakala, lebih 27 ribu orang pengunjung lagi telah tiba di Langkawi melalui pintu masuk laut. Menjadikan jumlah keseluruhan pelancong yang mengembara menggunakan gelembung pelancongan ini semasa tempoh tersebut seramai 85,921 orang pengunjung.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran pelancong ini semestinya telah memberi kesan domino kepada industri penerbangan, feri dan juga premis penginapan pelancong. Menurut maklum balas yang diterima daripada Persatuan Hotel Malaysia ataupun *Malaysian Association of Hotels* (MAH), kadar penginapan atau dalam bahasa Inggerisnya, *accommodation rates* (AOR) yang saya gunakan nanti di premis-premis penginapan pelancong ahli MAH di Langkawi bagi tempoh tujuh hari pertama bulan Oktober 2021 adalah seperti berikut:

- (i) sejumlah 45 peratus bagi premis penginapan pelancong bertaraf Empat, hingga Lima Bintang; dan
- (ii) sejumlah 21 peratus bagi premis penginapan pelancong bertaraf Tiga Bintang dan ke bawah.

Dalam tempoh yang sama, Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA), melaporkan kadar purata penginapan bagi premis-premis penginapan pelancong ahli-ahlinya sebanyak 15 peratus. Sektor-sektor rantai industri pelancongan lain seperti sektor makanan dan minuman serta juga peruncitan sudah pasti turut menikmati kesan gandaan yang dijana oleh aktiviti pelancongan ini.

Dalam lawatan kerja saya Tuan Yang di-Pertua ke Langkawi empat hari yang lalu, saya sendiri telah berpeluang melihat bagaimana Pantai Cenang salah sebuah destinasi tumpuan di Langkawi kembali sibuk dan ceria dengan kehadiran ramai pengunjung dan pelancong. Ini sangat berbeza dengan keadaan gambar-gambar yang tular sebelum ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagi?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Kalau dibenarkan, ada dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak dibenarkan. Dia ikut masa.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Kalau macam itu saya berhenti di sinilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak, simpulkan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Saya boleh jawab untuk kedua- nanti, kerana ada lagi soalan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada soalan sebab Langkawi ini menarik. Baik.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, tambahan. Soalan tambahan.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat Ahli Senator. Kita tahu tutup kerana isu COVID-19, baik. Selepas dibuka, adakah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mendapat angka selepas dibuka yang jangkitan COVID-19, supaya untuk memudahkan langkah-langkah kerajaan seterusnya, sehingga sektor-sektor yang lain sekali?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tersebut. Sebenar kalau dari kluster pelancong, orang kata kan, memang hanya satu, satu kes iaitu anak berumur tiga tahun. Kalau kes yang berada di Langkawi itu sendiri, itu bukan kes kluster pelancong, tetapi anak-anak ini adalah oleh sebab kita tidak mengenakan- dimestikan untuk menjalani saringan.

Jadi, oleh sebab itu bila sampai ke Langkawi anak berumur tiga tahun, keluarganya semua negatif oleh sebab mereka sudah menjalani saringan. Akan tetapi anak ini sampai ke Langkawi baru didapati positif kerana tidak menjalani saringan, mungkin dijangkiti melalui di sekolah kah apa atau di tempat lain. Namun begitu, oleh sebab itu, walaupun dikatakan untuk pergi ke Langkawi sekarang ini tidak perlu menjalani saringan, namun kerajaan menggalakkan supaya saringan dilakukan, ya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ahmad bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, sila.

**Tuan Ahmad bin Yahaya:** Baik, terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga memilih Langkawi sebagai- Langkawi Permata Kedah, sebagai projek rintis. Cuma, soalan tambahan saya, adakah dengan kejayaan projek rintis, gelembung pelancongan ini akan membuka ruang kepada pelancong luar, khususnya di kalangan negara Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk datang melancong ke Langkawi? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya baru sahaja mengemukakan cadangan ini kepada Majlis Keselamatan Negara. Jadi saya telah mencadangkan supaya dibuka kepada beberapa buah negeri untuk Langkawi sahaja dahulu, ya, untuk projek rintis Langkawi. *Insyaa-Allah*. Kita dengar dahulu pengumuman daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh sebab kita sudah membuka ruang ini kepada pihak luar. Kita mengharapkan lebih ramai lagi akan datang. Ini adalah salah satu daripada cara untuk kita mengembangkan ekonomi kita, ya. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, satu lagi. Silakan, Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah kita buka Langkawi untuk pelancongan, apa yang boleh kita pelajari daripada kekuatan di Langkawi supaya tempat-tempat lain seperti Pangkor, Tioman boleh menggunakan apa yang berlaku di Langkawi sebagai persediaan awal untuk membuka tempat masing-masing? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Ya, terima kasih. Apa yang kita pelajari ialah pematuhan prosedur operasi standard (SOP) itu amat penting. Walaupun kita sudah bukakan Langkawi, oleh sebab itu kita wujudkan Langkawi sebagai satu *bubble*, okey, gelembung supaya Langkawi itu menjadikan satu- Langkawi sebuah pulau di mana semua orang yang sudah mendapat dos lengkap di Langkawi itu, mereka adalah di kalangan orang yang sudah, dengan izin, *immune* di sini. Ini sebab di situlah kita hendak mencuba supaya Langkawi ini dijadikan satu *role model*, contoh kepada kita, dengan izin.

Jadi oleh sebab itu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu Langkawi ini kekal sebagai gelembung dahulu, diikuti oleh pulau-pulau lain dan juga destinasi-destinasi lain supaya mereka mematuhi SOP ini dan kekal menggunakan apa yang disarankan oleh kerajaan, menggunakan *mask* dan juga sanitasi dia punya tangan dan semua itu dan penjarakan sosial itu perlu dipatuhi. Itulah SOP yang perlu kita kekalkan. Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Majlis ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dan tentu kita mengharap antara gelembung dengan kluster berada dalam keadaan baik.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

**2. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan berjaya melaksanakan kaedah percukaian alternatif seperti *windfall tax* dan *gain tax* serta apakah penjelasan oleh kementerian mengenai pelaksanaan tersebut?

**Timbalan Menteri Kewangan I [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan telah pun melaksanakan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa [*Akta 592*], semenjak tahun 1999. Levi dikenakan ke atas amaun untung yang melebihi paras nilai ambang harga pasaran minyak sawit mentah iaitu RM2,500 satu tan bagi Semenanjung Malaysia dan RM3,000 satu tan bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan levi ke atas kelapa sawit, telah berjaya memberi hasil tambahan kepada kerajaan sebanyak RM4.1 bilion sejak diperkenalkan sehingga September 2021. Kerajaan mengambil maklum, Yang Berhormat Senator, pandangan pelbagai pihak supaya levi keuntungan biasa dikenakan kepada perniagaan tertentu yang menjana keuntungan yang berlipat ganda semasa krisis pandemik COVID-19.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, setakat hari ini kerajaan belum melaksanakan CGT- *capital gains tax*, dengan izin, sepenuhnya. Walau bagaimanapun, inisiatif dan kajian yang berterusan sedang dijalankan oleh kerajaan untuk menstrukturkan semula suatu sistem percukaian yang lebih seimbang, adil, saksama supaya dapat menyokong dan meningkatkan hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan perlu berhati-hati dalam memastikan langkah-langkah cukai yang dilaksanakan dan diperkenalkan agar tidak membebankan rakyat, tidak menjejaskan kedudukan ekonomi negara dan dapat mempertingkatkan daya saing negara selaras dengan Pelan Pemulihan Negara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Soalan tambahan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Top Glove Corporation Berhad mencatat untung bersih RM7.87 bilion, meningkat hampir 350 peratus pada tahun kewangan semasa. Soalan saya ialah sekiranya kementerian masih belum berhasrat untuk mengenakan cukai dalam durian runtuh- *windfall tax*, dengan izin, terhadap syarikat yang memperoleh keuntungan luar biasa seperti ini. Saya ingin tahu, apakah bentuk mekanisme lain yang boleh kerajaan laksanakan agar syarikat-syarikat tersebut turut bersama kerajaan dalam membantu golongan yang begitu terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator yang bertanya sebentar tadi berkaitan adakah kita akan mengenakan levi keuntungan luar biasa kepada syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat, iaitu syarikat Top Glove Corporation Berhad. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apabila kita ingin melaksanakan langkah-langkah cukai kepada barang-barang atau produk-produk yang disifatkan sebagai *finishing product*, dengan izin, ia agak sukar kerana ia melibatkan standard yang berbeza, Yang Berhormat. Kualiti yang berbeza dan harga juga turut berbeza berbanding dengan harga kelapa sawit yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB) pada setiap bulan.

Akan tetapi Yang Berhormat, yang paling pentingnya kita mesti melihat satu ekosistem yang lebih luas, bukan hanya melihat kepada levi keuntungan luar biasa sahaja sebagai hasil kepada negara. Oleh sebab kita ketahui bahawasanya hasil negara terbahagi kepada tiga buah komponen utama: Cukai Langsung; Cukai Bukan Langsung; dan Terimaan Bukan Cukai. Levi ini berada di bawah "Terimaan Bukan Cukai."

Sepertimana yang saya sebutkan tadi, kutipan levi keuntungan daripada diperkenalkan sehingga ke September pada tahun 2021, hanya berjumlah RM4.1 bilion tetapi cukai korporat yang dibayar oleh syarikat-syarikat yang mengaut keuntungan pada setiap tahun adalah berjumlah hampir 25 peratus kepada jumlah hasil negara.

Jadi perkara inilah, Yang Berhormat, yang akan, sedang dan telah dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan, khususnya untuk melihat apakah langkah yang terbaik untuk kita lakukan bagi memberi keadilan kepada ekosistem pelaburan dalam negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya. Adakah Kementerian Kewangan bersetuju bahawa *Goods and Services Tax*- GST merupakan sejenis cukai yang lebih adil, saksama dan baik kalau banding dengan *Windfall Tax* dan *Capital Gains Tax*? Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula GST dan bila? Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator, kita akui sebagaimana yang telah kerajaan nyatakan bahawasanya sistem percukaian ini mestilah bersifat lebih seimbang, adil dan saksama dalam kita mengaut hasil-hasil negara untuk kita pulangkan kepada rakyat. Sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi, kerajaan hari ini merupakan kerajaan amat prihatin.

#### ■1020

Ia tidak akan memperkenalkan langkah-langkah cukai tanpa mengambil kira faktor kebajikan rakyat, kemantapan dan kelangsungan ekonomi negara, khususnya kepada peniaga-peniaga. Itu sebabnya, sebarang langkah cukai yang ingin kita lakukan, sudah pasti mengambil kira pelbagai libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan. *Insyallah* Yang Berhormat, saya kira dalam keadaan yang lebih baik, ekonominya berada dalam keadaan lebih baik daripada apa yang kita hadapi pada tahun ini. Kerajaan akan memperkenalkan satu cukai yang lebih seimbang dan saksama. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar bin Abdullah.

Bersedia hendaknya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

**3. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh mana tahap persediaan keselamatan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom) dan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone) daripada aspek *Human Intelligence* (HUMINT) bagi mengatasi ancaman pencerobohan kumpulan pengganas terutamanya Abu Sayyaf, serta sejauh mana ia memberikan implikasi yang positif.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu pada aspek penting yang dititikberatkan oleh ESSCom bagi mengekalkan tahap pengoperasian yang tinggi menerusi penggunaan kaedah perisikan manusia.

Kaedah ini menekankan pengumpulan maklumat daripada individu atau kumpulan sasaran tertentu melalui libat urus agensi dengan individu kumpulan dan juga komuniti. Kaedah interaksi sosial yang dilaksanakan sekarang telah memberikan impak positif dengan perubahan persepsi masyarakat bahawa kerajaan sentiasa menitikberatkan faktor keselamatan nyawa dan harta benda di kawasan yang terlibat.

Melalui kaedah tersebut, ESSCom berjaya mengekang ancaman kumpulan Abu Sayyaf di Sabah dengan kerjasama PDRM menerusi operasi khas penjejakan dan pengesanan anggota kumpulan Abu Sayyaf baru-baru ini. Antara kejayaan operasi khas yang dilaksanakan oleh ESSCom, kerajaan telah berjaya menggagalkan serta melumpuhkan empat aktiviti kumpulan Abu Sayyaf ini pada tahun 2020 dan tiga aktiviti kumpulan ini pada tahun 2021.

Ini membuktikan keberkesanan elemen perisikan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan pada masa ini. Seiring dengan aspirasi kerajaan ke arah Wawasan Kemakmuran Bersama, Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited dalam memperkasakan kawalan keselamatan dan keupayaan aset ke atas memperkukuhkan kedaulatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada soalan tambahan?

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan.

Soalan tambahan saya ialah, sejauh mana prinsip *human intelligence* diterapkan di dalam ESSCom dan ESSZone bagi menangani masalah pencerobohan, penyeludupan dan jenayah rentas sempadan bagi memastikan perairan negara, terutamanya perairan di Labuan sentiasa berada dalam keadaan selamat? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Memang sepertimana yang saya jelaskan, bahawa Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan dalam negara terutama tentang kumpulan Abu Sayyaf yang ada ini yang sentiasa memberikan ancaman kepada negara kita.

Kita sentiasa melakukan pemantauan perjalanan operasi di lapangan serta jika berlaku penyelewengan dan kebocoran maklumat, sama ada daripada pegawai atau mana-mana anggota yang terlibat, kita akan mengenakan tindakan yang lebih tegas. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada masyarakat setempat dan juga kumpulan-kumpulan tertentu dalam komuniti kerana sentiasa memberikan maklumat sekiranya ada ancaman pencerobohan ke dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin.

**4. Datuk Donald Peter Mojuntin** minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah hospital kerajaan dan hospital swasta, dan jumlah hospital kerajaan yang dikhususkan untuk merawat pesakit COVID-19 di seluruh negara dan khususnya, di Sabah?

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan melaksanakan usaha untuk memastikan fasiliti kesihatan negara mencukupi untuk menampung pesakit COVID-19, sama ada di seluruh negara amnya ataupun di negeri Sabah khususnya.

Pelan kesiapsiagaan ini telah dirangka berdasarkan unjuran kenaikan kes yang memerlukan rawatan di hospital ataupun di PKRC. Sehingga 13 Oktober 2021, jumlah hospital di seluruh negara yang dikhususkan untuk merawat pesakit COVID-19 merupakan sebanyak 240 buah hospital, di mana sejumlah 126 buah daripadanya merupakan hospital kerajaan, dan 114 buah lagi dari hospital swasta.

Daripada 126 buah hospital kerajaan yang merawat pesakit COVID-19 ini, 120 buah merupakan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, lima buah Hospital Pengajar universiti dan sebuah Hospital Angkatan Tentera Malaysia. Bagi negeri Sabah khususnya, sebanyak 21 buah hospital KKM diperuntukkan bagi perawatan pesakit COVID-19 dan sejumlah enam buah hospital swasta turut terlibat dalam pengurusan pesakit COVID-19.

Dengan 27 buah hospital ini, jumlah katil yang dikhaskan bagi menempatkan pesakit COVID-19 di seluruh negeri Sabah 1,824 buah katil bukan kritikal, dan 231 buah katil ICU. Jadi, di kebanyakan daerah di negeri Sabah ini, mempunyai hospital yang dikhususkan untuk COVID-19. Yakni, di mana ada tempat yang kes melonjak tinggi, maka, KKM akan turun secepat mungkin dengan kaedah kesihatan awam dan juga untuk memantapkan lagi fasiliti hospital di Sabah.

Saya memberikan sedikit gambaran. Hospital Queen Elizabeth- hospital yang dikatakan *full COVID-19*. Maksudnya sepenuhnya COVID-19, dan hanya COVID-19 saja, malah Hospital Queen Elizabeth II merupakan *non-COVID-19 decanting referral*, maksudnya tempat rujukan pesakit-pesakit yang bukan COVID-19. Selain daripada itu, ada hospital yang digelar sebagai hospital hibrid yang juga menjaga pesakit-pesakit yang bukan COVID-19.

Contohnya Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, hospital-hospital di Papar, Tuaran, Mesra Bukit Padang, Ranau, Kota Belud, Sipitang, Marudu, Kudat, Pitas, Keningau, Tenom, Tambunan, Duchess of Kent, Beluran, Lahad Datu, Tawau, Kunak, Semporna merupakan hospital-hospital yang melaksanakan kaedah *hybrid hospital*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapakah yang dulu? Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin dahulukah? Ya.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apa impak akibat pengurangan jumlah hospital daripada segi hibrid ataupun *fully utilized*, dengan izin, untuk COVID-19? Apa akibat pengurangan jumlah katil ataupun jumlah itu untuk merawat pesakit yang mengalami penyakit bukan COVID-19, terutama sekali kepada pesakit-pesakit yang mengalami penyakit yang memerlukan pembedahan elektif dan pembedahan kecemasan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan amat prihatin tentang perkara ini. Maksudnya, bukanlah kita hanya melihat kepada pesakit COVID-19 sahaja dan kita meninggalkan ataupun mengurangkan perhatian kepada pesakit-pesakit *non-COVID-19* ataupun yang memerlukan pembedahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, kerajaan pada awalnya telah sediakan RM100 juta untuk penyumberluaran-*outsourcing*. Kini, ditambah lagi dengan RM100 juta untuk menangani isu ini, di mana pesakit-

pesakit *non-COVID-19* yang memerlukan pembedahan, dirujukkan penyumberluaran kepada hospital-hospital swasta untuk melakukan pembedahan ini.

Jadi, ada hospital-hospital yang saya sebut tadi, swasta yang mengambil kes-kes yang COVID-19 dan juga ada hospital mengambil pesakit-pesakit yang *non-COVID-19* untuk dilaksanakan pembedahan ataupun prosedur-prosedur yang perlu dipercepatkan. Akan tetapi, tidak dapat dilakukan di hospital mengendalikan pesakit COVID-19. Justeru itu, maka mereka yang memerlukan pembedahan, tidak sekali-kali diabaikan. Terima kasih.

■1030

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk memantau atau merawat pesakit-pesakit COVID-19 bagi golongan yang berkeperluan khas seperti warga emas dan juga golongan OKU, adakah pihak kerajaan menyediakan PKRC khusus untuk mereka? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Martina, sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin, sentiasa fikir tentang nasib saudara-saudara kita yang tidak dapat melaksanakan segala-galanya macam orang biasa.

Kerajaan tidak pernah meminggirkan golongan OKU. Walaupun kita tidak menyediakan hospital yang khas atau tempat yang khas tetapi kita sediakan laluan khas. Maknanya kalau mereka daripada golongan OKU akan mendapat perhatian yang dahulu. Contoh saya bagi, kalau tempat vaksinasi umpamanya, maka ada laluan khas untuk orang-orang OKU, ada laluan khas.

Sekarang ini kita sedang melakukan vaksinasi remaja, ada laluan khas untuk mereka yang OKU. Sama juga di hospital- di PKRC umpamanya, ada tempat-tempat yang khas yang disediakan supaya kita dapat memberikan perhatian kepada saudara-saudara kita yang tidak dapat melakukan segala aktiviti seperti orang yang biasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menggunakan dua istilah yang saya fikir kena- "sumber luaran" yakni *outsourcing*. Pertama kali kita dengar. Terima kasih.

Datuk Wira Koh Nai Kwong.



**5. Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, statistik pengeksport hasil pertanian mengikut jenis hasil pertanian, jumlah pendapatan dan negara yang dieksport dan dinyatakan jenis hasil pertanian yang dibenarkan untuk dieksport ke luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, silakan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab persoalan ini bersekali dengan dua soalan, pertamanya daripada Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad yang bertarikh 20 Oktober 2021 dan 21 Oktober 2021 yang menyentuh mengenai statistik import bahan makanan untuk lima tahun kebelakangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020, eksport bahan makanan telah menguncup sebanyak 0.9 peratus kepada RM33.7 bilion berbanding sebanyak RM34 bilion pada tahun 2019. Ini disebabkan oleh sektor pemasaran dan juga rantaian nilai yang terjejas akibat daripada pandemik COVID-19 yang telah melanda negara pada tahun 2020.

Negara-negara eksport utama bagi produk bahan makanan Malaysia pada tahun 2020 adalah:

<b>Negara</b>	<b>RM /Bilion</b>
Singapura	6.8
China	4.2
Thailand	1.9

Di antara lima jenis eksport bahan makanan utama bagi tahun 2020 ialah pertamanya keluaran dan sediaan makanan lain sebanyak:

- (i) RM8.9 bilion yang merangkumi bijirin dan lemak, rumusan, susu bayi, makanan bayi, pelbagai sos dan mi, mihun dan juga pasta;
- (ii) kopi, koko, teh dan rempah sebanyak RM.8 bilion;
- (iii) ikan, krustasea iaitu contohnya seperti udang dan ketam. Moluska seperti sotong dan juga kerangan dan sediaan sebanyak RM3.5 bilion;
- (iv) bijirin dan sediaan bijirin sebanyak RM2.9 bilion yang juga merangkumi beras; dan
- (v) bahan makan untuk ternakan sebanyak RM2.5 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah import bahan makanan negara terus meningkat pada kadar purata 4.1 peratus setahun daripada RM45.3 bilion pada 2015 kepada RM55.4 bilion pada 2020.

Pengimportan bahan makanan ini perlu bagi menampung kekurangan pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan dalam negara, terutamanya bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan juga sayur-sayuran yang beriklim sederhana ataupun *temperate* seperti bawang, ubi kentang, gandum, gula dan sediaan gula.

Terakhirnya, lima jenis import bahan makanan utama bagi tahun 2020;

- (i) kopi, koko, teh dan rempah;
- (ii) bijirin
- (iii) keluaran dan sediaan makanan lain sebanyak RM6.6 bilion;
- (iv) bahan makanan untuk ternakan RM6.2 bilion; dan
- (v) sayur-sayuran sebanyak RM5.1 bilion.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu baik dan jelas sekali.

Soalan tambahan saya adalah apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan import makanan dengan melibatkan lebih banyak syarikat swasta dan golongan profesional dalam bidang pertanian? Apakah insentif-insentif yang telah disediakan untuk usaha-usaha ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Menjadi satu hasrat kerajaan untuk terus mengurangkan jumlah bahan makanan yang kita import yang terus meningkat pada setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Insentif Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang kita letakkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 seharusnya dapat dimanfaatkan bersama oleh bukan sahaja kepada petani, penternak dan juga nelayan, bahkan pengusaha dalam industri pengeluaran makanan.

Justeru, insentif yang telah kita aturkan ataupun yang telah kita adakan, pertamanya kepada syarikat-syarikat baharu yang menceburi pengeluaran bahan makanan diberikan *tax*

*holiday* selama 10 tahun iaitu pendapatan yang berkanun daripada bermula sehingga tahun ke-10, dikecualikan cukai.

Kedua, kepada syarikat-syarikat yang berkembang ataupun *extension* kita berikan *tax holiday* selama lima tahun. Jadi, di sini sebenarnya insentif-insentif untuk menarik minat pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat untuk menyertai bidang pengeluaran pemakanan.

Keduanya, untuk syarikat DDI, syarikat tempatan dan juga termasuk syarikat FDI dari luar negara yang terlibat dalam pengeluaran makanan juga, kita berikan pelepasan cukai sebanyak lima tahun tadi. Insentif ini berbentuk pengecualian daripada potongan cukai pendapatan bagi aktiviti-aktiviti pengeluaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu berkenaan pemasaran pertanian kontan. Kita difahamkan FAMA tidak mampu untuk mengawal atau membantu petani. Kita juga tahu FAMA sama dengan orang tengah Tuan Yang di-Pertua, dia beli barang, beli hasil pertanian dengan harga yang murah, bawah daripada harga siling semasa.

Jadi saya hendak tanya apakah strategi kerajaan terhadap lambakan buah-buahan yang selama ini tidak pernah selesai seperti buah rambutan, tembikai, duku langsung dan lain-lain? Ini sehingga 50 sen dan 20 sen sekilo. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bertanya. Saya rasa tidak begitu tepat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa FAMA tidak berfungsi, bahkan FAMA adalah satu-satunya agensi di bawah MAFI yang telah memainkan peranan yang cukup penting sekali dan seharusnya kita manfaatkan penubuhan FAMA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi Yang Berhormat, saya fikir itu pandangan yang beliau mungkin juruskan di kawasannya. Elok kementerian pergi tengok. Macam saya pun, maafnya di Jelebu, FAMA itu sudah tidak ada fungsi... *[Dewan ketawa]*

**Datuk Razali bin Idris:** Saya boleh sambung Tuan Yang di-Pertua atau tidak?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Ini berlaku di kawasan saya banyak duku langsung Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di kawasan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri sudah faham Yang Berhormat Datuk, jadi...

**Datuk Razali bin Idris:** Kita hendak sahkan ini FAMA ini sebab Timbalan Menteri kata berfungsi. Kita kata berfungsi tetapi pembeliannya di bawah paras harga biasa. Kalau harga RM1 sekilo, dia pergi beli dengan petani dengan petani 70 sen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

■1040

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Biar saya jawab dahulu. Sebenarnya FAMA ini telah memainkan peranan yang cukup penting sekali terutamanya semasa kita menghadapi COVID-19 baru-baru ini, di mana lambakan berlaku. Apa yang patut kita buat sekarang kepada petani-petani, penternak dan nelayan seharusnya mengguna pakai FAMA daripada awal mereka menceburkan diri dalam pengeluaran produk-produk makanan.

Ini kerana kita ada skim yang dipanggil- yang kita buatkan satu perjanjian awal daripada petani kepada FAMA dengan satu harga yang telah kita tetapkan ataupun yang ditetapkan oleh FAMA. Katakan sekarang FAMA kata harga sekilo RM2 untuk pengeluaran timun, tiba-tiba harga timun meningkat sampai RM4, petani diberikan *liberty* ataupun diberikan pilihan untuk menjual di tempat lain. Akan tetapi FAMA sebenarnya tugasnya adalah *the last resort*, apabila petani tidak boleh menjualkan barang-barangan mereka, FAMA lah yang akan bertanggungjawab.

Dalam masa lambakan berlaku semasa COVID-19, FAMA lah yang membantu dan janganlah hendaknya kita membuat satu tuduhan bahkan kita guna pakai daripada awal kita menceburkan diri untuk mengeluarkan produk makanan, buat perjanjian dengan FAMA. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Seri Haji Ahmad, ada tadi satu lagi, Tuan Haji sila.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh tarik sedikit biar jelas bunyinya...  
[Membetulkan pelitup muka]

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Ya, ya. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan strategi kementerian untuk memperluaskan lagi pasaran eksport pertanian negara khususnya yang melibatkan buah-buahan tropika yang menjadi antara komoditi pengeksporan yang paling tinggi negara ketika ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebut tadi, menjadi hasrat kerajaan untuk yang pertamanya sekali bukan sahaja kita hendak mempromosikan barangan-barangan keluaran

Malaysia bahkan kita mahu pastikan imbalan dagang kita pada ketika ini yang menunjukkan satu peningkatan yang cukup membimbangkan sekali.

Ini adalah kerana import kita pada ketika ini adalah sebanyak RM55 bilion sementara eksport kita hanya RM33 bilion di mana imbalan dagang kita di sini sahaja telah pergi RM21.8 bilion menyerupai sebanyak lebih kurang 39 peratus. Jadi kita mempunyai berbagai-bagai strategi untuk memastikan supaya produk-produk makanan kita dapat terus kita pasarkan dan menembusi pasaran antarabangsa.

Matlamat kita yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, adalah sekarang untuk membimbing para petani, penternak dan nelayan. Ketika ini kita punya pendekatan pengeluaran kita yang berorientasikan eksport supaya bukan sahaja mereka memberikan satu tumpuan kepada nilai bahkan kita hendak pengeksportan pengeluaran mereka sentiasa menumpukan kepada kualiti. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

Ahli-ahli Yang Berhormat, lantaran pertanian itu penting jadi kita telah membenarkan tiga soalan tambahan, dan sekiranya isu yang berkaitan FAMA dan lain-lain itu begitu tinggi, bolehlah dimasukkan di bawah atur cara kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Kesejahteraan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

**6. Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) apakah perkembangan semasa dan pencapaian yang telah dicapai oleh inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA); dan
- (b) bagaimana program JENDELA membantu peluasan capaian intranet jalur lebar dan menaik taraf menara komunikasi di kawasan luar bandar dan pedalaman.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah membuat perancangan dan kini sedang dilaksanakan Pelan Pembangunan Infrastruktur Komunikasi yang dinamakan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bertujuan untuk meluaskan liputan dan menambah baik perkhidmatan telekomunikasi demi kehidupan rakyat daripada aspek sosioekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan.

Pelaksanaan Pelan JENDELA Fasa 1 bermula pada September 2020 memberi fokus kepada perluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaik taraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G, meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara. Pencapaian JENDELA hingga 31 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

- (i) penambahan sebanyak 1.47 premis kepada 4.96 juta premis menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.43 juta;
- (ii) kelajuan jalur lebar mudah alih meningkat daripada 25 megabait kepada 31.34 megabait;
- (iii) perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G, 91.8 peratus kepada 94.04 peratus di kawasan berpenduduk hingga suku kedua tahun 2021; dan
- (iv) hampir 1.2 juta orang pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan lebih 76 ribu rangkaian 3G telah ditutup untuk menambah baik liputan kualiti perkhidmatan kepada 4G.

Pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar malah turut mengambil kira infrastruktur digital di kawasan luar bandar dan pedalaman melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) seperti berikut, sehingga 31 Ogos 2021 melalui kaedah penyumbang utama sebanyak 362 buah menara baru akan dibina menjelang penghujung 2022.

Di samping itu juga, sebanyak 1,661 menara baru yang akan dilaksanakan secara kaedah tender terbuka di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara melalui pelantikan penyediaan perkhidmatan sejangat yang dilantik atau *designated universal service provision* pada suku keempat tahun 2021 untuk melonjakkan lagi kadar liputan 4G kepada 96.9 peratus di kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Manakala di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta perkampungan Orang Asli penyediaan perkhidmatan jalur lebar akan dipercepat melalui penyediaan perkhidmatan jalur lebar secara kolektif menggunakan teknologi satelit. Bagi tujuan ini, sebanyak 839 buah lokasi di seluruh negara telah dikenal pasti bagi memastikan agar ia dapat memberi liputan jalur lebar di kawasan-kawasan yang ditumpu.

Secara umumnya pelaksanaan semua inisiatif JENDELA ini bermula bulan Oktober 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat melalui penghujung tahun 2022 manakala perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dijangka siap secara berperingkat mulai 2021. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Simpulkan Yang Berhormat. Soalan tambahan silakan.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah terdapat sebarang bentuk galakan atau usaha sama dengan syarikat telekomunikasi dalam menyediakan pakej jaringan internet di rumah yang lebih mampu milik memandangkan internet kini merupakan satu keperluan dan bukan lagi kehendak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya perkhidmatan jalur lebar yang kita bagi ke kawasan-kawasan di seluruh negara ini daripada segi harganya kita kawal. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, semua barang dalam Malaysia ini naik berperingkat-peringkat kecuali perkhidmatan jalur lebar.

Maknanya dia *stagnant* hari ini kita rendahkan lagi ada. So, sekarang ini kita ada dipanggil program Remaja Prihatin dan sebagainya semuanya kita bagi lagi murah iaitu sebanyak RM30 data percuma dan juga *unlimited call*. Jadi ini merupakan program-program yang sedang kita rancang. Akan tetapi kalaulah kita hendak tambah itu dan ini maknanya tambahan data dan sebagainya untuk kawasan yang sedia ada ini maknanya harganya berbeza.

Akan tetapi untuk pengetahuan daripada segi mampu miliknya kita perkhidmatan jalur lebar ini memang terbaik tidak pernah naik harga daripada dahulu hingga sekarang. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada? Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

7. **Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, status perkembangan terkini mengenai cadangan Menteri sebelum ini untuk menjadikan buluh sebagai tanaman sampingan selain daripada sawit dan getah.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian akan meneruskan hasrat untuk menjadikan buluh sebagai salah satu jenis tanaman sampingan selain komoditi utama yang lain seperti kelapa sawit dan getah berdasarkan potensinya yang boleh dijadikan bahan mentah alternatif kayu untuk pembuatan perabot papan lapis, arang, tekstil, sumber makanan dan lain-lain.

■1050

Hasrat ini juga berdasarkan pasaran buruh dunia yang besar iaitu dianggarkan melebihi RM284.92 bilion setiap tahun bermula tahun 2019 yang boleh diterokai dan dimanfaatkan oleh pemain industri ini. Tanaman buluh mampu menjana pendapatan tambahan kerana sifat buluh

yang cepat membesar, lasak dan mesra alam serta dapat memberikan hasil pulangan dalam masa jangka yang lebih singkat.

Buluh memiliki tempoh matang yang singkat iaitu sekitar empat hingga lima tahun sahaja berbanding tempoh matang pokok kayu hutan yang lain. Jika pembangunan dalam buluh dapat diusahakan dan diuruskan secara mampan, ia mampu salah satu- sumber pendapatan baharu, kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kementerian melalui agensi di bawahnya iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah melaksanakan pelbagai program berkaitan industri buluh, termasuk aktiviti-aktiviti sektor huluan supaya industri ini dapat berkembang maju. Status perkembangan terkini menjadikan buluh sebagai tanaman komuniti adalah:

- (i) telah menyenaraikan buluh, salah satu- spesies, di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH). Program ini menawarkan pinjaman mudah kepada pihak industri yang berminat untuk mengusahakan penanaman buluh yang boleh dikomersialkan. Pinjaman mudah ini melibatkan keluasan melebihi 10 ekar atau empat hektar dan ke atas dengan nilai pinjaman sebanyak RM10 ribu per hektar;
- (ii) MITB telah diluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi melaksanakan *Program Community Farming*, dengan izin, buluh yang menyediakan insentif berbentuk anak pokok dan baja bagi keluasan 10 ekar atau empat hektar ke bawah. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada syarikat atau individu yang berminat. MTIB telah menerima 15 permohonan, dan lima permohonan telah diluluskan, manakala 10 permohonan lagi masih di peringkat pertimbangan;
- (iii) MITB turut menjayakan sambutan Hari Buluh Sedunia pada bulan September setiap tahun bermula pada tahun 2012 bagi mempromosikan buluh sebagai salah satu sektor yang boleh menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti seminar, latihan penanaman buluh secara serentak dan pertandingan yang berkaitan promosi industri buluh; dan
- (iv) MTIB juga telah melancarkan Pelan Pembangunan Strategi Buluh Negara 2021-2031 pada 20 September 2021 bersempena sambutan Hari Buluh Sedunia Malaysia 2021 yang merangkumi teras-teras seperti berikut:
  - (a) pengukuhan dasar dan peluasan sumber;
  - (b) pendekatan modal insan, kepakaran dan kapasiti;



- (c) pengukuhan inovasi teknologi dan penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan;
  - (d) pemeraksanaan rantaian dan jaminan kualiti; dan
  - (e) pengukuhan strategi pemasaran, perkongsian pita dan penjenamaan.
- (v) MTIB turut menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), termasuk penghasilan anak pokok buluh melalui pembangunan tapak semaian secara kaedah *tissue culture* untuk menghasilkan anak benih yang berkualiti dalam kuantiti yang banyak dan penghasilan produk berdasarkan buluh bagi tujuan pengkomersialan dalam industri perkayuan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng. Soalan tambahan. Dipersilakan Yang Berhormat.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Melihat kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kementerian, saya rasa- soalan saya adalah, berapa banyak dan mungkin dalam Ringgit Malaysia, sumbangan pengeluaran buluh kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh jawab?

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Antara spesies buluh itu, ada tidak buluh leman? Oleh sebab di Negeri Sembilan ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua setuju dengan saya, mungkin dalam setahun, dua atau tiga bulan di Negeri Sembilan ramai orang berniaga leman sepanjang jalan. Jadi, perlu *supply* buluh yang banyak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Data itu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak timbang atau jawab yang kedua.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya buluh ini pada ketika ini, negara kita ini ia masih secara kecil-kecilan, tidak berskala besar. Jadi, kebanyakan daripada pekebun kecil mahupun di alam semula jadi, mungkin di hutan simpanan kekal secara semula jadi. Jadi, pada setakat ini eksport kita keluar negara, nilai tahun 2020 - RM8.82 juta tetapi eksport atau import. Import kita ialah RM70.67 juta pada tahun yang sama.

Maknanya, masih mempunyai pasaran yang banyak tetapi usaha kita perlu digalakkan. Oleh sebab itulah dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, kementerian telah memperuntukkan RM10 juta untuk membantu yang saya katakan *community farming* itu supaya mereka di bawah empat ekar itu akan diberi bantuan input, di mana baja dan anak pokok supaya mereka dapat mengembangkan industri secara berskala. Kita ada kekangan sebab hutan simpanan kekal kita

tidak boleh diguna pakai untuk tanam buluh. Jadi, tidak ada tanah didapati untuk memperkembangkan industri ini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Nampaknya Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, berkenaan lemang tadi itu, macam itulah jawabnya... *[Ketawa]*

Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah MTIB menyediakan industri hiliran untuk buluh? Setakat ini, tidak nampak industri hiliran buluh yang ada di sini. Jadi, macam mana kesediaan MTIB untuk industri hiliran bagi buluh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya buluh ini banyak kegunaan. Ia sebagai bahan-bahan mentah untuk buat seperti perabot, makanan, palet dan sebagainya. Jadi, kalau dikatakan di bawah kementerian, kita ada- bawah jagaan MTIB, kita ada juga pengusaha-pengusaha perabot yang memerlukan banyak bahan mentah sebagai pembuat pembinaan produk ini.

Jadi, inilah saya katakan selain daripada *timber* atau pun perkayuan yang kita gunakan, contoh kayu-kayu yang cepat tumbuh, akasia dan sebagainya dan *timbers* semula jadi. Ini juga salah satu mengapa kementerian juga menggalakkan supaya membuat penanaman yang lebih, demi menetapkan supaya mendapatkan bahan-bahan untuk sebagai produk-produk kita di pihak perabot dan *construction* atau pembinaan. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Timbalan Menteri.

Dipersilakan Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**8. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta Menteri Kesihatan menyatakan, status dan pertimbangan kerajaan tentang pelaksanaan semula Daftar Bunuh Diri Kebangsaan (NSRM) bagi membolehkan masyarakat mendapat akses kepada informasi kes bunuh diri.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang membangunkan sistem Registry Bunuh Diri dan Kecederaan Fatal Kebangsaan atau, dengan izin, *National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia* (NSFIRM). NSFIRM bermula pada tahun 2020 dan ketika ini sedang dalam perincian proses kerja serta pembangunan aplikasi bagi sistem tersebut yang akan melibatkan semua *facility* hospital Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh Malaysia.

NSFIRM ini telah disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas dan telah diperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi pembangunan sistem tersebut. Projek ini dijangka siap

sepenuhnya pada tahun 2023. Pembangunan NSFIRM akan membolehkan statistik terperinci dan tepat berkaitan kejadian bunuh diri dan kecederaan *fatal* diperoleh, yang mana ia akan membantu memperkukuhkan usaha pembangunan polisi dan program pencegahan tingkah laku bunuh diri. Sekian, terima kasih.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bunuh diri ialah penyakit mental yang berjangkit. Apakah ada perancangan daripada pihak kerajaan untuk menyekat berita-berita bunuh diri daripada disebar? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator, itu soalan yang penting. Kalau kita dapat lihat, isu kesihatan mental ini ada banyak sebenarnya. Antaranya yang sentiasa terkait ialah tentang pengendalian-pengendalian bunuh diri.

#### ■1110

Malah dalam Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental 2020-2025 yang dilancarkan, memang ada tercatat dalam lapan skop utama itu, menangani bunuh diri. Jadi, sebab itulah kita ada kempen macam contohnya kempen *Let's TALK* Minda Sihat. Ini separuh Bahasa Malaysia, separuh bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah sebab bila hendak bunuh diri itu pemikiran kacau.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Pemikiran celaru, jadi bersesuaian. Itu sebabnya separuh-separuh. Saya pun tadi antara berani dengan tidak berani untuk bercakap depan Tuan Yang di-Pertua sebab Tuan Yang di-Pertua sangat sensitif tentang bahasa ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Jadi *Let's TALK* Minda Sihat. Ini *badge* yang saya pakai ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab Yang Berhormat sudah sebut itu, tengoklah balik perkataan "*registries*" tadi itu.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** *Registry*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Yang Berhormat Puan Fadhlina sudah pun menyebut di situ "daftar" dalam soalan beliau.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Ya, ya. Ini banyak campur-campur sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul. Jadi apabila sudah rojak itu, sudah susahlah kita.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Ya lah. Saya pun mendapati- *insya-Allah* kita akan cuba untuk memperbaiki...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insya-Allah SWT, alhamdulillah.*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Memperbaiki, banyak ini yang tidak kena sebenarnya. Antara persoalan dalam *Let's TALK* Minda Sihat, dia katakan *are you okay?* Itu pun satu lagi saya tidak berani sebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Saya tidak berani sebut Tuan Yang di-Pertua tetapi itu yang ternyata dalam- tapi sebenarnya adakah anda...

**Tuan Yang di-Pertua:** Anda baik?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Anda baik, adakah anda baik? Itu yang sepatutnya. Jadi kita buat pembetulan. Jadi, itulah usaha yang dilakukan oleh kerajaan sentiasa, program ini dengan peruntukan yang kita laksanakan supaya kita dapat tahu setepat-tepatnya. Hari ini kita tengok tahun 2019, seramai 609 orang, tahun 2020, seramai 631 orang, peningkatan dua peratus.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Jawab soalan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Ini disebabkan oleh pandemik yang ada hari ini.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tidak jawab lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap Timbalan Menteri...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Jadi, usaha...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap ya, sekejap. Tadi apa?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan itu belum terjawab lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata belum jawab lagi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Soalan pun Tuan Yang di-Pertua tidak berapa jelas tetapi tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Jadi kita jawab secara tidak jelas Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa pun antara jelas dengan tidak jelas, semua berkaitan tentang bunuh diri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Bagaimana kita hendak menjayakan program ini yang sangat penting hari ini, pasca pandemik ini bunuh diri meningkat. Jadi, usaha-usaha untuk meningkatkan cara menangani bunuh diri ini mesti diperhebat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Itu sebab saya hendak bercerita tentang *Let's TALK* Minda Sihat tetapi terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Setakat itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Saya hendak beri soalan dengan jelas sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan ya.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan jawapan Timbalan Menteri tadi maknanya aplikasi ini hanya akan siap pada tahun 2023. Jadi soalan saya, apakah mekanisme ketika ini untuk kementerian menjalankan intervensi sekiranya aplikasi itu belum siap? Kita memerlukan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *representative data* untuk membuat intervensi bagi kes-kes bunuh diri ini. Mohon jawapan Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Puan Fadhlina sudah sebut itu Timbalan Menteri. Ya, sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun seram mendengar *representative data*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi bagus Timbalan Menteri penuh dengan semangat menerangkan kepada Dewan. Ini satu petanda yang baik.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semangat itu sudah bagi macam jawapan jugalah... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus juga kita ada humor sedikit pagi ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Itu soalan yang baik sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Kan? Siap tahun 2023, apakah hendak dibuat sekarang? Sekarang ini kita menggunakan data-data ini di tempat lain. Contohnya yang saya bacakan tadi merupakan data daripada PDRM. Kita juga ada sumber daripada JPA. Kita ada sumber dari Institut Sosial Malaysia (ISM). Jadi data ini menunjukkan bagaimana masalah bunuh diri ini.

Contoh satu lagi. Daripada Januari ke Mac 2021, sebanyak 336 kes. Sedangkan dari Januari ke Mac 2020, sebanyak 112 kes. Peningkatan sebanyak 67 peratus dan kes didapati kebanyakan antara umur yang produktif, 19 tahun hingga 40 tahun. Jadi, KKM mengambil data-data daripada PDRM ini untuk melihat bagaimana kita hendak mengkajinya.

Oleh sebab itu, usaha untuk melaksanakan sistem daftar bunuh diri dan kecederaan fatal kebangsaan ini sedang dipergiatkan dan sangat serius kita mengharungi perkara ini dan kita meletakkan dana yang tinggi untuk melaksanakan perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insyaa-Allah*. Terima kasih kepada kementerian.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Satu soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**9. Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, jumlah koperasi komuniti yang terjejas akibat pandemik COVID-19 ini dan bantuan yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam mendaya upayakan koperasi komuniti termasuk juga Koperasi Orang Asli untuk berdaya saing semula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Soalan yang agak khusus berkaitan dengan jumlah koperasi komuniti yang terjejas dan koperasi Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah melaksanakan kajian impak pelaksanaan pada Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 ke atas pergerakan koperasi bermula 29 Jun hingga 12 Julai 2021 yang melibatkan 2,884 buah koperasi. Berdasarkan hasil kajian tersebut, sebanyak 67.3 peratus koperasi sangat terkesan, sebanyak 27.6 peratus koperasi terkesan dan 5.1 peratus koperasi tidak terkesan langsung dan jumlah ini termasuk Koperasi Komuniti Orang Asli.

Sehingga 31 Disember 2020, terdapat 3,009 buah koperasi komuniti yang berdaftar dengan SKM dan daripada jumlah itu 98 buah merupakan koperasi Orang Asli. Antara faktor utama yang menyebabkan koperasi komuniti terjejas adalah disebabkan oleh koperasi tergolong dalam koperasi kluster mikro dan kebanyakan mereka terlibat dalam sektor pertanian dan pemborongan serta peruncitan.

Kita di peringkat kementerian sangat menyedari akan keperluan untuk membantu mendaya upayakan semula koperasi-koperasi komuniti. Kita mengenal pasti tiga bentuk intervensi yang melibatkan bantuan kewangan bersasar, program pemulihan perniagaan koperasi dan program pendigitalan koperasi. Ada tiga inisiatif yang kita laksanakan. Pertama, bantuan kewangan bersasar iaitu Pembiayaan Khas COVID-19 sehingga RM100 ribu tanpa cagaran melalui Tabung Modal Pusingan. Kemudian yang kedua, penangguhan balik moratorium selama

enam bulan tahun 2020, dan tahun 2021 dan Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi sehingga RM30 ribu.

Kemudian yang kedua- program pemulihan perniagaan yang melibatkan jualan harga patut koperasi dan program pemulihan koperasi dalam sektor pelancongan dan penjagaan diri termasuk program pendigitalan koperasi melalui *Program Cooperative Digital Empowerment* yang berdasarkan untuk mempertingkatkan pengetahuan dalam aplikasi IR 4.0

Selain itu Yang Berhormat, di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), kementerian melalui SKM turut memperkenalkan program pembiayaan intervensi, peruntukan sebanyak RM20 juta telah disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada beberapa inisiatif yang saya sebutkan tadi sebanyak RM238 ribu bantuan telah diluluskan kepada dua buah koperasi komuniti Orang Asli dan jumlah itu dijangka akan bertambah melalui program yang sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Dua buah koperasi yang saya nyatakan merupakan Koperasi Orang Asli Kampung Jelengok Mai Sengoi Lipis Berhad yang kita telah berikan kelulusan sebanyak RM50 ribu dan Koperasi Peserta FELCRA kawasan Sungai Layau Kota Tinggi Berhad dan kelulusan daripada SKM sebanyak RM188 ribu, menjadikan jumlah keseluruhannya RM238 ribu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Senator.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengalami satu proses PKP dan juga darurat yang panjang. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa banyak kursus secara atas talian yang mana kita perlu menyediakan latihan yang berterusan kepada koperasi-koperasi terutamanya koperasi komuniti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat atas- yang saya kira sangat prihatin berkaitan dengan aktiviti-aktiviti koperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2021 sahaja kementerian melalui agensinya IKM dan SKM telah merancang beberapa program latihan bina upaya koperasi komuniti yang kita buat secara dalam talian ataupun kita buat secara *webinar*, kursus dalam talian dan platform digital.

Untuk setakat ini, sebanyak sembilan program latihan bina upaya telah kita laksanakan melibatkan pelbagai koperasi komuniti sama ada koperasi baharu, belia, wanita dan Orang Asli. Kita fokus kepada tadbir urus berkaitan kewangan, pengurusan perniagaan, jati diri, promosi jualan secara dalam talian dan sebagainya.

Sehingga kini untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 407 orang peserta mewakili koperasi komuniti telah mendapat manfaat sehingga hari ini dan sasaran kita sehingga akhir tahun 2021 adalah seramai 950 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita ada 20 buah program pendekatan, pengetahuan, aplikasi digital koperasi yang *insya-Allah* kita akan laksanakan dan akan memberi manfaat kepada 45 buah koperasi dan kita punya sasaran jumlah peserta adalah seramai 2,283 orang. Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

■1110

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Soalan tambahan satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, silakan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya sesebuah keluarga itu ingin membuat sebuah koperasi dalam keluarga sendiri, ada atau tidak kerajaan menyediakan bantuan ataupun pakej untuk membantu melonjakkan aktiviti koperasi tersebut? Terima kasih.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Untuk setakat ini koperasi- Bagi penubuhan sesebuah koperasi, dahulu 50 orang sekarang, kita sudah kurangkan kepada 20 orang. Ini yang terbaharu.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, untuk profesional seramai lima orang sahaja. Kita juga menggalakkan koperasi dalam kalangan keluarga. Jadi, untuk berkaitan bantuan-bantuan yang sewajarnya diperoleh untuk koperasi berkaitan keluarga itu, *insya-Allah* saya tidak ada data di sini tetapi ada jawapannya. Saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

**10. Ir. Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apa usaha kementerian dalam menangani isu program pendidikan graduan universiti yang tidak selari dengan keperluan industri semasa.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melihat isu ketidaksepadanan ini dapat diatasi dengan cara analisis data dan maklumat yang tepat berkaitan keperluan tenaga mahir. Oleh yang demikian, Kementerian Sumber Manusia melalui agensinya, iaitu Talent Corporation Malaysia Berhad



(TalentCorp) giat memberi penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran graduan akademik dan TVET dengan mengaplikasikan penggunaan Senarai Pekerjaan Kritikal atau, dengan izin, *Critical Occupations List*. Senarai pekerjaan kritikal bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran-kemahiran dan pekerjaan-pekerjaan yang sukar dipenuhi merangkumi keperluan tenaga mahir dan separa mahir, merentasi sektor-sektor utama negara. Ia telah mula diterbitkan oleh TalentCorp sejak tahun 2015. TalentCorp ini nama *company*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Company*.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Nama *company*. Minta maaf, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, itu namanya.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Namanya. Dengan kerjasama Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) di bawah Pejabat Perdana Menteri dan juga Bank Dunia. TalentCorp turut menjadi ahli jawatankuasa Mesyuarat Saringan Awal yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi menyemak silibus kursus baharu di universiti-universiti awam yang mengambil kira input-input daripada kajian senarai pekerjaan kritikal.

Selain itu, inisiatif Latihan Industri Berstruktur bertindak sebagai penggalak kepada penglibatan syarikat dan industri untuk melatih bakat muda dalam negara dengan menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti tinggi melalui insentif potongan cukai yang diberikan oleh kerajaan secara berganda. Sejak dilaksanakan bermula pada tahun 2012, program ini telah memanfaatkan lebih 90 ribu orang graduan termasuk graduan TVET. TVET ini ialah *technical and vocational education and training*. Kajian keberkesanan ini ditetapkan oleh kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, sudah nama bunyi “negara TVET” pula.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Negara TVET... [*Ketawa*] Saya cuba untuk mengelakkan penggunaan perkataan-perkataan sebegini tetapi dibekalkan juga perkataan-perkataan macam ini. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya seronok, sebab kalau kita tidak perjuangkan bahasa, siapalah lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah. *Alhamdulillah*.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Kajian Keberkesanan Latihan Industri Berstruktur pada tahun 2020 mendapati sebanyak 26 peratus pelatih industri berjaya mendapatkan pekerjaan pertama hasil daripada tugas latihan industri.

Tuan Yang di-Pertua, TalentCorp juga telah membentuk badan penasihat industri dan bakat yang dianggotai oleh ketua eksekutif dan pegawai sumber manusia yang dipanggil sebagai kapten industri. Jadi, sekian terima kasih. Ini jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Tambahan, soalan tambahan.

Kalau tiada, pergi kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

**11. Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, senarai bandar-bandar di Malaysia yang secara konsisten merekodkan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap sederhana dan ke atas serta apakah pelan tempoh jangka sederhana dan tempoh jangka panjang kementerian untuk menangani pencemaran alam sekitar di bandar-bandar utama di Malaysia.

**Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Mansor bin Othman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

Berdasarkan data pengawasan kualiti udara Jabatan Alam Sekitar (JAS), yang dipantau secara berterusan ke atas bandar-bandar utama di Malaysia seperti di Alor Setar, Ipoh, Kuala Lumpur, Shah Alam, Seremban, Johor Baru, Kuala Terengganu, Kuching; dan Kota Kinabalu.

Sehingga 21 September 2021, adalah didapati bacaan indeks pencemaran udara (IPU) di kawasan-kawasan tersebut menunjukkan bacaan IPU yang baik dan sederhana sepanjang masa, iaitu tidak memberi kesan buruk kepada kesihatan. Melihat kepada trend bacaan IPU di bandar-bandar utama sebelum tahun 2018, bacaan IPU yang menggunakan parameter habuk sederhana halus bersaiz sepuluh mikron (PM10), kebanyakan kawasan tersebut mencatatkan bilangan hari baik lebih tinggi berbanding dengan bilangan hari sederhana.

Sebagai penambahbaikan, bermula pada tahun 2018, JAS menggunakan parameter habuk halus PM2.5, bersaiz 2.5 mikron. Penambahbaikan ini adalah selaras dengan saranan pertubuhan kesihatan sedunia (WHO) dan digunakan dengan meluas dalam kalangan negara maju. Ini juga adalah sebagai penambahbaikan dalam indeks pencemaran udara. Dengan menggunakan parameter habuk halus PM2.5, didapati bilangan hari yang sederhana lebih tinggi berbanding dengan bilangan hari yang baik. Ini wajar, kerana peningkatan standard bagi memastikan kesihatan awam adalah terjamin.

Untuk makluman, KASA telah melaksanakan Pelan Tindakan Udara Bersih 2010-2020 melalui strategi berikut:

- (i) pengurangan pelepasan gas ekzos daripada kenderaan bermotor;
- (ii) pengurangan pelepasan industri;
- (iii) pencegahan dan pengawalan jerebu daripada kebakaran darat dan hutan serta aktiviti pembakaran terbuka; dan
- (iv) peningkatan pengetahuan dan kesedaran penyertaan orang ramai.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, JAS sedang melaksanakan kajian pembentukan Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan Ke Arah Langit Biru. Tempoh kajian selama

dua tahun sehingga tahun 2020, diharap dapat membentuk strategi dan tindakan yang menyeluruh dengan melibatkan kesemua pemegang taruh bagi pelaksanaan Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan untuk tempoh dari tahun 2021 sehingga 2030. KASA berharap agar dengan pelaksanaan pelan ini nanti, usaha untuk mewujudkan langit biru dapat dijayakan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

**12. Dato' Wira Othman bin Aziz** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, kaedah dan langkah yang diambil oleh institut pengajian tinggi (IPT) untuk memastikan kaedah latihan industri dalam kalangan penuntut mengekalkan kualiti latihan, mengambil kira situasi semasa yang sedang berlaku di dalam negara.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz yang bertanyakan soalan hari ini, berkenaan dengan, bagaimana untuk memastikan kualiti latihan industri diambil kira sewaktu tempoh pandemik COVID-19 ini. Ini saya rasakan sebuah soalan yang cukup penting kerana ia membawa suara ramai pelajar yang terkesan dengan latihan industri yang telah dilaksanakan sepanjang pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan di sini bahawasanya usaha-usaha yang telah pun dibuat oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi ialah untuk memastikan keutamaan diberikan kepada pelajar dalam soal ini. Antara perkara yang menjadi keutamaan KPT ialah:

- (i) membantu pihak berkuasa memutuskan rantaian jangkitan COVID-19;
- (ii) memastikan pelajar-pelajar tetap dapat menguasai ilmu dan kemahiran yang ditetapkan termasuk berkaitan dengan amalan industri; dan
- (iii) memastikan pelajar dapat menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah pun ditetapkan.

KPT memastikan ketiga-tiga keutamaan ini iaitu aspek kebajikan pelajar dan warga pendidikan tinggi dapat tetap dipelihara dengan sebaik yang mungkin.

■1120

Dalam hal ini, untuk makluman Yang Berhormat Senator ke semuanya, pihak Kementerian Pengajian Tinggi tidak akan berkompromi dengan aspek kualiti pengajian program-program di setiap pengajian yang telah ditawarkan. Bermakna dalam hal ini, pertama apabila berlaku pandemik COVID-19 yang kita tidak sangka ini, maka pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah pun memberikan kelonggaran kepada setiap IPT seluruh negara, sama ada IPTA ataupun IPTS

untuk membuat fleksibiliti kepada Program Latihan Industri yang pelajar-pelajar mereka perlu jalani. Antaranya dengan cara dua kaedah, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman.

Kaedah pertama ialah untuk memastikan kita membuat, kaedahnya dengan membuat simulasi dan penerapan *online* atau *remote* berdasarkan aktiviti buku log latihan industri atau praktikal, itu yang pertama, fleksibiliti diberikan begitu. Kedua adalah membuat fleksibiliti dengan cara kajian industri dibuat secara topikal ataupun projek secara dalam talian dengan input dan penyeliaan daripada pengamal industri. Ini merupakan kaedah kedua untuk memastikan kualiti kepada pelajar tetap diberikan walaupun kita berhadapan pandemik COVID-19. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Yang Berhormat, minta nyatakan apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi memastikan pelajar-pelajar industri tersebut apabila ditempatkan di syarikat swasta, tidak dimanipulasikan oleh majikan? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih saya ucapkan kepada soalan ini. Hari ini ada dua isu besar dalam akhbar *Sinar*, saya baca tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Khalil, dan oleh Yang Dipertua PKIM Malaysia, berkenaan dengan seolah-olah ada wujud pendiskriminasian di kalangan pihak industri swasta, pihak swasta dengan pelajar yang akan membuat latihan industri.

Dalam konteks ini, begini. Ingin saya nyatakan bahawasanya pihak Kementerian Pengajian Tinggi ini tidak boleh memberikan sebarang penekanan ataupun memberikan sebarang penegasan kepada pihak swasta, melainkan kalau pelajar-pelajar membuat latihan industri di kementerian-kementerian. Oleh sebab apabila pelajar membuat latihan industri di kementerian-kementerian ataupun di sektor awam, maka sektor itu akan tertakluk pada minit mesyuarat, keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Khas Jemaah Menteri Isu-isu Belia Bilangan 1/2019 pada 15 Ogos 2019.

Akan tetapi untuk pihak swasta, maka kita tidak boleh untuk memberikan *enforcement* ataupun memberikan penekanan kepada mereka. Cuma dalam hal ini, kita tetap memastikan bahawasanya ada sentiasa berlaku perbincangan dengan pihak-pihak swasta untuk memastikan pelajar ini diberikan kebajikan yang sebaiknya. Akan tetapi untuk memberi penekanan, kita tidak boleh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Wira Othman.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Ada bentuk latihan industri yang wajib dibuat secara fizikal, contohnya perubatan, kejuruteraan. Jadi, apa langkah yang diambil oleh universiti untuk memastikan mereka ini tidak perlu memanjangkan tempoh semester pengajian dan juga kelulusan mereka itu dipandang tinggi oleh bakal majikan. Akan tetapi kerana tidak sempurna dengan PKP ini, maka ini masalahnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Wira Othman. Dalam konteks untuk memastikan bahawasanya mereka ini tetap diterima untuk memasuki lapangan pekerjaan, walaupun kita berhadapan dengan situasi di mana mereka tidak boleh mengikuti latihan industri, betul. Ada kadang-kadang, sebagai contohnya dalam aspek *nursing* atau doktor ini, faktor pandemik ini mereka tidak boleh praktikal, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab pada ketika itu doktor dengan *nurse* ini bertungkus-lumus untuk memastikan bahawasanya mereka dapat menangani pandemik COVID-19.

Akan tetapi dalam hal ini, jaminannya adalah dari sudut MQA. Pihak MQA sentiasa memastikan bahawasanya kualiti program ini dijamin dan mereka ini akan diberi fleksibiliti, diberikan ruang sebaik mungkin apabila kita berada dalam era endemik nanti dan tidak ada pendiskriminasian terhadap pelajar. Mereka tetap akan mendapat tempat di ruang-ruang pekerjaan yang sepatutnya. Akan tetapi jaminannya ialah MQA akan memastikan bahawasanya kualiti mereka atau kualiti pengajian itu dapat selari dengan apa yang diperlukan. Saya yakin dalam hal ini pihak industri dan juga pihak-pihak kementerian kita ini, kerajaan ini, saya yakin bahawasanya mereka pun memahami kekangan semasa akibat pandemik COVID-19 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab. Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

**13. Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan strategi yang dirangka menerusi Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang mampu menjana industri tempatan ke arah penghasilan sumber makanan ruji yang mampan dan berkualiti tanpa kebergantungan terhadap sumber import.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam memastikan sumber makanan ruji negara

sentiasa mencukupi dalam apa jua keadaan. Hal ini jelas diperlihatkan menerusi strategi-strategi yang dirangka di bawah Dasar Agro Makanan Negara 2.0 bagi meningkatkan kecekapan produktiviti industri padi dan beras dalam memperkukuh tahap sara diri (SSL) beras.

Selain itu, usaha untuk membangunkan stok penimbal beras memaparkan kesiapsiagaan kerajaan dalam menjamin kelangsungan bekalan beras sekiranya negara terpaksa berhadapan dengan krisis makanan. Seiring dengan dasar yang sedia ada di bawah DAN 2.0, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik, khususnya untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada sumber import.

Antaranya Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya.

Di samping itu, kementerian juga akan mempergiatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan juga inovasi bagi menjamin kemampanan pengeluaran beras negara dengan menghasilkan *variety* ataupun benih yang berhasil tinggi dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta mesra alam. Selaras itu, usaha untuk memperkukuh dan membaik pulih infrastruktur, kemudahan dan juga fasiliti di kawasan jelapang padi akan dilaksanakan, terutamanya pembangunan Pusat Aktiviti Lepas Tuai.

Saya yakin usaha yang sedang dijalankan dan akan dilaksanakan ini akan berkeupayaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik serta menjamin kesinambungan bekalan beras yang merupakan makanan ruji rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan soalan tambahan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang cukup lengkap. Soalan tambahan saya ialah apakah terdapat komoditi makanan utama yang akan diberikan tumpuan khusus dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini komoditi beras diberi keutamaan dan merupakan sebagai makanan ruji rakyat Malaysia. Namun, kerajaan sedar bahawa menjadi keperluan kita untuk terus mengenal pasti apakah alternatif ataupun komoditi-komoditi lain bagi memastikan supaya aspek sekuriti makanan akan terus terjamin. Dalam masa yang sama untuk memastikan supaya kecukupan makanan rakyat dapat terus kita penuhi, secara amnya.

Justeru itu, menerusi Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, penekanan telah kita berikan kepada aspek penyelidikan dan pembangunan berteraskan daripada sekuriti makanan, khususnya ke arah mencukupkan pembangunan makanan ruji ataupun alternatif lain selain daripada beras. Pada masa yang sama, komoditi-komoditi yang mempunyai taraf sara diri (SSL) yang masih rendah lagi dan kebergantungan kita kepada sumber import seperti daging lembu, seperti susu dan lain-lain, kerajaan akan terus memberikan galakan untuk pengeluaran domestik. Antara contohnya, cadangan untuk penubuhan Lembaga Ruminan Negara yang sekarang sebenarnya dalam perangkaan. Kita yakin dengan tertubuhnya Lembaga Ruminan Negara ini akan sedikit sebanyak memberikan kelegaan kepada semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan ya.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah kemampuan kementerian menghasilkan benih berkualiti sepanjang masa untuk meningkatkan hasil padi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Benih. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi benih padi sah?

**Datuk Seri Ahmad bin Hamzah:** Ya, ya. *Insyaa-Allah*, pada ketika ini, kita telah melantik 12 orang pembekal termasuk NAFAS, jadi semuanya 13. Bagi memastikan pembekal-pembekal dan pendorong ini dapat membekalkan benih padi sah kepada semua petani dalam masa yang telah ditetapkan setelah MAFI membuat pemantauan dan membuat pengesahan bahawa benih-benih padi sah ini adalah daripada sumber yang telah kita sahkan.

Keduanya, harga benih padi sah ini telah kita kawal iaitu tidak melebihi RM35 satu- beg. RM35 adalah harga maksimum, kalau RM28 adalah daripada harga pintu kilang dan selepas itu sampai kepada petani RM35. Penyampaian ini akan dibuat terus oleh pendorong-pendorong kita kepada petani-petani bagi memastikan tidak ada kelewatan berlaku apabila mereka- untuk melakukan aktiviti-aktiviti sawah. Jadi kita mahu, kalau boleh, pembekal-pembekal yang telah kita lantik seramai 12 orang, campur satu ini iaitu NAFAS, 13 orang, dapat benar-benar menepati apa yang kita harapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**14. Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan, strategi kementerian dalam menjamin keselamatan pemakanan rakyat di bawah Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Kesihatan ini merupakan harta. Hilang duit boleh cari, hilang kesihatan musnah segala. Mencegah adalah lebih baik daripada merawat kerana mencegah itu murah. Mencegah itu mudah, mencegah itu seronok, dan hasilnya *insya-Allah* akan jadi baik, sedangkan merawat itu mahal. Merawat itu susah, merawat itu sakit dan derita, dan akhirnya mungkin kita akan kecundang.

Tuan Yang di-Pertua. Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0 (DPKM 2.0) dengan tema, '*Kesejahteraan Pemakanan, Tanggungjawab Bersama*' telah dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri pada 27 Julai 2021 dan DPKM 2.0 ini telah menggantikan DPKM pertama yang telah dibentuk pada 2003 serta semakan semula pada tahun 2005.

DPKM ini merupakan komitmen Malaysia kepada Persidangan Pemakanan Antarabangsa 1992 di Rom iaitu *ICN Rome*, di mana dasar ini mempunyai tiga matlamat; pertama, untuk meningkatkan status pemakanan; kedua, untuk mengurangkan *prevalent* penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan; dan ketiga memperkukuhkan sekuriti makanan dan pemakanan

Bagi mencapai matlamat DPKM 2.0 ini, 13 strategi telah dibentuk untuk memastikan kesejahteraan pemakanan rakyat Malaysia, iaitu:

- (i) memasukkan objektif pertimbangan dan komponen ke dalam pembangunan dasar dan pelan tindakan
- (ii) memperkukuhkan tadbir urus pemakanan melalui perundangan dan komitmen politik yang kukuh serta sokongan daripada pihak berkepentingan
- (iii) memperkukuhkan sistem kesihatan dan menangani masalah beban berganda, malpemakanan, serta sekuriti makanan dan pemakanan secara berkesan
- (iv) melibat, menggembelng tenaga, dan mempergiatkan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam menyokong pelaksanaan strategi, program, dan aktiviti pemakanan
- (v) memastikan dan mempertingkatkan sekuriti makanan dan pemakanan kepada semua terutamanya daripada golongan rentan melalui sistem makanan yang lestari
- (vi) mendaya upayakan individu, keluarga, dan masyarakat sebagai agen perubahan dan menggalas tanggungjawab terhadap kesejahteraan mereka melalui pemakanan



- (vii) menyediakan dan memantapkan kemudahan fasiliti dan persekitaran kondusif yang menyokong amalan pemakanan sihat
- (viii) memastikan semua lapisan masyarakat mendapat akses kepada maklumat pemakanan dan teknologi yang boleh dipercayai bagi membolehkan pilihan dan keputusan dibuat termasuk penggunaan media baru
- (ix) mengukuh dan melaksanakan strategi dan program pencegahan intervensi dan pemulihan pemakanan yang inovatif dan berkesan
- (x) menambah baik strategi dan program pemakanan untuk bayi dan kanak-kanak kecil, remaja, dan wanita dalam umur reproduktif
- (xi) mempertingkatkan intervensi pemakanan untuk golongan rentan termasuk Orang Asli, miskin bandar dan orang kelainan upaya
- (xii) mencipta dan mengukuhkan keupayaan pemakanan kebangsaan ke arah penuaan yang sihat, dan;
- (xiii) mempromosi dan memperkukuhkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan untuk makanan dan pemakanan merentasi semua sektor dalam memastikan penggubalan dasar dan program adalah berdasarkan bukti.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, strategi itu ada 13 kesemuanya. Saya cuma nak bertanya, bagaimanakah pihak kerajaan membuat program-program? Sebabnya, kita ada laporan dari Universiti Sains Malaysia yang mengatakan kanak-kanak di Kelantan ini yang berumur enam tahun ke bawah adalah terbantut, ataupun mengalami malnutrisi.

Jadi adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula dan menimbangkan program seperti, contohnya, program yang dibuat di perkampungan Orang Asli iaitu Projek Pemakanan Komuniti ataupun *Community Feeding Project* yang dijalankan untuk kanak-kanak terbantut di perkampungan Orang Asli supaya diluaskan kepada kanak-kanak bukan Orang Asli di Kelantan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan yang sangat penting, yang menunjukkan Yang Berhormat ini amat prihatin. Dia bukan sahaja di Kelantan dan bukan sahaja Orang Asli malah kajian ini telah dibuat begitu lama juga. Disebabkan kehebatan sosioekonomi hari ini dan perubahan gaya hidup dan

tabiat pemakanan hari ini, Malaysia hari ini terpaksa melalui dua masalah besar yang dikatakan bebanan berganda ini iaitu yang pertama ialah obesiti. Kedua ialah yang kita sebut tadi iaitu kanak-kanak bawah daripada umur lima tahun yang didapati bantut.

Malah kajian menunjukkan pada tahun 2006, 17.5 peratus. Pada tahun 2016, naik 20.7 peratus, dan *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) 2019 naik kepada 21.8 peratus. Sebab itu kerajaan amat prihatin, sebab itu sekarang saya amat bimbang, dan kita hari ini ada Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia dengan pelan tindakan yang telah diperbaiki-sudah tiga kali- yang akan menggembleng tenaga. Sebab itu tema kita hari ini adalah, "*Kewajipan bersama.*" Maknanya, ini pun dalam, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *whole government, whole society approach*. Maknanya kesihatan ini bukan Kementerian Kesihatan sahaja, kesihatan ini semua orang.

Hari ini kita lihat, daripada peratusan yang kita ada hari ini, obesiti sahaja hari ini, satu dalam dua orang. Sama ada *overweight* atau berlebihan berat badan, ataupun *obese*. Ini masalah, malah kajian menunjukkan, satu dalam dua orang mempunyai ukur lilit perut yang besar ataupun dalam istilah ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, buncit. Bukan sahaja bantut ada, buncit pun ada. Jadi kita menghadapi masalah ini. Sebab itu, pemakanan sangat penting kerana ia akan menjurus kepada penyakit-penyakit tidak berjangkit dan akhirnya menyebabkan rakyat jadi tidak produktif dan negara akan rugi.

Jadi, untuk jawapan Yang Berhormat Senator tadi, memang kita sedang menganalisis benda ini dan kita akan sangat serius kerana dua masalah tadi adalah bantut dan obesiti. Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila sampai ke buncit kita hari ini ya... *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soal jawab berakhir. Setiausaha.

***[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]***

**USUL****USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 6(1)  
DIBACA BERSAMA PERATURAN MESYUARAT 6(3)**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Sri Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) dan dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 6(3), saya mohon mencadangkan agar Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara semasa ketidakhadiran Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada sesi ini.”

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Seri Dr. Santhara]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas usul yang dikemukakan itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.*

**■1140**

Sebagai makluman, terpaksa usul ini dikemukakan pada hari ini lantaran timbulnya sesuatu tugas yang perlu kita berbuat sedemikian. Ia sesuai dengan Peraturan 6(1) dibaca bersekali dengan Peraturan 6(3), *alhamdulillah*.

Sekarang dijemput Setiausaha untuk menyampaikan ada apa-apa lagi yang untuk dibereskan.

**USUL****RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS 2021-2025**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

**Menyedari** akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

**Merestui** usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

**Meluluskan** Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif “Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan” dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

- (b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar.” **[13 Oktober 2021]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan hormatnya dijemput Yang Berhormat Senator Dato’ Isa bin Ab Hamid untuk menyambung perbahasan dan diberikan masa 10 minit lantaran giliran yang telah banyak kita isi melibatkan perbahasan yang panjang. Justeru dimohon agar kita dapat mengemaskan hujah-hujah dalam tempoh tersebut.

**11.41 pg.**

**Dato’ Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua hebat berpantun, saya ingin menjual pantun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato’ Isa bin Ab. Hamid:**

*Pulau Pisang jauh ke tengah,  
Hendak memancing ikan tenggiri,  
Kali ini sungguh bertuah,  
Dapat berbahas dua hari.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Dato’ Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua semalam saya berbahas dan menyambung hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tapi itu elok juga dijawab.

*Kerakap di tepi permatang,  
Permatang ada di sana,  
Bercakap jangan panjang,  
Bertandang jangan lama... [Tepuk]*

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan perkara yang sangat penting untuk menyambung perbahasan kali ini ialah tentang cadangan pindaan Akta 134.

Kita lihat telah hampir lebih 65 tahun akta ini tidak disemak atau dikemas kini, dipinda secara serius. Maka itu saya melihat bahawa kerajaan- saya mohon Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-undang) untuk melihat perkara ini supaya diberi ruang kepada komuniti Orang Asli untuk lebih berdaya saing, dinamik dengan perubahan masa. Kalau kita melihat di New Zealand terdapat banyak akta Orang Asli Maori, akta pendidikan satu, akta pembangunan tanah satu, akta kesihatan satu.

Akan tetapi masyarakat Orang Asli di Malaysia, satu akta banyak perkara itu dan hanya dua tiga subseksyen sahaja yang dibincangkan dan dibahaskan. Maka itu saya mencadangkan supaya Dewan ini mewujudkan satu Jawatankuasa Khas Pembangunan Orang Asli di Parlimen. Maka ini kalau kita melihat hari ini pun saya tidak boleh lagi menjadi Senator Orang Asli- kalau mengikut Akta Orang Asli. Mengikut Akta Orang Asli, Orang Asli hendaklah berbudaya dan berbahasa Orang Asli. Dengan pakaian kot begini bukan lagi menunjukkan Orang Asli. Maka ini salah satu yang saya beri gambaran bagaimana Akta Orang Asli itu perlu dipinda.

Saya melihat juga bahawa cabaran untuk mendepani, menangani, memandu arah tuju yang lebih kukuh bahawa jawatan penasihat undang-undang di JAKOA. Isu tanah berbangkit sepanjang zaman. Isu-isu wanita Orang Asli berkahwin dengan warga asing banyak berlaku. Maka ini tidak ada satu Penasihat Undang-undang yang dapat menasihatkan khas kepada Ketua Pengarah dan masyarakat Orang Asli dalam isu-isu seperti ini.

Saya juga mohon dipanjangkan pegawai-pegawai pinjaman PTG di JAKOA, pegawai seni dan budaya di JAKOA, pegawai koperasi di JAKOA. Sebab JAKOA banyak segmen, pembangunan koperasi ada 97. Semalam saya jelaskan ada 13 ribu Orang Asli dalam koperasi. Maka ini perlukan pegawai-pegawai *expert*, yang mahir Tuan Yang di-Pertua. Pegawai yang mahir di JAKOA untuk memandu arah perkara-perkara yang khusus dalam perkara ini.

Saya juga telah bercakap tentang mewujudkan semula Majlis Penasihat Orang Asli. Sudah kali ketiga Pengarah Orang Asli- termasuk Dato' Ajis bin Sitin yang berada di depan saya ini. Saya bercakap supaya wujudnya majlis ini untuk melihat, memantau dan menangani isu-isu JAKOA.

JAKOA tidak dapat dipantau sepenuhnya oleh KPLB sebab mempunyai banyak jabatan dan anak syarikat kerajaan negeri. Maka itu banyak isu terlepas pandang. Kalau saya bangkitkan satu perkara, SPMOA dahulu iDamak. Sistem Memantau Data Orang Asli, iDamak dulu. Sekarang SPMOA. SPMOA ini saya menyemak sudah lebih lima tahun tidak siap-siap. Kalaulah JAKOA

kata tak akan siap, saya tidak akan tanya. Dia kata akan dikemas kini, akan dikemas kini maka saya bertanyalah setiap kali saya berbahas di Dewan ini.

Maka inilah perkara yang saya kongsi bagaimana pentingnya Akta 134 dan menaik taraf Jabatan Orang Asli. Maka itu juga saya mencadangkan mungkin kerajaan dapat menambah baik pembangunan Orang Asli ialah dengan mewujudkan Penasihat Orang Asli di Jabatan Perdana Menteri, akan melihat, memantau integrasi peranan-peranan antara jabatan-jabatan, kementerian-kementerian untuk merentasi peranan mereka di dalam jabatan dan kementerian kepada pembangunan Orang Asli.

Seperkara yang sangat penting yang saya ingin bahaskan di Dewan ini ialah tentang nelayan. Nelayan sinonim dalam hidup saya. Sebelum saya menjadi insan hari ini, saya merupakan nelayan selepas SPM. Maka itu nelayan itu telah menjadikan saya untuk berani, kuat dan bercakap dengan garang sebab di laut tidak ada memanggil "*hoi*". Tak ada. Dia memanggil dengan kuat, "Hoi! Apa khabar! Dapat berapa?" Inilah keadaan nelayan Orang Laut yang suaranya lantang dan keras.

Maka itu saya bercakap tentang isu nelayan. Isu nelayan yang tidak ada lesen menjadi jiwa yang parah kepada nelayan. Sehingga mereka bercakap "*Dato', kami hendak lesen bukan hendak subsidi.*" Pendapatan sebagai nelayan- baru-baru ini kerang, pendapatan RM10 ribu hingga RM20 ribu sebulan mereka tidak perlu subsidi minyak RM200 atau RM300.

Mereka hanya hendak lesen. Maka dengan lesen inilah mereka dapat ke laut dan akhirnya tidak dihalau oleh Maritim dan APPM. APPM dan Maritim akan menghalau kerana mereka tidak ada lesen. Yang saya kesal, Orang Laut sejarahnya di laut, beranaknyanya di laut. Dahulunya di laut, hendak ke laut tidak boleh kerana tidak ada lesen. Kalau tidak lesen memandu, kita boleh pergi ke sekolah memandu. Akan tetapi tidak ada lesen laut ini tidak ada sekolah lesen laut. Maka itu saya minta kerajaan kalau boleh disediakan lesen khas kepada nelayan-nelayan ini untuk diberitama tanpa subsidi. Kalau ada subsidi alangkah baiknya kerajaan itu. Maka ini saya mohon kerajaan.

Perkara yang saya bangkitkan di Pasir Gudang, ada sebahagian besarnya- ada 173 Orang Asli yang tidak ada lesen. 168 orang Melayu tidak ada lesen, orang Cina enam. Yang di sini sahaja ada 344 tidak ada lesen. Yang memperbaharui lesen ada hampir 1,000 hingga 852 orang berlesen. Kalau kita melihat di Pontian, yang tidak ada lesen 145 orang. Ini yang berdaftar dengan Persatuan Nelayan Kawasan. Yang tidak berdaftar lebih ramai daripada yang berdaftar. Maka inilah saya mohon sebagai masyarakat nelayan anak Pontian saya minta kerajaan prihatin dalam perkara ini.

Seperkara lagi saya yang datang daripada dunia pendidikan melihat isu di Pontian, menaik taraf Kolej Tingkatan 6, Pontian. Kolej Tingkatan 6 Pontian yang dahulu kita kenali di bawah pentadbiran sekolah sekarang khas untuk pelajar Tingkatan 6 sahaja. Konsep macam matrikulasi.

Di sini kolej ini merupakan kolej terbaik di Malaysia tapi yang kita harapkan supaya adanya pembinaan dewan. Ia tidak ada dewan peperiksaan. Ia tidak ada dewan khas, dewan besar untuk aktiviti dan program di sekolah. Apa yang saya cadangkan juga supaya mewujudkan asrama sebab pelajar yang datang ke kolej ini datang daripada sebahagian besarnya di bandar. Akan tetapi ada juga yang jauh di Sekolah Menengah Parit Botak, Sekolah Menengah Benut, Sekolah Menengah Sri Kukup yang tidak ada kemudahan kenderaan dan sebagainya hendak duduk di asrama, tidak kesampaian. Ada yang menyewa di rumah-rumah, di kompleks-kompleks atau di flat-flat. Yang inilah yang saya minta jasa baik perhatian kementerian supaya mewujudkan asrama untuk kegunaan pelajar-pelajar luar bandar terutamanya anak miskin, anak Orang Asli dan juga B40.

Untuk semalam saya berhutang masa yang lebih, maka hari ini saya bayar ada dua minit 30 saat. Sekian terima kasih, *wassalamualaikum warahmatullah*. Akhir sekali saya menyokong Usul RMK kali ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Pandangan beliau berkaitan Orang Asli untuk diteliti oleh Jawatankuasa Dewan Negara itu amat baik. Saya percaya, dalam sesi kerja kita nanti, ini satu daripada fokus yang seharusnya kita ambil berat, *insya-Allah*.

Selepas itu Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili. Tidak ada dalam Dewan.

Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, juga tidak ada.

Ini saya terpaksa mengambil pandangan yang setimpal. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

**11.51 pg.**

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'alamin...* [Membaca selawat dan doa]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kedua Belas. Firman Allah dalam Surah Al-Hajj, ayat ke-18 yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan*

*mengerjakan suruhannya dan meninggalkan larangannya dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang telah disediakan daripada amal-amalnya untuk hari esok yakni hari akhirat dan sekali lagi diingatkan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha meliputi pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan”.*

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* syukur kepada Allah SWT yang telah mempermudah segala urusan pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas dan diluluskan di Dewan Rakyat. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) serta semua warga kerja kementerian yang telah berjaya merangka pelan Rancangan Malaysia Kedua Belas, dan mempersembahkannya dengan baik.

Rancangan Malaysia Kedua Belas yang memperkenalkan pendekatan baharu yang diharapkan boleh membawa perubahan dengan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 Pemacu perubahan dengan objektif, ‘Malaysia Makmur - Inklusif dan Mampan.’ Pelan jangka masa sederhana ini diharap mampu dilaksanakan supaya hala tuju pembangunan negara Warisan Kemakmuran Bersama 2030 dapat dicapai.

Harapan rakyat tinggi menggunung supaya Rancangan Malaysia Kedua Belas ini dapat memulihkan dan merencanakan lagi ekonomi negara. Pandemik COVID-19 memburukkan lagi krisis ekonomi, menyebabkan penguncupan ekonomi Malaysia kepada 5.6 peratus lebih rendah daripada penguncupan ekonomi global iaitu 3.2 peratus.

*[Datuk Paul Igai **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tiada siapa menjangkakan yang krisis kesihatan ini telah menyebabkan ekonomi Malaysia dan dunia terkesan dengan teruk. Ini merupakan pengajaran kepada kita supaya mengambil berat isu-isu kesihatan terutamanya isu penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit yang saling mempengaruhi taraf kesihatan rakyat. Justeru itu, saya ingin menarik perhatian kepada tema dua iaitu memperkukuhkan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti dan pemaju perubahan kelima iaitu memperkukuh sistem penjagaan kesihatan bagi memastikan negara yang sihat dan produktif.

Tuan Yang di-Pertua, punca kematian utama negara adalah disebabkan oleh penyakit-penyakit yang tidak berjangkit. Peningkatan dalam penggunaan makanan padat tenaga atau berkalori tinggi, gula dan lemak yang tinggi, penurunan aktiviti fizikal dan tekanan hidup menyumbang kepada penyakit-penyakit kronik seperti obesiti, darah tinggi, kencing manis, penyakit koronari, penyakit jantung, kegagalan buah pinggang dan lain-lain. Malaysia juga



dijangka mempunyai penuaan penduduk sekitar tahun 2030 apabila peratus penduduk berusia 60 tahun ke atas mencecah 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

Oleh itu kerajaan perlu mengambil kira situasi yang sedang dan bakal dihadapi ini. Keadaan ini akan menjadi beban kepada negara jika langkah-langkah pencegahan tidak diberi perhatian serius. Amalan hidup sihat adalah cara yang paling berkesan untuk mencegah penyakit-penyakit yang tidak berjangkit dan warga emas dapat kekal sihat di usia lanjut mereka. Dengan itu, kadar morbiditi dapat diturunkan dan kematian pra matang dapat dikurangkan. Warga emas dapat hidup selesa tanpa penyakit kronik di penghujung usia mereka.

Mengikut *Bloomberg Global Health Index*, dengan izin, yang mengambil kira beberapa faktor berikut untuk menilai dan menentukan kedudukan sebuah negara itu berisiko kesihatan sama ada dalam penggunaan tembakau, tekanan darah tinggi dan juga obesiti, ketersediaan bekalan air bersih, jangka hayat- *live expectancy*, dengan izin, malnutrisi dan juga sebab-sebab kematian. Dengan mengguna pakai indeks ini, Sepanyol merupakan negara yang tersihat di dunia. Kita boleh mencontohi amalan rakyat mereka untuk mempromosikan gaya hidup sihat.

Rakyat Sepanyol mengamalkan diet yang sihat dengan mengambil banyak sayuran dan buah-buahan yang mencukupi dan lebih banyak berjalan kaki daripada menggunakan kenderaan. Dikatakan sebanyak 37 peratus daripada rakyat mereka pergi kerja berjalan kaki.

Jadi, rakyat yang sihat tanpa penyakit tidak berjangkit atau penyakit kronik mempunyai daya tahan yang kuat untuk melawan penyakit berjangkit. Kerajaan telah mewujudkan KOSPEN dengan melibatkan CSO bagi mempromosikan amalan ini. Satu program yang bagus, namun liputan adalah tidak meluas. Program ini perlu ditambah baik, diberi tambahan bajet dan diperluaskan supaya dapat dimanfaatkan kepada lebih ramai rakyat. Kempen Amalan Hidup Sihat ini, perlu dibuat secara meluas di semua peringkat. Selain itu, sistem pemantauan perlu dibuat untuk memastikan program ini berjalan dan memberi impak penambahbaikan kepada taraf kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan kesihatan awam amat penting diperkukuhkan dengan sokongan sumber manusia. Tambahan peruntukan dan aset untuk kawalan dan aktiviti *surveillance*. Pencegahan penyakit berjangkit ataupun penyakit tidak berjangkit serta pengurusan data. Pencegahan adalah lebih baik dari merawat. Malah kos untuk pencegahan jauh lebih murah daripada kos untuk merawat. Mengambil iktibar pandemik COVID-19, kesihatan primer merupakan perkhidmatan yang penting dalam menguruskan kesihatan di peringkat paling dekat dengan rakyat di seluruh Malaysia.

Klinik kesihatan memainkan pelbagai peranan bermula aspek pencegahan, pengesanan kes, rawatan awal dan juga rawatan kecemasan, vaksinasi serta rawatan selepas jangkitan

COVID-19. Pada masa yang sama, mereka juga perlu meneruskan kerja-kerja hakiki mereka iaitu merawat dan memberi perkhidmatan kesihatan yang sedia ada. Bayangkan beban kerja yang mereka terpaksa hadapi.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan rawatan primer perlu diberikan perhatian sewajarnya daripada segi peruntukan kewangan termasuk peruntukan khusus untuk kajian-kajian, infrastruktur dan sumber manusia bagi mendepani fasa endemik dan meningkatkan taraf kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan insan dalam menambahkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang dan keperluan pegawai perubatan kontrak diserap kepada tetap adalah penting...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh minta penjelasan sedikit Yang Berhormat?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Silakan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang Berhormat menyebut soal pengurusan kesihatan awam. Adakah bermakna ketika ini, pengurusan awam di klinik-klinik atau hospital itu tidak mencukupi ataupun Yang Berhormat mencadangkan sebuah jabatan khas untuk memastikan pusat kesihatan awam.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Sepatutnya kita ada sebuah jabatan khusus untuk kesihatan awam yang lebih mengkhususkan kepada rawatan pencegahan- untuk pencegahan kepada penyakit-penyakit dan untuk beberapa isu kesihatan sebelum kita jatuh sakit.

#### ■1200

Ini yang perlu kita ambil perhatian. Ini disebabkan sekarang kita lebih kepada merawat penyakit kerana rakyat kita sudah terbiasa. Sakit, jumpa doktor. Kita tidak biasa dengan amalan-amalan berjumpa doktor memastikan kita kekal sihat. Untuk membuat saringan peringkat awal ataupun membuat pemeriksaan kesihatan untuk menentukan kita ini adalah sihat. Jadi, adalah amat penting kita wujudkan sebuah jabatan khusus di bawah kesihatan awam.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tambahan, tambahan, Yang Berhormat.

**Datuk Paul Igai:** Kalau adakah, adakah...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Sikit lagi. Berkaitan.

**Datuk Paul Igai:** Yang Berhormat beri peluang tadi, ada?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Ya. Berkaitan. Adakah Yang Berhormat setuju supaya kita memastikan semua kakitangan awam di Malaysia hendaklah menjalani *medical checkup* setiap tahun dan bajet disediakan oleh kerajaan supaya memastikan *government servants* kita dalam keadaan sihat?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Saya bersetuju dan boleh dimasukkan dalam ucapan saya. Ini disebabkan kakitangan yang sihat, kosnya lebih murah kalau hendak bandingkan berkenaan dengan kos saja. Rawatan perubatan adalah lebih mahal berkali-kali ganda berbanding dengan pencegahan.

Pembangunan insan dalam menambahkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang dan keperluan pegawai perubatan kontrak diserap kepada tetap adalah penting dalam menjamin pengurusan kesihatan yang baik pada masa hadapan. Pelbagai inisiatif perlu dirangka supaya doktor-doktor pakar kita tidak meninggalkan perkhidmatan awam. Contohnya, pakar-pakar yang sudah lama berkhidmat dalam kerajaan, perlu dinaikkan pangkat.

Saya dapat tahu bahawa ramai lagi pakar-pakar perubatan dan kesihatan kita yang belum dinaikkan pangkat walaupun mereka sudah setia berada bersama perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya kerajaan melaksanakan reformasi dalam perkhidmatan kesihatan supaya tenaga profesional perubatan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Sektor perkhidmatan kesihatan swasta perlu dilibatkan dalam perbincangan, perancangan dan pelaksanaan reformasi sistem penjagaan kesihatan. Kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta ini adalah perlu untuk memperkemaskan sistem penjagaan kesihatan. Pandemik COVID-19 telah membuktikan sektor swasta dan awam dapat bekerjasama dengan membantu pengurusan pesakit COVID-19 dan juga program vaksinasi.

Kerjasama ini perlu diperluaskan dalam penjagaan kesihatan, terutama dalam rawatan ulangan dan pemantauan pesakit-pesakit kronik. Kita sedar penjagaan kesihatan melibatkan kos yang besar. Oleh itu, sebuah model sistem pembiayaan yang tidak membebankan rakyat perlu diperkenalkan dan dikaji dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan prasarana kesihatan adalah sama penting dengan pembangunan sumber manusia. Beberapa buah hospital dan klinik kesihatan yang masih dalam pembinaan, terkebelakang daripada jangkaan siap sebenar. Contohnya, Hospital Bachok di tempat saya sendiri yang sepatutnya disiapkan pada Disember 2020 tetapi setakat ini hanya siap sebanyak 74 peratus.

Ini menyebabkan kerugian yang besar kerana ia akan melibatkan penambahan kos. Kerugian juga apabila pada saat ini kita amat memerlukan kemudahan hospital akibat wabak COVID-19 yang bakal menjadi endemik tidak lama lagi. Kerajaan perlu memastikan perkara sebegini tidak berulang lagi. Di Kelantan, bukan sahaja hospital ini terlewat daripada jangkaan siap, lebuhraya *Central Spine Road*, dengan izin, Lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai juga terkebelakang daripada jangkaan siap. Projek pembangunan asas ini adalah di bawah RMKe-11.

Justeru itu, dipohon diberi perhatian supaya dapat disiapkan dengan segera. Kerajaan perlu memberi fokus yang lebih kepada pembangunan infrastruktur asas ini kepada negeri yang kurang membangun, terutamanya di negeri Kelantan, Sabah, Sarawak, Terengganu, Perlis dan Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kedua Belas meletakkan pemacu perubahan keenam iaitu mentransformasikan pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar. Kaedah pengukuran kemiskinan yang tepat adalah penting dalam penggubalan dasar untuk membantu golongan miskin. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) keseluruhan berdasarkan pengiraan PGK makanan dan bukan makanan bagi tahun 2019 ialah RM2,208.

Kenaikan kos hidup yang cepat perlu diambil kira bagi melaksanakan program-program kepada golongan sasaran. PGK 2019 sudah tidak relevan lagi untuk tahun 2021 atau tahun 2025. Oleh itu, perlu sentiasa disemak secara berkala supaya sentiasa relevan dengan situasi semasa. Kumpulan sasar khusus perlu diberi keutamaan. Program pemerksaan orang kurang upaya perlu diberi perhatian. Bukan sahaja supaya mereka boleh berdikari daripada segi keupayaan penjagaan diri, mandiri daripada segi ekonomi atau berupaya bekerja di sektor awam atau swasta. Malahan, mereka perlu diberi kesedaran kewajipan dalam beragama.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan OKU perlu menyeluruh. Pelancaran Buku Pelan Tindakan Strategi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 1 Mac yang lalu oleh Yang Berhormat Menteri secara *live* di *Facebook*.

Justeru, sebagai salah satu kumpulan sasar KPWK, OKU adalah antara komuniti yang perlu diberi perhatian. Pelan tindakan strategi lima tahun wajar mengambil kira elemen-elemen jasmani, emosi dan rohani bagi memastikan usaha pembangunan OKU bersifat mampan dan lestari. Kelantan telah pun membuktikan pembangunan yang mengambil kira elemen penciptaan fitrah mampu menatijahkan suatu perkembangan yang amat positif. Ini telah dijelmakan melalui pembentukan sub-dasar berkaitan iaitu dinamakan OKU *Muqarrabun*. Dasar yang mengambil kira fitrah penciptaan manusia ini telah berjaya meletakkan OKU sebagai segmen komuniti yang aktif dan berperanan dalam masyarakat.

Penguatan jati diri OKU harus dituruti dengan kefahaman dan kesediaan masyarakat menerima serta memperakui kepelbagaian keupayaan yang ada dan potensi yang harus dibangunkan dalam diri seseorang OKU.

Semua ini dirangkumkan dalam pelaksanaan Dasar OKU *Muqarrabun* yang telah berjalan sejak tahun 2017 di negeri Kelantan. Sistem sokongan adalah perlu untuk memastikan golongan istimewa ini mendapat hak mereka. Sistem sokongan seperti jurubahasa isyarat oleh pihak kerajaan untuk menunjukkan kesungguhan membantu OKU mendapatkan akses kepada agama.

Untuk merealisasikan konsep Keluarga Malaysia, OKU juga berhak untuk mendapat kursus pra-perkahwinan. Kerajaan perlu merangka modul pengisian dan kaedah yang sesuai mengikut kategori OKU.

Begitu juga dalam soal, ibadah fardu ain ataupun fardu kifayah. Mereka juga berhak untuk belajar dan mengamalkan, bersesuaian dengan keupayaan mereka. Abdullah bin Umami Maktum Radhiyallahu 'anhu dan Julaibib Radhiyallahu 'anhu, dua orang pemuda cacat yang dikasihi Rasulullah SAW, ialah idola yang sepatutnya menjadi ikutan warga istimewa yang beragama Islam. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Penasihat OKU Negeri (MPON) Kelantan, yang saya sendiri adalah salah seorang daripada jawatankuasanya, telah menubuhkan satu pasukan sukarelawan yang terdiri daripada orang-orang kurang upaya sebagai penggerak. Mereka membantu dalam pengumpulan data, pendaftaran OKU, program-program advokasi dan juga membantu membuat *audit access* kepada bangunan-bangunan ataupun kepada tempat-tempat awam untuk kemudahan OKU.

Kehadiran mereka menyampaikan penerangan di masjid-masjid atau program-program kerajaan dengan membawa gagasan OKU *Muqarrabun* telah membuka ramai orang awam untuk turut sama dalam kewajipan menyediakan prasarana dan kemudahan mengerjakan ibadah sama ada di masjid atau tempat-tempat awam.

**Datuk Paul Igai:** Yang Berhormat, panjang lagi kah, Yang Berhormat Senator, Dr.?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Okey, siapakah?

**Datuk Paul Igai:** Habis masa sudah.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Ada, ada sikit lagi.

■1210

**Datuk Paul Igai:** Silakan.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Sedikit sahaja lagi. Tiga minit. Selain itu, pihak kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada isu berkaitan reproduktif untuk remaja OKU terutama OKU mental. Ibu bapa, penjaga ataupun ahli komuniti perlu ambil perhatian mengenai hal ini. Kita tidak mahu mereka terdedah atau menjadi mangsa rogol atau cabul oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

OKU juga perlu diberi pendidikan perancang keluarga. Ada beberapa kes yang ditemui ibu bapa OKU mempunyai dua, tiga orang anak OKU juga. Ini tentunya membebankan keluarga terutamanya jika ibu bapa tidak ada pekerjaan atau sumber pendapatan tetap. Pemerksaan komuniti terutama suri rumah ataupun ibu-ibu tunggal dengan latihan-latihan sebagai pengasuh, atau *caregiver* supaya dapat membantu ibu bapa yang ada anak OKU dapat berehat untuk sejam dua dalam sehari agar kesejahteraan mereka tidak merosot.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya mengurangkan kemiskinan, namun masih ada kelompok-kelompok tertentu yang masih berada pada tahap yang sama atau makin merosot. Golongan ini yang sering disebut sebagai asnaf merupakan golongan rentan yang terdedah kepada pelbagai risiko seperti masalah kesihatan, keruntuhan akhlak dan gejala sosial. Keadaan yang sukar diubah melainkan kita berupaya mengubah pemikiran mereka. Kajian tingkah laku perlu dibuat untuk mengubah pemikiran dan seterusnya merangka program-program yang sesuai supaya mereka mempunyai keinginan untuk keluar dari belenggu kemiskinan.

Harapan rakyat supaya Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021-2025 ini dapat dilaksanakan melalui pelbagai strategi dan inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat seperti yang telah dirancang. Usaha bersepadu hendaklah dilaksanakan bagi menangani kemiskinan, meningkatkan taraf hidup B40, memberi sokongan kepada M40, supaya dapat diwujudkan masyarakat yang saksama serta kesaksamaan keberhasilan bumiputera, Orang Asli dan kumpulan sasar khusus dapat dicapai. Akhir kata, saya mohon menyokong Rancangan Malaysia Kedua Belas. Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Sekarang saya akan menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip. Sesudah ini, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Zaeidi bin Haji Suhaili.

Silakan, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

### **12.13 tgh.**

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas pemilihan sebagai Tuan Yang di-Pertua sementara. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Membaca sepotong doa] Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Tuan Yang di-Pertua, saya aturkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana berpeluang mengambil bahagian di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan RMKe-12 yang memperuntukkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM400 bilion, satu jumlah terbesar pernah diusulkan oleh kerajaan.

Untuk itu, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang telah berjaya membentangkan RMK pertamanya di Dewan Rakyat dan di Dewan kita ini. RMKe-12 merupakan dasar yang cukup penting kepada negara. Ia

juga menampilkan dan memperlihatkan jiwa besar beliau apabila menyambung sebahagian dokumen awal yang digariskan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yassin, Perdana Menteri sebelum beliau, sejak penyediaan RMK ini dimulakan pada Mac 2020.

Tuan Yang di-Pertua, hampir dua tahun negara dan seluruh dunia menghadap krisis kesihatan dan ekonomi terburuk akibat pandemik COVID-19. Pandemik ini telah memberi impak ekonomi kepada semua sektor sekali gus menuntut kita mencari, membuka dan meneroka apa jua peluang bagi memperkukuhkan kembali ekonomi Malaysia. Senario ini menuntut kita untuk menilai jika ada polisi-polisi yang menyusahkan sehingga merugikan negara kita, ia perlu dirombak semula kerana jika tidak negara lain akan merebut peluang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya menegaskan kepada kerajaan bahawa langkah meletakkan program Malaysia Rumah Kedua Ku, *Malaysia My Second Home* (MM2H), di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), merupakan satu kesilapan besar dan ia perlu diperbetulkan dengan segera. Ini kerana MM2H ini sepatutnya diurus dan diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

KDN khususnya melalui Jabatan Imigresen Malaysia merupakan badan penguatkuasaan dan hal ini terbukti melalui pelbagai dasar baharu yang begitu ketat, sedangkan program MM2H ini digubal untuk menjana ekonomi, memberi pulangan dan pendapatan kepada negara kita. Jika tidak segera diperbetulkan dasar ini, saya kawatir Malaysia hanya akan terlopong dan melopong melihat peserta MM2H memilih Thailand dan Indonesia kerana pada ketika ini tawaran mereka jauh lebih hebat. Kedua-dua negara tersebut menawarkan dasar yang jauh lebih menarik dan mesra warga asing berbanding kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu sedar bahawa peserta MM2H ini tidak boleh dianggap dan dilayan mereka ini sama seperti pelancong biasa. Gaya hidup mereka adalah berbeza kerana majoriti peserta MM2H merupakan ahli perniagaan yang menuntut mereka bergerak ke seluruh pelosok dunia. Justeru, langkah KDN menetapkan tempoh keberadaan minimum selama 90 hari dalam tempoh setahun, saya lihat kurang kondusif. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar tempoh keberadaan minima ini diturunkan kepada 30 hari atau maksimum selama 45 hari dalam setahun.

Begitu juga halnya dalam soal pengenalan syarat-syarat baharu lain yang berkuat kuasa mulai Oktober 2021. Antaranya mensyaratkan peserta MM2H mestilah daripada peringkat umur 35 hingga 49 tahun. Ini mengarut pada hemat saya. Hal ini wajar dinilai semula kerana pada peringkat umur ini, rata-rata merupakan mereka yang masih terikat dengan kerja, sedangkan syarat umur yang ditetapkan oleh Thailand 50 tahun ke atas.

Manakala Indonesia jauh lebih agresif apabila langsung tidak menetapkan had umur. Dengan banyak lagi syarat-syarat ketat lain, antaranya *fixed deposit* RM1 juta, aset boleh dicairkan RM1.5 juta, caj pemprosesan sehingga RM7,500 dan caj visa berjumlah RM500, saya khuatir, bimbang program MM2H Malaysia bukan sahaja tidak akan mendapat sambutan tetapi akhirnya membawa kerugian besar kepada negara kita.

Saya minta maaf. Untuk berterus terang, saya terpaksa sebutkan juga di dalam Dewan ini. Dengan segala syarat ketat yang dibuat oleh KDN ini, kita seolah-olah bukan mempromosikan MM2H, tetapi sebenarnya kita sedang menghalau mereka keluar dari negara kita. Natijahnya, jika mereka sudah memilih untuk meninggalkan Malaysia, imej negara di mata dunia pasti terjejas teruk dan untuk persepsi negatif ini dipulihkan semula, ia akan memakan masa yang cukup lama.

Andainya ini yang berlaku, saya berasa cukup ralat kerana daripada segi ekonominya, jika seramai 28 ribu orang peserta MM2H ini membelanjakan RM5,000 sahaja sebulan, Malaysia boleh meraih pendapatan sebanyak lebih RM1.6 bilion setahun. Jika dibelanjakan RM10 ribu sebulan, Malaysia akan meraih pendapatan RM3.3 bilion setahun. Namun jika 28 ribu orang peserta MM2H ini membuat keputusan keluar dari Malaysia dan memilih negara jiran, Malaysia akan hilang pendapatan dan perolehan serta pengaliran tunai keluar lebih RM43 bilion.

#### ■1220

Soalnya sekarang, apakah kita sudah terlalu kaya? Adakah ekonomi kita sudah terlalu kuat sehingga begitu ego dengan memperkenalkan pelbagai syarat baharu yang ketat kepada peserta-peserta MM2H ini. Singapura pun sanggup mempersiapkan pelbagai prasarana termasuk memperkemaskan sistem percukaianya untuk menarik minat warga asing ke negara mereka. Mengapakah kita memilih langkah terkebelakang? Atas sebab ini, saya menyembah hormat Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang berduka cita dengan KDN dan menitahkan syarat ketat MM2H disemak semula.

Sukalah saya menuntut kerajaan agar Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor ini segera dilunaskan. Ini kerana jika Titah Sultan pun diambil ringan, apakah jaminan suara kita di Dewan ini akan didengar oleh kerajaan? Sekali lagi dalam isu ini saya sebutkan bahawa program MM2H perlu dikembalikan kepada MOTAC dan KDN pula perlu membantu melicinkan segala proses bagi memperkasakan program ini dan bukannya bertindak menyusahkan. Cuma, saya sedikit terkilan...

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat, mohon laluan sedikit.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Ya, sila.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Paul Igai:** Boleh, sila.



**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Dalam konteks ini Yang Berhormat, saya mohon pandangan dan juga kalau boleh penjelasan daripada kementerian. Berkaitan dengan *threshold* pemilikan rumah warga asing di negara kita ini dahulu RM1 juta, nilai rumah itu. Akan tetapi, telah pun diturunkan menjadi RM600 ribu. Pada hemat saya, memanglah dari sudut ekonomi kepada *developer* atau pembangun-pembangun hartanah ini dapat menjual rumah itu lebih cepat.

Akan tetapi, kita bimbang apabila *threshold* ini yang direndahkan menjadi RM600 ribu itu. Maka, mungkin ia akan menjadi saingan kepada pembeli-pembeli tempatan warga Malaysia. Jadi, kita mohon penjelasan daripada kementerian dan saya juga minta pandangan Yang Berhormat dalam konteks ini. Terima kasih.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Saya rasa kita tidak boleh membiarkan. Kita meraikan kehadiran mereka tetapi dalam masa yang sama, kita tidak boleh membiarkan mereka bersaing bersama dengan rakyat tempatan kerana yang datang ini bukan kecil anak. Bukan calang-calang orang. Mereka yang datang ini orang yang ada duit. Jadi, tidak boleh kita biarkan dia bersaing dengan rakyat kita. Jadi, rumah kalau dia hendak memiliki mestilah dalam harga yang RM1 juta atau RM1.5 juta ke atas. Itu saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz dan saya masukkan dalam ucapan saya. Mohon kerajaan memberikan penjelasan ketika menggulung perbahasan ini nanti. Terima kasih.

Sekali lagi dalam isu ini saya sebutkan bahawa program MM2H perlu dikembalikan kepada MOTAC dan KDN pula perlu membantu melicinkan segala proses bagi memperkasakan program ini dan bukannya bertindak menyusahkan. Cuma, saya sedikit terkilan kerana saya terdengar. Ini saya terdengar. Ada dakwaan bahawa kononnya Yang Berhormat Menteri MOTAC sendiri yang meminta KDN mengendalikan MM2H. Kononnya, atas alasan bebanan tugas. Saya harap apa yang saya dengar ini tidak betul dan saya minta Yang Berhormat Menteri MOTAC dan Yang Berhormat Menteri KDN menjawab hal ini di Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, tatkala mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 September tahun lalu, saya telah membangkitkan kekusaran saya terhadap aktiviti penyeludupan rokok haram yang menyaksikan Malaysia yang muncul sebagai destinasi rokok seludup nombor satu di dunia mengatasi Brazil. Brazil mungkin terlalu kuat dan hebat dalam sukan bola sepak tetapi ingat dalam hal rokok seludup, Brazil tumpas di tangan Malaysia. Namun, hal ini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan.

Saya juga telah menggesa kepada kerajaan agar memperkasakan agensi pengutip cukai dengan menubuhkan *multiagency task force*, dengan izin atau pasukan petugas pelbagai agensi

kerana aktiviti penyeludupan tersebut telah menyebabkan Malaysia kehilangan cukai sebanyak RM5 bilion setahun. Selain mencadangkan pembekuan *transshipment* rokok dan arak serta mewujudkan *single point of entry* atau pintu masuk tunggal udara dan laut.

Dalam sesi perbincangan itu juga, saya telah membangkitkan gesaan kepada kerajaan agar menguatkuasakan cukai ke atas *vape* kerana menerusinya Malaysia mampu meraih pendapatan antara RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun. *Alhamdulillah*, saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengumumkan pelaksanaan sebahagian besar cadangan-cadangan saya dalam pembentangan bajet pada tahun lalu. Langkah-langkah tersebut sudah mula membuahkan hasil dengan meningkatnya hasil kutipan cukai rokok, manakala aktiviti-aktiviti penyeludupan rokok juga sudah menurun dari sejumlah 64 peratus kepada 58 peratus pada suku kedua- tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa kerajaan memerlukan dana tambahan untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Saya juga ada mendengar bahawa ada rancangan untuk menaikkan cukai rokok dalam Bajet 2022. Pada hemat saya dan kepercayaan saya, adalah lebih molek jika kenaikan cukai rokok ini ditangguhkan terlebih dahulu kerana jika dinaikkan juga, ia akan merangsang kembali aktiviti penyeludupan rokok haram.

Saya katakan begini bukan bermaksud saya ini berpihak kepada syarikat rokok. Tidak! Saya tegaskan di sini kerana sering berlaku salah tanggapan. Di atas kertas kita menyatakan dengan menaikkan cukai rokok ia akan mengurangkan tabiat merokok di kalangan rakyat. Sebenarnya tidak. Faktanya, setiap kali berlaku kenaikan cukai, lambakan rokok seludup memenuhi pasaran tempatan menyebabkan perokok memilih rokok seludup kerana harganya yang lebih murah.

Jika rokok yang sah ketika ini harga minimum RM12 sekotak, manakala maksimum harga RM17.40 sekotak. Dengan kerajaan menetapkan RM9 cukai. Rokok haram pula dijual di bawah harga RM9 di bawah harga cukai iaitu rata-ratanya adalah antara RM3 hingga RM6 sekotak. Tentu sekali jika rokok sah melambung harganya, sindiket penyeludupan akan melihat ini peluang baik. Dia boleh cari makan menyebabkan lebih banyak ketirisan berlaku serta tergugatnya integriti dalam kalangan pihak berkuasa. Sudah tentu perokok sendiri yang akan memilih rokok yang lebih murah harganya iaitu rokok seludup.

Jika senario ini kembali, usaha kita untuk memperkasakan kutipan cukai rokok akan terjejas, melainkan kerajaan benar-benar boleh memberi jaminan kepada rakyat bahawa tidak akan berlaku sebarang penyeludupan dan ketirisan dalam negara ini. Pada saya ia mustahil. Ibarat kita mengharapkan ayam jantan bertelur. Ini kerana realitinya berlambak rokok, berlambak kedai yang menjual rokok seludup dan ia boleh dibeli dengan begitu mudah. Dalam hal ini, saya

mempersoalkan di mana penguatkuasaan kita? Di manakah Jabatan Kastam? Di manakah PDRM dan di mana KPDRNHEP? Kenapakah tidak dijalankan operasi besar-besaran secara berterusan bagi memerangi sindiket ini? Kenapa hanya hangat-hangat tahi ayam.

Justeru, kembali kepada soal cukai tadi, sebagai alternatifnya kerajaan mungkin boleh mengenakan cukai yang *moderate*, yakni lebih mesra pada pembentangan bajet yang akan datang apabila persekitaran perniagaan kita mulai stabil. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat, sekali lagi hendak mencelah. Mohon izin.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu kalau kita ingat masa kita kecil-kecil dahulu. Masa zaman ibu bapa kita ini. Rokok ini macam-macam *brand* ada atau cap ada. *Rough Rider*, 555, *Gold Leaf* dan sebagainya. Ini merupakan rokok-rokok yang dianggap gred lebih rendah. Akan tetapi, hari ini tidak ada lagi pengeluaran rokok-rokok tersebut di negara kita. Kenapa kita tidak boleh membenarkan kilang rokok sedia ada walaupun mereka mengeluarkan satu barisan pengeluaran rokok berjenama RM17.40 ini? Akan tetapi, dibenarkan pula mengeluarkan rokok-rokok yang lebih murah. Jadi, kita boleh atasi masalah rokok seludup. Apakah pandangan Yang Berhormat?

#### ■1230

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Itu saya kira satu cadangan Yang Berhormat bagi mengatasi masalah rokok seludup. Apa yang penting di sini ialah selain daripada hisap rokok kita membayar cukai kepada- saya ambil kesempatan ini juga Dato' untuk menghargai rakan-rakan perokok kerana merekalah pembayar cukai tegar kepada kerajaan. Janganlah mereka dipandang hina.

**Datuk Paul Igai:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Beralih kepada isu *vape*. Pasaran tempatan dalam industri *vape* ini sebenarnya cukup besar iaitu berjumlah kira-kira 600 juta mililiter setahun dengan pasaran yang sebesar itu sudah sampai masanya kerajaan memperkenalkan undang-undang bagi mengawal selia *vape* di negara ini.

Menerusi undang-undang khusus ini pihak berwajib akan dapat menguatkuasakan prosedur yang ketat dalam penghasilan cecair *vape* iaitu antaranya dengan hanya membenarkan kilang yang mempunyai ISO sahaja yang boleh memprosesnya dan bukan bebas seperti sekarang. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, sesiapa sahaja boleh memproses cecair *vape*. Saya diberitahu ada tempat pemprosesan di belakang rumah, di belakang jamban pun ada.

Langkah memperkenalkan undang-undang ini adalah bagi memastikan keselamatan pengguna kerana berdasarkan kajian terdapat lebih satu juta orang pengguna *vape* di Malaysia ini. Jika berlaku apa-apa ke atas pengguna *vape* pihak berwajib boleh mengenal pasti kilang mana bertanggungjawab dan tindakan tegas secara tersusun lebih mudah diambil.

Pada masa yang sama juga, saya sekali lagi mencadangkan supaya cecair *vape* bernikotin dikenakan cukai eksais dan cukai import bagi mempelbagaikan hasil cukai kerajaan sama seperti mana dikuatkuasakan di Korea Selatan dan di Filipina. Ini kerana ketika ini yang dicukai kerajaan merupakan cecair *vape* tidak bernikotin sedangkan 98 peratus daripada pasaran *vape* tempatan adalah yang bernikotin yakni pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tahun lalu sebenarnya tidak mendatangkan pulangan yang sepatutnya seperti yang kita harap-harapkan.

Di Korea cecair *vape* bernikotin dicukaikan pada kadar RM6.30 per mililiter. Manakala di Filipina pula pada kadar RM3.50 per mililiter. Indonesia pula memilih sistem cukai secara menurut nilai pada kadar 57 peratus daripada nilai jualan. Sekiranya langkah serupa dapat dibuat dengan mengenakan cukai eksais dan cukai import ke atas *vape* oleh kerajaan, negara dijangka mampu memperoleh pendapatan tambahan sekurang-kurang RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan negara berhadapan dengan krisis ekonomi sekarang ini, kita memerlukan pendekatan serta pendapatan baharu. Jika *vape* bernikotin ini boleh memberikan pulangan yang besar dan mudah kepada kerajaan wartakanlah segera undang-undang ini dan jangan dipersulitkan hal ini. Andai alasan kesihatan sengaja dijadikan kekangan apa bezanya bahaya *vape* dengan rokok? Rokok juga membahayakan kesihatan tetapi boleh dicukaikan dan ada undang-undang khusus mengenainya.

Sehubungan itu, saya meminta Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan segera duduk semeja mencari jalan agar *vape* bernikotin ini dapat segera dikenakan cukai. Jangan dibiarkan jika ada mana-mana pihak tertentu cuba menjadi *Little Napoleon* dalam kementerian masing-masing sehingga gagal melihat kepada realiti antara keseimbangan risiko kesihatan dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kedua Belas ini bertemakan 'Keluarga Malaysia Makmur – Inklusif dan Mampan', merupakan pelan pembangunan yang menyeluruh yang bertujuan untuk membolehkan semua rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Sehubungan itu, mengambil *ibrah* daripada hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sukalah saya mencadangkan agar kerajaan memperhalus dan mempertimbangkan projek terowong kereta api bawah tanah yang menghubungkan Melaka dan Sumatera. Hal ini boleh dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Jokowi secara

situasi menang-menang tatkala mereka bertemu nanti semasa lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Indonesia.

Saya percaya kita ia dapat direalisasikan projek ini bukan sahaja akan menjadi ikon baharu buat negara tetapi lebih merupakan simbolik keutuhan hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Manfaat ekonominya akan dapat dinikmati kedua-dua negara sama sebagai mana yang berlaku kepada projek terowong kereta api menghubungkan Britain dan Perancis.

Rentetan daripada projek ini, sebagai kesinambungannya kepada kerajaan juga seharusnya mempertimbangkan idea untuk menjayakan projek rel elektrik berkembar menghubungkan Melaka, Kuala Linggi, Port Dickson dan KLIA, yang saya fikirkan kos yang lebih rendah berbanding projek *High-speed Rail* yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas....

**Datuk Paul Igai:** Mohon Yang Berhormat, dirumuskan.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Kedua-dua projek berimpak tinggi ini jika dilaksanakan bukan sahaja merencanakan ekonomi tempatan dan menawarkan ribuan peluang pekerjaan kepada anak watan tetapi lebih penting akan merubah keseluruhan ekosistem pembangunan negara sekali gus berupaya menarik lebih ramai pelabur asing ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Petronas merupakan mercu tanda kejayaan Malaysia sejak dimulakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah pada tahun 1974 sehingga tersenarai antara 50 buah syarikat terbaik di dunia dan kini Petronas pada tahun 2019 muncul sebagai jenama ASEAN paling berharga.

Semua ini berkat profesionalisme dan kepakaran anak watan dalam mengurus dan mentadbir Petronas. Bukti bahawa anak Melayu dan anak Malaysia mampu menggegarkan dunia. Namun sejak kebelakangan ini bertiup kencang ada desas-desus menyatakan ada usaha membawa masuk orang asing atau mat saleh ke dalam Petronas sebagai ahli lembaga pengarah. Soalnya mengapa perlu dibuka pintu kepada orang asing jika selama ini sudah terbukti anak tempatan mampu mentadbir Petronas dengan amat baik.

Apakah sudah pupus tokoh-tokoh hebat tempatan dalam industri minyak dan gas sehingga perlu mencari orang asing? Negara kita sudah lama merdeka 64 tahun lamanya daripada mat saleh. Sebagai anak merdeka dan tuan kepada negara ini, biar kita sendiri urus harta kekayaan negara kita bukannya meletakkan kepercayaan kepada mat saleh. Suburkanlah jiwa merdeka kepada Keluarga Malaysia ini dan bukan jiwa hamba kepada mat saleh.

Saya bukanlah anti mat saleh tetapi setahu saya tiada mana-mana anak Melayu, anak Malaysia dilantik sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat gergasi minyak seperti *Shell* atau *Petron*. *Pertamina* di Indonesia juga tidak pernah melantik warga Belanda atau mana-mana mat

saleh dalam lembaga pengarah *Pertamina*. Jadi kenapa kita perlu terhegeh-hegeh kepada mat saleh ini.

Sehubungan dengan itu, saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat perkara ini dengan serius dan beliau perlu memastikan desas-desus ini tidak berlaku. Saya tidak pada zaman beliau perkara ini terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah dibangkitkan dalam ucapan perbahasan ini dan saya berharap kerajaan serius mengambil maklum ke atas setiap yang disuarakan kerana kerajaan perlu sedar Keluarga Malaysia meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan untuk menangani bukan sahaja krisis kesihatan dan ekonomi tetapi segera memperbetulkan segala kelemahan dan pentadbiran kerana rakyat mahukan adalah hasil dan bukannya alasan.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh anggota Kabinet, rakyat sedang menilai prestasi masing-masing untuk tempoh 100 hari pertama dan tiada tempat untuk Menteri atau Timbalan Menteri yang pemalas yang sekadar menjadi penumpang dalam Kabinet.

Telah bertiup kencang dakwaan bahawa ada Menteri yang malas yang tidak masuk pejabat. Ada yang banyak masa menghabiskan masa di rumah serta cukup liat untuk menyelesaikan urusan rasmi Kabinet dan banyak melepaskan tanggungjawab itu kepada Timbalannya sahaja. Ada juga yang hanya syok menjadi peragawati dan tampil bergaya tetapi tidak pula ke hadir Parlimen untuk menjawab isu-isu penting kementeriannya. Semuanya dihalakan kepada Timbalannya sahaja termasuklah menjawab soalan di Dewan ini.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua, inilah Menteri dan Timbalan Menteri yang akan merosakkan Kabinet Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Menteri seperti ini perlulah direhatkan dan dipencenkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Rancangan Malaysia Kedua Belas, dan sudahi perbahasan ini dengan *wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip dengan bahas yang berapi ini... [*Tepuk*]

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, silakan. Masa tak berapa lama Dato'?

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Boleh.

**Datuk Paul Igai:** Boleh ya.

**12.40 tgh.**

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan pada hari ini. Saya melahirkan rasa gembira kerana dapat bersama-sama ikut serta dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Kita ketahui bahawa Rancangan Malaysia Kedua Belas dijangka dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda 2030 bagi pembangunan mampan serta mengambil kira semangat Keluarga Malaysia. Rancangan Malaysia Kedua Belas merupakan sebahagian daripada Pelan Pemulihan Negara di bawah pendekatan 6R iaitu *resolve, resilient, restart, recovery, revitalize, dan reform*. *Reform* merujuk kepada transformasi yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Banyak perkara yang disebut ataupun dirangkum di bawah rancangan ini dan saya hanya mengambil beberapa isu yang dekat di hati saya, yang saya rasa amat menyentuh kehidupan rakyat pada tiap-tiap hari.

Pertama sekali, isunya menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif. Pertama sekali, kita bertujuan untuk memperkukuhkan institusi keluarga. Daripada aspek ini, saya lebih melihat kepada keadaan anggota-anggota masyarakat kita daripada aspek simpanan mereka, tabungan mereka untuk masa depan. Bagi mereka yang ada pekerjaan, mereka yang bekerja sendiri atau bekerja dengan sektor swasta, mereka ada peluang untuk mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ada banyak jenis simpanan yang telah disediakan oleh kerajaan. Antaranya ialah i-Saraan iaitu caruman sukarela dengan insentif persaraan, membolehkan ahli yang bekerja sendiri yang tiada pendapatan tetap untuk membuat caruman dan pada masa yang sama, menerima tambahan daripada pihak kerajaan. Ada juga caruman sukarela, pinjaman pilihan sendiri. Ada juga i-Saraan, i-Suri, dan Caruman Simpanan Tambahan.

Pada saya, saya ingin hendak melihat kerajaan boleh memberi satu angka, satu statistik, satu-persatu dan boleh lebih *detail* lagi. Kalau kita meninjau, kalau kita mengkaji dalam tabungan i-Saraan, berapa banyak pencarumnya dan berapa banyak yang ada dalam tabungan pencarum-pencarum itu. i-Suri misalnya, saya ingin tahu, berapa banyakkah pencarumnya dan berapa banyak yang ada dalam simpanan mereka? i-Caruman Sukarela misalnya, berapa banyakkah pencarumnya dan berapa banyak tabungan yang ada pada mereka sekarang?

Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan pencarum dan meningkatkan jumlah simpanan mereka dalam tabungan masing-masing? Apakah langkah-langkah yang dirangka oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini untuk memperluas dan memperkasakan sistem jaringan keselamatan sosial yang lebih luas dan lebih kukuh? Antaranya,

pada saya ialah pelaksanaan sistem insurans pekerjaan. Harus juga dikaji semula sistem pencen pesara-pesara seperti bekas penjawat awam, bekas tentera, bekas polis, supaya adakah pencen yang mereka menerima itu memadai untuk mereka meneruskan kehidupan pada masa hari ini.

Pada saya kalau kita melihat kepada sistem jaringan sosial yang lebih kukuh, saya mencadangkan supaya diwujudkan satu Jawatankuasa yang merentas kementerian. Tidak cukup dengan satu kementerian sahaja yang menjaga kepentingan pekerja, misalannya Kementerian Sumber Manusia, bahkan harus merentas kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, dan lebih penting lagi ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus- satu lagi perkara yang ada disentuh di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas ini memanfaatkan potensi ekonomi wilayah. Dalam hubungan ini, saya minta kerajaan, khususnya Menteri yang bertanggungjawab dalam ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Apa bentuk kerjasama yang telah disusun pada masa ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas yang boleh dimanfaatkan oleh Sabah dan Sarawak di bawah satu ikatan penerangan yang dipanggil sebagai BIMP-EAGA iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina - *East ASEAN Growth Area*?

Apakah yang telah dimanfaatkan oleh Sarawak dan Sabah setelah begitu lama BIMP-EAGA ini ditubuhkan? Apakah pendekatan yang diambil oleh negara kita dengan mengambil kira bahawa pembinaan ibu negara Indonesia yang baru akan dibina di Pulau Borneo yang sedang dalam perancangan?

Bagaimanakah Sarawak dan Sabah boleh kita libatkan sekali? Ataupun limpahan daripada pembangunan ibu negara Indonesia yang baru. Jadi dengan ini, maka haruslah ikatan ekonomi ini menguntungkan kedua-dua negeri ini, kerana kedua-dua negeri ini juga merupakan negeri yang dikatakan kurang membangun dan harus diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan untuk merencanakan lagi pembangunan kedua-dua negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan pertahanan, keselamatan dan kesejahteraan dan perpaduan juga merupakan satu daripada perkara yang dirangkumi di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini. Persoalan saya di sini, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasakan rukun tetangga di seluruh negara sebagai sebuah ejen kepada perpaduan rakyat?



Bagaimanakah dengan Pelan Perpaduan Negara 2021-2030? Bagaimanakah ia boleh dimantapkan dengan Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia? Ini harus juga dilihat oleh kerajaan, oleh kementerian berkenaan kerana kita fikir bahawa aset utama kita ialah perpaduan rakyat. Kita menerima kepelbagaian sebagai aset, kita membina masyarakat yang lebih toleran supaya kita dapat melahirkan sebuah masyarakat yang kita konsepkan sebagai Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berminat dalam isu, iaitu isu untuk kita memperkukuhkan pembangunan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah. Dalam hal ini, saya melihat bahawa beberapa perkara, beberapa projek di Sarawak harus juga diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan.

#### ■1250

Oleh itu saya hendak bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan apakah projek akademi latihan bomba dan penyelamat yang telah dikenal pasti tapaknya di Kota Samarahan akan dijadikan sebagai satu kenyataan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini?

Adakah juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai perancangan untuk membina balai bomba dan penyelamat di kawasan Matang, Kuching. Bagi Kementerian Kesihatan Malaysia saya ingin bertanya adakah projek membina Klinik Kesihatan baru di Matang, Kuching yang mana tapaknya telah pun dikenal pasti akan menjadi kenyataan juga di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas?

Juga di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia saya mohon bertanya adakah projek membina pusat kanser di Kota Samarahan akan menjadi satu kenyataan kerana satu jaminan daripada Menteri Kementerian Kesihatan Malaysia ialah untuk merujuk projek ini kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam aspek pembangunan di Sabah dan Sarawak ini saya menekankan kepada pembangunan di Sarawak kerana kita rasa dengan pembangunan di Sarawak, ia juga memberi sedikit sebanyak impak kepada pembangunan di seluruh negara kita kerana kita juga di Sarawak memainkan peranan dalam pembangunan negara.

Oleh itu saya bertanya juga soal keselamatan apakah status pembinaan balai polis baru di kawasan Matang kerana projek ini sudah pun bermula tetapi setakat yang ada ia nya di bawah Fasa 1a sahaja. Fasa-fasa lain belum lagi ada apa-apa perkembangan. Saya mohon Menteri Dalam Negeri untuk memberitahu di Dewan yang mulia apakah status projek ini.

Saya difahamkan juga bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini akan dibina projek yang kompleks disebut sebagai iaitu *Custom, Immigration, Quarantine, and Securities*

(CIQS). Kuarantin ertinya Jabatan Pertanian dan Keselamatan. “S” ertinya *securities* iaitu di kawasan Tebedu dan juga Serikei.

Pembinaan ini penting kerana dengan perkembangan di Indonesia apabila di mana ibu kota bandar rayanya akan terletak di Kepulauan Borneo, sudah tentulah kedua-dua pelabuhan daratan ini akan menjadi perkara yang penting.

Akan tetapi di samping kita membina CIQS ini, yang penting juga hendaklah adanya elemen-elemen seperti kamera pemantauan kerana kita tidak mahu berlakunya penyeludupan, berlakunya pendatang asing tanpa izin yang datang- kalau hanya dipantau dengan menerusi sekuriti hanya tidak cukup.

Pada saya harus diletakkan, ada elemen-elemen yang lebih sofistikated. Ada kamera litar tertutup termasuk juga penggunaan dron untuk rondaan di sepanjang sempadan Sarawak dan Kalimantan. Jadi inilah penting kerana ia melibatkan isu keselamatan negara kita.

Kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya saya memohon di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini supaya diwujudkan kampus cawangan Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan ataupun ASWARA di Kuching Sarawak. Untuk penubuhan awal kampus cawangan ini saya fikir ada baiknya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ini berunding dengan Kementerian Pendidikan.

Gunakan kemudahan-kemudahan yang ada di Kementerian Pendidikan iaitu dengan menggunakan bersama Sekolah Seni Malaysia yang ada di Kuching. Saya rasa anak-anak Sarawak tidak kurang juga bakat mereka di dalam bidang seni. Jadi kalau mereka boleh dilatih di ASWARA dengan latihan ini apabila tamat kursus mereka boleh diberi- ditauliahkan dengan sijil, diploma dan sebagainya.

Maka sudah tentulah mereka dapat menjadikan seni itu sebagai satu karier profesional tidak seperti seorang anak seni yang tidak ada kelayakan yang bercorak profesional. Dengan demikian maka dapatlah kita...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, okey.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili. Kita boleh melihat kepelbagaian etnik-etnik di Sabah dan Sarawak. Perlunya sebuah institusi, ataupun universiti seni dan kebudayaan diwujudkan Sabah atau di Sarawak sebab apabila kita melihat Festival Muzik Hutan Hujan Sedunia yang telah berjaya beberapa kali dahulu, setiap tahun dianjurkan di Sarawak menjadi tuan rumah.

Ini menjadi satu pemangkin kepada perkembangan seni budaya dan juga akan memanggil menjemput semua pelancong untuk turut sama. Saya melihat Sekolah Seni Sarawak juga perlu

diperkasakan sebab Sekolah Seni Sarawak di bawah Kementerian Pendidikan. Akademik seni ini di bawah Kementerian Kesenian dan Kebudayaan maka ia berbeza.

Namun kedua-dua ini perlu di perkasa sebab ia mempunyai asas yang kukuh di akar umbi kebudayaan Sabah dan Sarawak yang banyak. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus dan terima kasih.

**Dato' Zaidi bin Haji Suhaili:** Terima kasih rakan saya Dato' Isa bin Ab. Hamid yang amat menyokong idea untuk kita mewujudkan akademi seni dan warisan budaya di Sarawak. Kita guna sama apa yang kita katakan sebagai Sekolah Seni Malaysia dan Sekolah Akademi ASWARA di Sarawak. Sebenarnya bila kita bercakap tentang seni sekarang ini bukan hanya kita melihat daripada segi lakonan, tarian, nyanyian dan sebagainya.

Akan tetapi mereka juga diberi kursus dalam kursus animasi dan sebagai. Jadi ada elemen-elemen Sains, Teknologi dan juga ICT dalam perkara ini kerana masyarakat seni juga merupakan orang-orang kreatif yang harus kita iktiraf bakat mereka tetapi haruslah ada pengiktirafan tentang profesional mereka sebagai anak-anak seni. Jadi saya amat menyokong perkara ini.

Juga Tuan Yang di-Pertua, saya amat berminat dalam pembinaan sekolah sukan di Sarawak. Kita tahu bahawa ramai ahli sukan atau atlet kita dari Sarawak yang telah mencapai pencapaian yang tinggi di peringkat Olimpik, di peringkat dunia, di peringkat Paralimpik.

Jadi kebanyakan daripada mereka ini merupakan hasil dari Sekolah Sukan Bukit Jalil. Jadi saya memohon kepada Menteri Belia dan Sukan supaya bekerjasama dengan kerajaan Negeri Sarawak untuk membina sebuah sekolah sukan yang setaraf dengan Sekolah Sukan Bukit Jalil supaya kita boleh melahirkan lebih ramai atlet yang bertaraf dunia. Kita memang ada sekolah-sekolah sukan di Tabuan Jaya tetapi itu adalah di bawah tarafnya dari Sekolah Sukan Bukit Jalil. Jadi kita minta sebuah sekolah sukan dibina di Sarawak yang bertaraf Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Sama juga dengan kita melihat bahawa di Sarawak ini kita sekarang ini sudah ada- sudah berapa lama kah kita memohon, kita telah dapat sebuah Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Projek telah pun dijalankan dan kita berharap bahawa projek ini akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini supaya hospital ini akan menjadi satu kenyataan dan memberi sumbangan yang penting kepada pembangunan medik di Negeri Sarawak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Hospital Pengajian sekarang sudah dimulakan- tapak sudah di *clear*. Saya pun sudah lihat semalam.

**Dato' Zaidi bin Haji Suhaili:** Okey, terima kasih jadi saya harap projek ini akan diteruskan. Satu lagi yang penting ialah masalah-masalah banjir di bandar raya Kuching. Saya

juga meminta Kementerian Alam Sekitar dan Air supaya meneruskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak. Apakah status projek ini pada masa ini?

Tuan Yang di-Pertua, penting juga di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini ialah satu bidang iaitu mentransformasikan perusahaan mikro kecil dan sederhana sebagai pemacu baharu kepada badan pertubuhan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator panjang lagi? Kalau panjang kita boleh sambung nanti.

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Saya rasa boleh saya habiskan ucapan saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu sahaja. Okey.

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Satu isu sahaja. Dalam hal ini saya melihat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi harus mengambil langkah wajib yang penting untuk kita memperkasakan gerakan koperasi. Gerakan koperasi dengan ahli nya sebanyak 6.1 juta. Kalau kita gerakkan ahli ini, yang aktif, yang kurang aktif, yang sudah tidur- kalau gerak ahli koperasi sebanyak 6.1 juta mungkin ia nya boleh menjadi satu galakan yang besar yang boleh menggugatkan, merombak ekonomi Malaysia supaya kita boleh mentransformasikan perusahaan mikro kecil dan sederhana ini.

Pentingnya ialah bahawa apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk memperkasakan gerakan koperasi di negara kita pada masa ini? Dengan 6.1 juta- orang ahli, ia nya merupakan satu *force* satu *cluster* yang *significant* yang boleh mentransformasikan ekonomi kita, yang boleh mengubah corak pada usahawan mikro kecil dan sederhana ini.

Jadi pentingnya bagi gerakan koperasi ini diperkasakan supaya kita boleh mentransformasikan golongan-golongan khususnya dalam golongan B40, M40 dan sebagainya. Jadi inilah sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Saya sebenarnya tidak mahu bercakap selepas kita rehat jadi saya lebih suka menutupkan segala-galanya dan saya rasa amat bersyukur kerana Rancangan Malaysia Kedua Belas ini boleh kita rasakan sekali lagi merupakan satu gerakan untuk memulihkan negara kita setelah kita dilanda krisis kesihatan COVID-19, dan ia nya berlarutan krisis ekonomi dan ini menjadikan satu hambatan yang kuat kepada ekonomi negara kita.

Moga-moga dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas ini akan dapat memulihkan negara kita daripada keluar daripada krisis ekonomi dan krisis politik tetapi yang pentingnya ialah bahawa mesti ada sebuah kerajaan yang kukuh, kerajaan yang kuat dan disokong oleh rakyatnya dengan bersatu padu.

Kita anggap bahawa semua kita rakyat Malaysia sebagai sebuah keluarga dengan harapan yang demikian saya rasa *insya-Allah* Rancangan Malaysia Kedua Belas akan mencapai sasarannya.

Sekian. *Wabilahitaufik wahidayah. Wassalamualaikum warahmatulallahi wabarokatuh.*  
Saya menyokong.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

■1430

***[Datuk Paul Igai mempengerusikan Mesyuarat]***

**Datuk Paul Igai:** Sebelum kita bermula, kita hendak *establish* kuorum ya... *[Mengira jumlah Ahli]* Tidak termasuk saya. Speaker tidak dikira. Bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Beberapa Ahli masuk ke Dewan]*

**Datuk Paul Igai:** Mengikut Peraturan Mesyuarat, kita sekarang sudah ada kuorum.

Sebelum kita sambung berbahas petang ini, kita ada enam orang yang akan berbahas. Ertinya, untuk seorang ada 30 minit diberikan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Sudah datang? Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah mungkin ada tugas di luar.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

**2.36 ptg.**

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya turut membahaskan berkenaan dengan RMKe-12.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-12 merupakan dokumen yang berteraskan 3 Tema, 4 Pemangkin Dasar, dan 14 Pemacu Perubahan. Ia menetapkan asas bagi merealisasikan semangat Keluarga Malaysia dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara makmur, inklusif dan mampan. Jadi ia dikatakan satu transformasi kerana akan mengubah landasan pembangunan negara.

Banyak perkara yang disandarkan kepada RMKe-12 ini. Ia juga diijarkan dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan menggambarkan komitmen Malaysia melaksanakan 17 SDG melalui dasar, program dan projek dalam rancangan tersebut dengan prinsip tidak ada sesiapa yang tertinggal.

Dalam tempoh RMKe-12 ini, ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang antara 4.5 peratus ke-5.5 peratus setahun di mana ekonomi global dijangka akan kembali mencapai momentum pertumbuhan berikutan pemulihan daripada pandemik COVID-19. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh sudah pasti akan membolehkan negara bergerak ke hadapan mencapai inspirasi menjadi sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada 14 perkara yang telah dikenal pasti di dalam RMKe-12 sebagai pemacu perubahan atau *game changer*, dengan izin, ialah menggandakan pertumbuhan negeri kurang membangun terutama Sabah dan Sarawak bagi merapatkan jurang pembangunan. Dinyatakan di situ bahawa Sarawak merupakan salah satu dari enam- penerima agihan, sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan asas. Ini sangat dialu-alukan dan menunjukkan komitmen Kerajaan Pusat untuk membangunkan wilayah yang kurang maju supaya jurang pembangunan yang melebar dengan negeri yang lebih maju dapat dirapatkan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu dinyatakan di sini bahawa RMKe-12 merupakan pelan strategik pembangunan meliputi seluruh negara yang dirangka di peringkat pusat. Di peringkat negeri pula, Sarawak mempunyai pelan 10 tahun tersendiri iaitu Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030).

#### ■1440

Ia merupakan pelan jangka panjang bagi tahun 2021 sehingga tahun 2030 yang memperincikan hala tuju dan strategi pembangunan Sarawak untuk tempoh sepuluh tahun akan datang. PCDS 2030 ini akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Sebuah Majlis Tindakan Ekonomi Sarawak atau *Sarawak Economic Action Council* (SEAC) telah ditubuhkan untuk pelaksanaannya.

Kerajaan negeri sudah bersiap siaga, dan kini giat menggerakkan strategi PCDS 2030 untuk menjadikan Sarawak sebuah negeri maju menjelang tahun 2030. Aspirasi PCDS 2030 adalah untuk menjadikan masyarakat Sarawak berdaya maju, didorong oleh data dan inovasi di mana setiap rakyat menikmati kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial dan melestarikan alam sekitar menjelang tahun 2030.

Lebih daripada 1,000 buah program dan projek bakal diimplementasikan yang memfokuskan kepada pemboleh cara seperti infrastruktur, jalan raya dan jambatan, air terawat, bekalan elektrik dan jaringan telekomunikasi. Projek ini kan menjadi asas untuk Sarawak melangkah ke fasa kedua pembangunan PCDS 2030 yang dipacu oleh bakat, kemahiran dan inovasi. Dengan transformasi ini, dijangka negeri Sarawak mampu mengembangkan ekonomi pada kadar purata enam hingga lapan peratus setahun.

Perlu dinyatakan juga bahawa pada hakikatnya, negeri Sarawak sudah pun melipatgandakan pembangunan sejak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Datuk Patinggi Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari mengambil alih tampuk kepimpinan Sarawak dan sejak pertukaran Kerajaan Persekutuan pada PRU14. Momentum pembangunan telah mengalami perubahan yang tidak pernah dialami dahulu dengan Sarawak melipatgandakan pembangunan seperti yang boleh diperlihatkan daripada jumlah bajet pembangunan terbesar pernah diluluskan pada tahun 2019.

Sarawak telah menggunakan model kewangan kreatif dan penjana semula pendapatan dan akan terus menikmati kedudukan fiskal yang kukuh untuk memangkin pertumbuhan ekonomi. Untuk meningkatkan hasil negeri, Sarawak telah pun mempelbagaikan hasil negeri melalui pelaksanaan cukai jualan lima peratus ke atas produk petroleum. Ini digunakan untuk membiayai pelaksanaan projek utama pembangunan.

Bagi tempoh dari tahun 2019 hingga bulan September tahun ini, kerajaan Sarawak telah menerima pulangan masuk sejumlah RM6.8 bilion daripada cukai jualan ke atas produk petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pemboleh cara pembangunan seperti jalan raya, elektrik, telekomunikasi dan sebagainya yang sedang dibangunkan dan dijangka siap pada masa RMKe-12 ini, Sarawak dijangka akan membangun dengan pesat dalam tempoh RMKe-12 ini dengan ekonominya akan berkembang dengan lebih baik dan rakyat akan mula merasa kehidupan yang lebih selesa dengan pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi.

Peningkatan taraf kehidupan ini sudah tentu didorong oleh persekitaran yang lebih baik seperti akses kepada pendidikan yang lebih baik seperti tertubuhnya Pusat Sains Sarawak atau *Sarawak Science Centre*, dengan izin, di mana pembinaan Pusat Sains Sarawak mempromosikan STEM kepada pelajar bagi melahirkan lebih ramai graduan dan pekerja mahir dalam bidang sains dan teknologi.

Ini ditambah juga dengan pembinaan lima buah sekolah menengah antarabangsa dengan sukatan mata pelajaran antarabangsa seperti di Universiti Cambridge, bagi melahirkan pelajar kompetitif dengan penguasaan bahasa Inggeris yang baik. Rakyat juga akan didedahkan kepada ekonomi digital dengan adanya kemudahan dan persekitaran yang berlandaskan digital.

Inisiatif *digital economy* negeri Sarawak sudah dimulakan seawal tahun 2017. Sarawak telah pun melaksanakan Dokumen Strategi Ekonomi Digital Sarawak 2018-2022 yang mengandungi 47 buah tindakan strategik pembangunan ekonomi digital. Ini adalah dalam sektor utama seperti pertanian, industri pembuatan 4.0, pelancongan, bandar pintar, kesihatan digital, e-dagangan, kerajaan digital dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi inisiatif-inisiatif kerajaan negeri yang saya tidak dapat huraikan semuanya di sini. Akan tetapi, wajar untuk diketengahkan supaya umum juga tahu bahawa di peringkat negeri Sarawak sememangnya sudah mengatur langkah bergerak ke hadapan ke arah masyarakat berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, untuk RMKe-12, tiga perkara saya mahu ketengahkan yang berhubung kait dengan masyarakat luar bandar terutamanya masyarakat peribumi Sarawak.

Pertama, pembangunan tanah NCR. Antara langkah yang digariskan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti bumiputera Sarawak dalam RMKe-12 ini ialah meningkatkan kebolehpasaran dan keusahawanan serta memudahkan pembangunan Tanah Hak Adat (NCR) bagi peluang penjana pendapatan terutamanya dalam kegiatan pertanian berskala besar.

Pembangunan tanah NCR ini merupakan satu strategi yang telah dikenal pasti dalam RMKe-12 sebagai satu cara untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan ekonomi luar bandar di Sarawak. Antara satu inisiatif penting Kerajaan Negeri Sarawak dalam mempertahankan hak tanah adat melalui pengiktirafan *native territorial domain* (NTD) melalui pindaan Kanun Tanah Sarawak pada tahun 2018. Dengan memasukkan seksyen 6A yang baharu kepada Kanun Tanah Sarawak, maka tanah masyarakat peribumi Sarawak bertambah lebih luas dan mereka diberikan hak bukan sahaja hak untuk mengguna, tetapi juga hak untuk memiliki tanah *native territorial domain*, di samping juga tanah NCR.

Sebanyak 13 peratus iaitu seluas 1.5 juta hektar daripada keseluruhan tanah Sarawak yang seluas 12.4 juta hektar merupakan tanah NCR. Maka, potensi untuk membangunkan tanah ini dan mendapat pulangan untuk masyarakat peribumi Sarawak sangat besar. Proses penyukatan tanah NCR Sarawak merupakan sebuah proses yang terus berjalan, *ongoing*, dengan izin, sejak sebelum merdeka lagi.

Sarawak menggunakan pendekatan penyukatan dua peringkat; menggunakan seksyen 6 dahulu untuk membuat *perimeter survey* di keliling kawasan perkampungan dan disusuli kemudian dengan pengukuran menggunakan seksyen 18 untuk mengukur tanah individu masing-masing.

Tanah NCR yang diukur keliling akan digazet di bawah seksyen 6 dan dilindungi sepenuhnya. Hak tuan punya tanah di kawasan seksyen 6 tersebut kekal terpelihara setelah digazet seksyen 6. Tujuan utama adalah untuk melindungi tanah NCR dan untuk memastikan sempadan yang betul.

#### ■1450

Pengukuran tanah NCR akan memastikan rakyat bumiputera Sarawak memiliki geran tanah NCR mereka dan supaya mereka dapat manfaat dengan membangunkan tanah tersebut.



Pendekatan penyukatan dua peringkat ini telah disambut baik oleh majoriti masyarakat peribumi di Sarawak dengan hampir 999,853 hektar sudah disukat dan 776,226 hektar sudah digazet sejak tahun 2010 hingga setakat ini menggunakan Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu.

Diharapkan pada bajet yang akan datang, peruntukan besar akan diberi kepada kerajaan negeri untuk meneruskan pengukuran tanah NCR ini sebagai memenuhi strategi membangunkan tanah NCR di Sarawak. Ekonomi keseluruhan masyarakat...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Paul Igai:** Keputusan kepada...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Mencilah sedikit.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Biar saya habiskan dulu.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Okey.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Ekonomi keseluruhan masyarakat peribumi Sarawak sememangnya boleh berubah kepada taraf yang lebih tinggi lagi sekiranya tanah NCR dan NTD ini dibangunkan sama ada untuk pertanian ataupun untuk tanaman seperti kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh membasmi kemiskinan. Dinyatakan juga dalam dokumen RMKe-12...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya fasal NCR...

**Puan Susan Chemerai Anding:** Okey.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** ...Kalau sebelum Yang Berhormat berpindah ke tajuk yang lain. Yang Berhormat, saya melihat isu NCR dan juga NCR ini sepertinya *never ending story*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Adakah terdapat perbezaan antara isu NCR yang didakwa oleh penduduk asal ataupun *native Sarawakian* dengan NCR yang terdapat di dalam Kanun Tanah Sarawak. Adakah itu punca perbalahan mengapa isu NCR ini tidak selesai sehingga sekarang? Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Sebenarnya NCR ini tidak ada banyak isu sekarang sebab dulu *dispute* dia berkisar kepada Pemakai Menoa Pulau Galau yang sudah diselesaikan oleh kerajaan negeri dengan pindaan kepada Kanun Tanah Sarawak di bawah Seksyen 6A di mana sekarang semua tanah yang dikatakan PNPG iaitu Pemakai Menoa Pulau Galau sekarang dipanggil *native territorial domain* dan di bawah seksyen 6A boleh sekarang *diclaim* oleh penduduk dengan bukti dan sebagainya melalui proses *administrative*, melalui pejabat tanah. Jadi konfliknya tidak ada lagi. So, isu itu sudah selesai. Sekarang kita hanya pergi kepada mengukur saja ya. So, tidak isu yang apa dia itu NCR ataupun konflik dalam definisi apa itu NCR.

**Datuk Paul Igai:** Menunggu ukuran *under* seksyen 18, betul?

**Puan Susan Chemerai Anding:** Ya, ya. Okey. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Dinyatakan juga dalam RMKe-12 bahawa insiden kemiskinan masih tinggi di kalangan Bumiputera Sarawak. Kumpulan ini ketinggalan daripada segi pendidikan serta kemahiran teknikal dan usahawan yang mengehadkan akses kepada peluang pekerjaan.

RMKe-12 ada menyebut insiden kemiskinan akan dikurangkan melalui program dan projek yang memberi tumpuan kepada aktiviti penjanaan pendapatan. Status sosioekonomi bumiputera Sarawak akan bertambah baik dengan mewujudkan lebih peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi. Kemiskinan juga akan dikurangkan melalui penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas.

Pendekatan baharu yang lebih khusus perlu dibuat dengan segera untuk memastikan nasib mereka yang miskin tegar dapat dibela dengan sebaiknya dan berkesan. Dengan itu saya amat mengalu-alukan cadangan dalam RMKe-12 ini untuk menubuhkan unit kemiskinan yang khusus di peringkat persekutuan dan daerah serta mewujudkan pangkalan data kemiskinan yang bersepadu dan berpusat.

Saya yakin pendekatan baharu ini akan lebih tersusun dan berkesan terutama untuk mengenal pasti mereka yang tinggal jauh di pedalaman di Sarawak yang sebelum ini tercicir daripada sistem pangkalan data kebajikan dan tidak pernah menerima apa-apa bantuan daripada pihak kerajaan.

Saya pasti langkah ini dan juga penggunaan pendekatan keseluruhan atau *Whole of Government Approach*, dengan izin, ia akan membantu usaha untuk membasmi miskin tegar dengan memberi tumpuan yang lebih bersasar dan berasaskan fakta dan angka. Ini sudah tentu selaras dengan tema untuk menambah baik perkhidmatan awam dalam jangka masa yang sama.

Selain daripada itu, peluang pekerjaan yang banyak dan bagus seperti Program Perindustrian yang disediakan oleh negeri Sarawak di Sama Jaya di Kuching dan Sama Laju di Bintulu yang telah memberi pekerjaan berpendapatan tinggi kepada sekurang-kurangnya 20 ribu orang anak muda harus terus disediakan sebab ini akan membantu mengurangkan kadar kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah pembangunan mampan bersama komuniti setempat. Cara yang lain untuk komuniti setempat mendapat faedah melalui biodiversiti setempat mereka. Faedah penemuan saintifik dan perubatan baharu dan kegunaan lain-lain biodiversiti yang besar hendaklah dikongsi bersama dengan komuniti setempat dan mereka haruslah memberi persetujuan termaklum ke atas hutan dan biodiversiti sekeliling kawasan mereka. Ini merupakan satu potensi yang besar untuk memperkayakan komuniti setempat.

Usaha seterusnya dibuat oleh pihak kerajaan untuk memperkasakan penguatkuasaan undang-undang hutan dan juga memperhebatkan penyelidikan kepelbagaian biologi. Kerajaan hendaklah memikirkan dan menggunakan cara baharu dan inovatif untuk membantu masyarakat luar bandar terutama yang miskin termasuk dengan kerjasama dengan pihak swasta untuk menghasilkan potensi biodiversiti untuk menjana pendapatan yang konsisten dan baik untuk komuniti setempat.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) di peringkat tempatan hendaklah diperkasakan dan diberi kursus kepimpinan serta pengetahuan tentang kerja pengurusan penting seperti cara mengendalikan mesyuarat dan cara menyimpan buku akaun yang betul...

**Datuk Paul Igai:** Gulung.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Laporan RMKe-12 ada menyatakan bahawa antara satu sebab yang menjejaskan sumber pendapatan komuniti setempat ialah ancaman kepada aset semula jadi seperti kawasan hutan disebabkan penggunaan yang tidak mampan. Beberapa jenis spesies hampir pupus akibat pembunuhan, pemburuan, pengambilan dan perdagangan haram serta amalan penangkapan ikan yang merosakkan.

Saya menyambut baik perancangan kerajaan untuk mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran mengenai akses dan perkongsian faedah dan menggalakkan penyertaan komuniti setempat dalam melindungi dan mengurus kawasan perlindungan secara mampan untuk menambah baik punca pendapatan mereka.

■1500

Saya berharap peruntukan dalam Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 akan dikuatkuasakan pada peringkat negeri.

**Datuk Paul Igai:** Yang Berhormat.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Tuan Yang di-Pertua, akhir kata?

**Datuk Paul Igai:** Ya.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Akhir kata, Perdana Menteri ada mengatakan bahawa beliau secara peribadi akan terbabit memantau segala pelan pelaksanaan di Sabah dan Sarawak. Komitmen ini menunjukkan kesungguhan beliau untuk membangunkan wilayah Sabah dan Sarawak supaya setaraf dengan Semenanjung Malaysia.

Dengan gandingan dan jajaran kedua-dua perancangan strategik di peringkat Pusat dan negeri dan kekuatan kedua Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, saya yakin Sarawak akan dapat mencapai sasaran menjadi wilayah berpendapatan tinggi menjelang 2030. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih... [Tepuk]

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah Mohd Salleh. Silakan.

### 3.01 ptg.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah rabbil alamin. Wabihi nasta'in. Wala hawla wala quwwata illa billahil aliyyl azim. Allahumma Sholli 'ala Sayyidina Muhammad wa'ala Alihi washohbihi Ajma'in.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam sesi perbahasan Rancangan Malaysia Kedua Belas pada petang ini. Saya akan memanfaatkan kesempatan ini *insya-Allah* dengan membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan agenda ketiga iaitu meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia dan agenda keempat iaitu memantapkan keselamatan dan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan perbahasan saya pada hari ini dengan membaca sepotong ayat Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antaranya bermaksud, “*Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka barokah dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan ayat-ayat Kami, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya*”.

Tuan Yang di-Pertua, ayat yang saya bacakan di atas jelas sesuai dengan perancangan RMKe-12 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Ismail Sabri. Ayat ini jelas mengajak kita sebagai seorang Muslim khususnya untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT lebih-lebih lagi dalam kita membuat perancangan untuk kemajuan dan pembangunan negara, sama ada secara fizikal mahupun rohani agar segala perancangan yang bakal dilaksanakan dilimpahi rahmat dan keberkatan daripadanya.

Pertama, pemerksaan modal insan. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh mengenai sejauh mana RMK yang digarap ini sehingga mencapai RMKe-12 mampu melahirkan generasi pemimpin masa hadapan yang berkualiti dan mempunyai jati diri yang tinggi. Tidak perlu kita lihat jauh, tengok pada generasi muda pada hari ini. Sejauh mana kita berpuas hati dengan nilai keintelektualan yang ada pada mereka? Bandingkan dengan golongan yang cinta akan hiburan. Berapa peratus kah rakyat Malaysia yang gemar membaca dibandingkan dengan yang gemar bersosial secara fizikal mahupun maya?

Sebut sahaja aplikasi media sosial yang terkenal dan *trending*, dengan izin, maka kitalah juara. Saya tidak sama sekali menafikan media sosial yang wujud turut memberi pelbagai kesan

yang positif, namun saya percaya bahawa media sosial turut mendedahkan kita kepada pelbagai kesan negatif sekiranya tidak dimanfaatkan dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya turut ingin membangkitkan isu mengenai kurang kecintaan anak bangsa kita sendiri terhadap bahasa Melayu, bahasa ibunda kita. Hal ini dapat kita lihat melalui perbuatan merojak bahasa, yang saya kira amat tidak wajar kerana perkara tersebut boleh merosakkan nilai keindahan bahasa ibunda kita. Saya kira banyak pihak tidak melihat isu ini sebagai suatu isu nasional, namun saya berpandangan ia sebenarnya berkait dengan isu jati diri dan kecintaan rakyat terhadap negara.

Bagaimana kita ingin bahasa ibunda kita dijulang martabatnya sedangkan ramai daripada kalangan kita kelihatan sangat berbangga dan menilai perbuatan merojak bahasa, sebagai perbuatan yang memaparkan nilai keintelektualan yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang akan apa yang tinggal pada bahasa ibunda kita. Kita begitu lantang menyuarakan hasrat agar bahasa kita dipelajari dan dipandang tinggi oleh kaum lain di negara ini.

Namun tanpa kita sedari, sebahagian besar daripada kalangan kita sendiri menjadi dalang kepada rosaknya bahasa ibunda ini. Justeru, saya amat mengharapkan pihak kerajaan mengambil serius akan perkara ini agar matlamat untuk memartabatkan bahasa Melayu mampu dicapai dan pastinya ia perlu bermula dengan anak muda bangsa kita sendiri.

Kedua, terapkan nilai spiritual banteras rasuah. Tuan Yang di-Pertua, RMKe-12 ini bukan sebuah pelan tindakan yang kecil. Lima tahun sekali kita bahaskan di Dewan yang mulia ini. Namun hari ini, sejauh mana ia berjaya melahirkan insan yang mulia, yang bertakwa, pemimpin yang beramanah, pekerja-pekerja yang jujur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pengalaman ketika saya melawat perkampungan Orang Asli pada suatu masa di mana pengalaman yang saya lihat ini dengan mata kelapa saya sendiri. Rumah Orang Asli di tepi jalan bukanlah sangat jauh di kawasan pedalaman. Rumah yang terlalu daif dan kecil. Di ruangan utama itulah tempat makan, di situlah juga tempat memasak dan di situlah juga tempat tidur. Sementara ada kanak-kanak yang comot, katanya makan pasir. Menitis air mata melihat hal demikian.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia yang kita cintai ini kaya dengan sumber asli dan khazanah-khazanah alam yang Allah melimpahkan untuk kita optimumkan kegunaan untuk dikongsi bersama agar limpahan kemakmuran ini dapat di kecapi oleh seluruh rakyat hatta di segenap ceruk mana pun mereka berada. Dengan kekayaan yang Allah kurniakan ini, sepatutnya rakyat miskin tegar seperti itu tidak wujud di negara ini. Namun berdasarkan senario yang saya kongsi tadi, saya tertanya-tanya di manakah bantuan yang diperuntukkan kerajaan saban

tahun untuk mereka? Adakah peruntukan yang sepatutnya disalurkan sampai kepada golongan sasaran seperti mana yang diluluskan dalam belanjawan negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan perlunya satu buah pelan tindakan bersifat spiritual dan kerohanian yang lebih komprehensif yang mesti diterapkan dalam setiap agensi kerajaan. Kita kerap mengidolakan tatacara dan budaya kerja yang diamalkan oleh negara-negara maju, lebih-lebih lagi negara Barat umpamanya, sehingga kita terlupa manual yang diajarkan dalam Al-Quran itu lebih jauh dan lebih hebat serta sempurna. Saya yakin sekiranya nilai-nilai spiritual ini diterapkan di peringkat kerajaan, banyak perkara yang dapat diselesaikan, *insya-Allah*.

Isu rasuah dan ketirisan umpamanya. Hal ini kerana seseorang pemimpin yang bertakwa, yang baik, tidak memerlukan pantauan daripada sebarang jawatankuasa untuk memantau gerak-gerinya. Hal ini kerana mereka tahu di sebalik gerak kerja yang dilaksanakan, ada Allah SWT yang senantiasa memantau dan tidak pernah leka, hatta walau sesaat sekalipun.

Ketiga, keperluan wanita terhadap taska. Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan sumbangan wanita dalam meningkatkan ekonomi keluarga merupakan suatu keperluan yang mendesak dalam situasi ekonomi semasa. Lebih-lebih lagi bagi golongan yang tinggal di bandar. Dalam konteks ini, saya ingin menyentuh mengenai keperluan wanita bekerja kepada perkhidmatan taska yang selamat dengan harga mampu bayar bagi meringankan beban komitmen bulanan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, antara syarat utama untuk memohon subsidi yuran taska sebanyak RM180 sebulan yang ditawarkan oleh JKM ialah pendapatan isi rumah per kapita tidak melebihi RM800 bagi kawasan bandar dan RM500 bagi kawasan luar bandar. Saya berpandangan, kerajaan perlu mengkaji semula syarat atas kelayakan penerimaan subsidi yuran taska ini kerana jarang kita dengar di bandar-bandar besar terutamanya kawasan Lembah Klang, gaji per kapita sebanyak RM800 sebulan sedangkan gaji minimum pun sudah melebihi nilai tersebut.

#### ■1510

Justeru saya ingin mencadangkan agar pemberian subsidi yuran taska ini diperluaskan sekurang-kurangnya kepada golongan B40 bagi memastikan bantuan terbabit dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kerajaan telah memperuntukkan sejumlah peruntukkan yang besar bagi geran penubuhan taska di tempat kerja bermula tahun 2019. Oleh itu di kesempatan ini saya ingin bertanya sejauh mana geran penubuhan taska di tempat kerja ini dimanfaatkan oleh ketua-ketua di pejabat-pejabat agensi kerajaan bagi kemudahan kakitangan?

Selain itu sehingga kini, berapakah jumlah taska di tempat kerja bagi sektor awam di seluruh negara telah diwujudkan? Di samping itu saya juga ingin mencadangkan agar geran penubuhan taska di tempat kerja ini turut diperluas kepada sektor swasta di negara ini bagi mengurangkan kos bebanan kewangan kerana yuran taska bagi kanak-kanak boleh mencecah sehingga RM500 sebulan terutamanya di bandar-bandar besar.

Hal ini tentunya amat membebankan golongan wanita bekerja lebih-lebih lagi sekiranya pendapatan yang diterima adalah kecil. Pada masa yang sama perlu dibelanjakan pula sebahagiannya kepada yuran asuhan kanak-kanak.

Keempat, pemerksaan OKU. Tuan Yang di-Pertua keempat, saya ingin membahaskan pemerksaan hak OKU daripada aspek pendidikan. Akses kepada pendidikan yang berkualiti setara dengan kekurangan upaya yang dihadapi oleh mereka merupakan suatu perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Pendidikan merupakan platform yang amat penting bagi golongan ini untuk mengasah kualiti dan kebolehan istimewa yang ada pada diri mereka agar mampu berdikari untuk meneruskan kehidupan pada masa akan datang. Dalam menangani isu ini, saya berpandangan guru-guru berpendidikan khas perlu diberi pendedahan kepada kaedah menggunakan teknologi untuk melatih anak-anak OKU.

Sebagai contoh, negara Denmark antara negara yang mengaplikasikan teknologi bagi mengupayakan kanak-kanak OKU dengan kemahiran-kemahiran asas yang utama. Selain itu saya juga turut berpendapat kolaborasi KPM dan KKM bagi mengesan murid-murid OKU yang mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu juga penting agar kemahiran dan keistimewaan mereka dapat diasah dan dilatih sedari awal seterusnya mampu memberi sumbangan kepada negara.

Kelima, isu kesihatan mental. Tuan Yang di-Pertua, kelima- saya ingin membangkitkan berkenaan dengan isu ini. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Kesihatan Mental Sedunia 2021 yang disambut pada 10 Oktober setiap tahun. Isu kesihatan mental pasca COVID-19 amat membimbangkan walaupun telah banyak pihak yang membicarakan isu ini, tidak kurang juga usaha-usaha kerajaan dalam memerangi masalah ini.

Namun ia tetap membarah dalam masyarakat kita pada hari ini. Isu ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat B40 sahaja. Malah golongan profesional juga tidak terlepas seperti mana yang berlaku pada 7 September lalu apabila seorang jurutera membunuh diri akibat tekanan perasaan. Tidak kurang juga kanak-kanak yang mengalami kemurungan. Begitu juga petugas barisan hadapan turut mengalami masalah mental yang teruk akibat COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan slogan "*Keluarga Malaysia*" amat bertepatan dalam menangani isu ini. Hal ini kerana masalah mental ini berkait rapat dengan perubahan sosial

seseorang individu. Oleh itu, keluarga merupakan kelompok yang dekat untuk menyedari setiap perubahan yang berlaku terhadap seseorang individu. Nilai kekeluargaan wajar diterapkan dalam setiap jiwa rakyat Malaysia sebagai jalan keluar daripada isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu isu ini juga turut berlaku dalam kalangan kaunselor. Mereka juga insan biasa yang turut mengalami tekanan dan memerlukan bantuan. Namun golongan ini selalu dipinggirkan dalam isu kesejahteraan mental. Oleh itu saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai persoalan apakah mekanisme kerajaan dalam memastikan mereka dalam kalangan kaunselor turut mendapat sokongan psikososial yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, keenam- saya ingin membahaskan mengenai gangguan seksual di sekolah. Islam sangat melarang apa jua bentuk gangguan seksual kerana ia nyata mencemarkan akhlak dan akal budi keluarga dan masyarakat. Bahkan ia memberi kesan langsung kepada lima tujuan utama *maqasid syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, maruah diri, harta benda, akal dan keturunan. Baru-baru ini tular kes yang dikatakan wujudnya gangguan seksual seorang guru kepada murid sekolah.

Walau bagaimanapun, kes ini dilihat terlalu cepat diadili oleh orang awam. Orang awam bertindak sebagai hakim di media sosial sedangkan kes masih dalam siasatan di peringkat permulaan. Sebahagian pihak menjatuhkan hukuman bersalah kepada guru tersebut meskipun dalam keadaan guru tersebut tidak dipanggil untuk membela diri. Tanpa disedari isu yang dikatakan gangguan seksual tersebut bukan hanya melibatkan konflik antara guru dan pelajar terbabit semata-mata, bahkan merebak sehingga tercemarnya nama baik institusi pendidikan yang dihormati dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, situasi ini tidak sepatutnya berlaku dan harus dielakkan berpanjangan. Ahli politik dan pengamal media juga patut tahu batasan sejauh mana mahu mengangkat isu sebegini. Kita perlu mengajar rakyat supaya menghukum atas sesuatu yang nampak zahir dan jelas, bukan di luar pengetahuan kita.

Bukan sahaja kerana isu gangguan seksual di sekolah tidak penting tetapi apa yang berlaku bukanlah sandaran utama untuk menongkah isu gangguan seksual di sekolah sehingga meruntuhkan kepercayaan ramai terhadap institusi pendidikan. Oleh itu dalam isu ini saya berpandangan sebaiknya ada pihak yang tampil mendamaikan kedua-dua pihak. Itu lebih baik daripada terus bertegang leher sehingga menyebabkan perpecahan kepada masyarakat apatah lagi ini melibatkan hubungan mulia di antara guru dan anak muridnya. Firman Allah SWT yang bermaksud, "*Tidak ada kebaikan pada sebarang usaha melainkan usaha untuk menganjurkan sedekah, berbuat kebaikan dan meleraikan permusuhan antara dua orang manusia. Maka*



*sesiapa yang berbuat demikian kerana menuntut keredaan Allah akan mendapat ganjaran yang besar.”*

Tuan Yang di-Pertua, ketujuh- saya ingin menyentuh isu kenaikan harga barang. Malaysia tidak terkecuali berdepan dengan isu kenaikan harga barang disebabkan pandemik COVID-19 ini. Tidak dapat dinafikan isu ini bukan sahaja berlaku akibat daripada penularan wabak tersebut malah telah berlarutan sekian lama. Isu kenaikan harga barang secara langsung menyumbang kepada kos sara hidup yang lebih tinggi.

Secara teorinya, semakin tinggi kos sara hidup, semakin kurang kuasa beli pengguna. Harga barang asas contohnya ayam, telur, bawang, ikan rakyat seperti kembung dan selar serta sayur-sayuran seperti kubis, sawi dan tomato merupakan barang keperluan yang sangat dekat di hati rakyat. Namun apa yang berlaku baru-baru ini kenaikan harga ayam berlaku sehingga lima kali dalam tempoh satu minggu.

Tuan Yang di-Pertua, justeru saya ingin menyeru agar kerajaan segera mencari jalan penyelesaian yang proaktif dalam membuat pemantauan terhadap seluruh rantaian pengedaran termasuk pembekal bukan hanya melihat kepada penjual dan pembeli semata-mata. Selain itu, kerajaan juga seharusnya memantau aktiviti kartel iaitu orang tengah di mana mereka bertindak dengan membeli barang pada harga yang rendah daripada pengeluar dan menjual semula barangan tersebut pada harga yang tinggi kepada pengguna. Apa yang berlaku, mereka menguasai rantaian bekalan antara pemborong, pembekal dan peniaga tempatan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya mencelah?

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Ya?

**Datuk Paul Igai:** Keputusannya?

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Boleh Yang Berhormat saya mencelah?

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Ya, ya.

**Datuk Paul Igai:** Boleh, silakan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Kita melihat isu ayam satu isu yang agak serius juga. Kos sara hidup semakin hari semakin tinggi. Akan tetapi kita juga perlu melihat sikap masyarakat kita. Kalau duduk di kampung, ayam pun tak ditenak. Sayur tepi rumah pun tak ditanam. Bagi mengurangkan kos sara hidup, kita menggalakkan masyarakat luar bandar B40 ini ternak ayam kecil-kecilan, tanam sayur di tepi rumah. Kadang-kadang batang serai hendak masak tomyam pun beli. Jadi bagaimana kita hendak mengatasi perkara ini kalau boleh pandangan ini dapat diperluaskan. Sekian terima kasih.

■1520

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Betul, tanah punyalah lapang, kan? Akan tetapi pokok serai pun tidak boleh hendak tanam. Saya cadangkan, maknanya kena ada kempenlah. Kempen untuk bercucuk tanam. Di peringkat bandar, dia ada juga satu kempen disebut kempen kebun bandar. Kempen Kebun Bandar...

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Boleh saya mencelah?

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Ya.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Saya cuma hendak berkongsi- kalau di Kelantan kita ada Program Dapur Hijau, di mana kita menggalakkan suri-suri rumah untuk ada kebun untuk sayur-sayuran asas yang boleh diguna, "Makan apa yang ditanam, dan tanam apa yang dimakan." Itu konsep di Kelantan.

**Datuk Paul Igai:** Masuk dalam perbahasan saya semalam, sama juga. So, memang kita setuju. Baik, silakan sambung.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Ya, saya setuju. Saya ingat perkara ini mungkin boleh- bukan mungkinlah, mesti diperluaskan kepada seluruh negara. Maknanya, kita buat kempen kemasyarakatan, Ahli Jawatankuasa Kampung, mungkin pihak yang berwajib, boleh-dapat sediakan hadiah.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sekali lagi. Kita kadang-kadang bercakap soal bentuk. Makna, kita bukan bercakap soal program. Soal kita ialah kesedaran- *mindset* masyarakat kita. Terlalu mudah beli barang-barang *online*. Berlaku pandemik baru-baru ini juga mengubah budaya masyarakat kita, semuanya *online*.

Mungkin dahulu kita pergi pasar, beli serai. Sekarang, *order online*. Akan tetapi, kita hendak ubah ialah dalaman sikap masyarakat kita sekarang tanam- buat "bumi hijau" balik, macam zaman Tun Abdul Razak dahulu. Kalau masyarakat di bandar- di *flat* boleh tanam dalam pasu. Bukanlah semua kita hendak tanam, tetapi ada benda yang boleh kita tanam- mengurangkan kos belanja dapur. Ini maksud saya.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Ya, betul. Saya setuju Yang Berhormat. Memang- tetapi saya rasa, macam mana kita hendak bina pula kegemaran tersebut? Ya- tidak ya, memang kena ada kempen. Jikalau dalam Islam kita kata "Menanam itu satu ibadat". Untuk keperluan keluarga, jadi kena banyaklah dia punya- maknanya *tagline*- bukan *tagline*... [Ketawa]

Kata-kata pendek yang hendak menggalakkan. Memang kena buat. Mungkin *insya-Allah* pihak- kita cadang juga pihak TV boleh sebarkan perkara ini, radio juga *insya-Allah*. Dan mudah-mudahan nanti boleh hantar *pamphlet* macam mana cara. Sebenarnya benda itu sudah banyak sangat. Dalam internet sendiri pun cara-cara hendak menanam, sangat mudah. Akan

tetapi itu lah- *insya-Allah*. Hendak gerakkan kesungguhan kepada rakyat kita itu sendiri, *insya-Allah* mudah-mudahan akan dapat dilaksanakan.

**Datuk Paul Igai:** Ya, sila teruskan, teruskan.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Baik. Oleh itu, kerajaan juga seharusnya bertegas dalam memerangi sindiket kartel yang sememangnya menjadi salah satu punca kenaikan harga barang tidak ditangani. Terlebih dahulu terima kasih ya, kepada Yang Berhormat Dato' Isa dan juga Yang Berhormat Dr. Martina.

**Datuk Paul Igai:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada di sini.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Ya.

**Datuk Paul Igai:** Silakan.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kelapan, saya ingin menyentuh mengenai isu keselamatan negara. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia bagi tahun 2020, bilangan kes jenayah yang direkodkan berjumlah 56,117 kes. *Alhamdulillah*, statistik ini menunjukkan penurunan sebanyak 23 peratus berbanding jumlah kes jenayah pada tahun 2019.

Namun begitu, secara realitinya, rasa selamat dalam kalangan masyarakat negara kita ini tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan. Malah, mungkin semakin menurun bagi sesetengah tempat. Jika dilihat secara makro, tidak dapat kita nafikan bahawa betapa industri maksiat menjadi antara punca utama berlakunya pelbagai kes jenayah di dalam negara ini.

Justeru, izinkan saya bertanya kepada kementerian berkaitan, berapakah jumlah dan statistik kemalangan yang berlaku akibat pemandu mabuk? Berapakah jumlah kes keganasan rumah tangga dan keruntuhan institusi kekeluargaan yang berlaku punca daripada penyalahgunaan dadah? Berapa jumlah kes jenayah dilaporkan yang berpunca daripada aktiviti perjudian? Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan dan pihak yang terlibat dalam memastikan kegiatan jenayah di negara dapat dibanteras sebaik mungkin.

Namun begitu, selain mengukuhkan penguatkuasaan dan meningkatkan penglibatan masyarakat, saya merasakan perlu ia dibanteras daripada peringkat akar umbi seperti pencegahan budaya arak secara berleluasa tanpa kawalan, aktiviti perjudian, penyalahgunaan dadah, dan seangkatan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, kesembilan, saya ingin membahaskan sedikit mengenai hubungan diplomatik Malaysia-Afghanistan. Saya sebenarnya telah meneliti jawapan Menteri Luar Negeri berkenaan dengan pengiktirafan Kerajaan Taliban di Afghanistan oleh Wisma Putra. Saya berpandangan, kita tidak mempunyai masalah untuk bersikap lebih berhati-hati dalam

menanggapi kemelut yang sedang melanda di sana. Cuma, daripada satu sudut, sudah menjadi tanggungjawab Malaysia sebagai salah sebuah negara Islam yang dihormati di peringkat antarabangsa untuk menghulurkan bantuan konstruktif supaya sebuah kerajaan yang inklusif dapat dibangunkan oleh Afghanistan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum Afghanistan merupakan sebuah negara yang agak terkebelakang dari sudut pembangunan infrastruktur termasuklah berdasarkan kepada indeks pembangunan manusia. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa kerosakan dan kemunduran negara Asia Tengah tersebut turut disumbangkan oleh kerakusan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat yang datang menjajah dengan alasan-alasan kosong.

Bekas Presiden Barack Obama pernah menyebutkan bahawa kemelut di Afghanistan merupakan sebuah peperangan yang perlu untuk melawan pengganas Al-Qaeda. Ketumbukan besar ketenteraan Amerika Syarikat dikerahkan kononnya untuk menyambut hasrat tersebut. Malangnya hari ini, ia kekal slogan kosong yang tidak memberikan apa-apa makna untuk melawan keganasan. Bahkan, Afghanistan yang hancur kemudiannya ditinggalkan tanpa sebarang pelan pemulihan. Inilah hakikatnya di sebalik wajah Afghanistan yang ada pada hari ini.

Oleh itu, saya berpandangan, selain bantuan kemanusiaan, Wisma Putra juga perlu berganding bahu dengan beberapa buah negara Islam yang lain, yang telah memberikan komitmen untuk membangunkan semula Afghanistan seperti Turki dan Qatar supaya dapat menyediakan pelan sokongan yang konstruktif.

Negara China sendiri sudah sedia melabur kepada pembangunan di Afghanistan. Sebuah kerajaan yang konstruktif, inklusif, dan kukuh perlu dibangunkan dan direalisasikan. Hasrat tersebut memerlukan bantuan dan sokongan yang berterusan dari Malaysia sendiri termasuk OIC.

Aspek pembentukan dan pembangunan institusi merupakan keutamaan yang perlu digarap bersama semua pihak. Pembangunan institusi selain memanggil semula para cendekiawan Afghanistan supaya dapat pulang berkhidmat ke negara tersebut merupakan antara inisiatif utama untuk membangunkan semula Afghanistan di peta dunia. Saya kira perkara ini wajar mendapat pertimbangan serius oleh kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir, saya ingin menyentuh mengenai penerapan nilai spiritual dan kerohanian dalam RMKe-12. Izinkan saya membaca sepotong ayat Al-Quran Surah Al-Rum ayat 41 yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud, *“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telak dilakukan oleh tangan manusia. Timbulnya yang sedemikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang telah dilakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat”*.

## ■1530

Jelaslah bahawa agama Islam melarang sebarang pembangunan yang mendatangkan kesusahan kepada manusia serta mengundang bala Allah. Pembangunan seperti ini sebenarnya berasaskan kepada kuasa dan kebendaan semata-mata termasuklah pembangunan yang memberi kezaliman kepada manusia mengancam kesejahteraan sejagat. Sekali gus, menjadikan manusia lupa tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi.

Setiap negara mengimpikan pembangunan yang menjamin keadilan dan kesejahteraan hidup. Keagungan dunia Islam suatu ketika dahulu musnah apabila umat meminggirkan hubungan mereka dengan Allah dan sesama manusia. Suka saya ingatkan kembali sejarah Islam sebagaimana dahsyatnya Allah binasakan kaum Tsamud. Dengan angin taufan yang sangat kencang sehingga mengakibatkan manusia yang ingkar bergelimpangan, rumah-rumah dan bangunan-bangunan yang menjulang tinggi, runtuh menjadi berselerakan. Haiwan-haiwan ternakan diterbangkan angin taufan yang sangat dahsyat. Akhirnya, negeri itu kosong dan tandus semua akibat daripada kerosakan dan kesombongan yang dilakukan di atas muka bumi.

Justeru, setiap dasar pembangunan yang hendak dibuat haruslah dimulai dengan kekuatan akidah, intelek dan kemasyarakatan. Apabila ini semua berlaku, maka kesan pembangunan yang diambil akan mendatangkan manfaat dan kesejahteraan kepada semua. Penutup ya. Buat akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap.

Saya mengharapkan ucapan saya mendapat perhatian yang sewajarnya, *insya-Allah*. Untuk dilaksanakan melalui ruang-ruang yang diperuntukkan oleh RMKe-12 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya akhiri ucapan perbahasan dengan ucapan terima kasih... *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Tepat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. *Correct?* Ahli-ahli Yang Berhormat, bersama kita dalam Dewan petang ini dua Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]* Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin. Silakan.

**3.33 ptg.**

**Dato' Ajis bin Sitin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang. Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk saya turut membahaskan usul mengenai pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 27 September 2021 yang lalu.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Bera yang telah dilantik sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kesembilan. Sesungguhnya, seluruh rakyat negeri Pahang amat gembira dan berbangga dengan pelantikan tersebut.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan yang telah berjaya menyediakan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 hingga 2025 yang bertemakan 'Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif dan Mampan'.

Selanjutnya bagi pihak masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia, saya ingin menjunjung kasih yang tidak terhingga Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana semasa titah perasmian membuka Penggal Keempat, Majlis Parlimen Keempat Belas yang lalu, telah dengan jelas menitahkan supaya kerajaan hendaklah memberikan perhatian yang khusus untuk memajukan seramai lebih 197 ribu orang masyarakat Orang Asli di negara ini. Sesungguhnya kami sentiasa berada dekat di hati Tuanku. Menjunjung kasih Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan kerajaan untuk memajukan masyarakat Orang Asli ini terserlah sekali lagi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sendiri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas, tempoh hari telah menekankan bahawa masyarakat Orang Asli akan diperkasakan lagi dengan menyediakan sebuah pelan pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli yang lebih menyeluruh.

Kami sememangnya maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesembilan ini amat mengenali masalah dan kesusahan yang sering dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Sehubungan dengan itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas ini diharapkan akan dapat mengangkat kemajuan masyarakat Orang Asli daripada segi ekonomi, fizikal dan sebagainya ke tahap yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya petang ini berkisar di bawah fokus enam. Memperkasa agenda bumiputera dan Keluarga Malaysia seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mula menyantuni masyarakat Orang Asli di negara ini seawal tahun 1939 lagi di Perak. Seinggalah pada tahun 1954 diwujudkan Akta Orang Asli [Akta 134] di Peringkat Persekutuan. Akta ini pada dasarnya digubal untuk tujuan keselamatan iaitu membendung ideologi komunis pada masa itu, daripada memperoleh kehidupan masyarakat Orang Asli.

Akta keramat ini sehingga kini masih digunakan oleh JAKOA sebagai punca kuasa untuk memajukan dan menyejahterakan masyarakat Orang Asli. Walaupun zaman sudah jauh berubah selaras dengan perkembangan sains dan teknologi tetapi pentadbiran bagi masyarakat Orang Asli masih dipacu oleh akta yang kuno ini.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan penyediaan pelan pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, saya mencadangkan supaya satu kajian semula ke atas Akta Orang Asli [Akta 134] juga dilakukan. Saya berharap akta Orang Asli yang baharu yang lebih progresif selaras dengan aspirasi masyarakat Orang Asli baharu dan perkembangan terkini negara dapat diterbitkan. Gemblengkanlah tenaga anak-anak muda Orang Asli yang kini sudah pun menjadi majistret, pegawai profesional untuk sama-sama turut terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan semangat Keluarga Malaysia ingin saya maklumkan bahawa di kalangan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia terdapat satu kumpulan Orang Asli yang dikenali sebagai Kumpulan Negrito. Kumpulan ini terdiri daripada enam suku kaum iaitu Jahai, Kensiu, Lanoh, Kitak, Bateq dan Mendriq yang berjumlah 6,803 orang dan menyumbang hanya tiga peratus daripada jumlah penduduk masyarakat Orang Asli di negara ini. Strategi kerajaan untuk memajukan kumpulan ini sehingga sekarang masih tidak berjaya dan gagal. Di mana kumpulan ini masih mengamalkan tradisi dan cara hidup lama untuk kelangsungan hidup.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar satu Jawatankuasa Khas dibentuk bagi mencari kaedah terbaik memajukan kumpulan yang tertinggal ini. Terdapat ramai pakar berkaitan Orang Asli di universiti tempatan. Mungkin boleh membantu kerajaan. Seterusnya, satu peruntukan khas hendaklah disediakan bagi melaksanakan program-program dan projek-projek berkaitan yang dicadangkan oleh jawatankuasa tersebut. Kumpulan Negrito ini juga ahli Keluarga Malaysia dan seharusnya membangun dan turut menikmati kesejahteraan dan kemajuan negara ini bersama-sama dengan rakyat Malaysia yang lain.

Sejak kebelakangan ini, kita selalu didedahkan dengan kes-kes mahkamah yang melibatkan masyarakat Orang Asli. Kebanyakan kes-kes tersebut merupakan kes pertikaian sempadan tanah, tempat tinggal Orang Asli yang tidak diwartakan.

Perkara ini sering berlaku dan telah berlanjutan sejak sekian lama. Isu tersebut nampak remeh tetapi impaknya sangat besar kepada negara kerana selalunya akan dijadikan sentimen oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang membabitkan nama baik negara di peringkat antarabangsa. Pada masa sekarang, terdapat kerajaan-kerajaan negeri yang telah mengiktiraf perkampungan-perkampungan Orang Asli dan bersetuju untuk diwartakan sebagai tanah rizab Orang Asli.

Kerajaan Negeri Pahang contohnya, pada tahun 2017 telah meluluskan sebanyak 264 buah kampung Orang Asli dengan keluasan lebih 75 ribu hektar untuk diwartakan sebagai rizab Orang Asli. Namun, kemurahan hati kerajaan negeri tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan segera kerana kawasan-kawasan penempatan Orang Asli itu perlu diukur halus oleh seorang juruukur taraf berlesen terlebih dahulu sebelum diwartakan.

Oleh hal yang demikian, di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas ini, saya mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan dana yang lebih besar, mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja ukur untuk mewartakan kesemua kawasan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri-negeri dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Boleh saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua? Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Ajis bin Sitin:** Sila.

**Datuk Paul Igai:** Silakan.

**Dato' Ajis bin Sitin:** Pendek, ya.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** [*Ketawa*] Kita melihat isu tanah Orang Asli, isu pewartaan ini, suatu jajaran yang lama, 60 tahun masih lagi berlarutan. Kita melihat kesukaran kerajaan negeri, sesetengah kerajaan negeri yang enakmennya tidak memberi ruang kepada hak-hak tanah Orang Asli. Kita ada beberapa kes- kes Sagong Tasi, baru-baru ini kes tanah Orang Asli di Temiar, Gua Musang, yang terbaru kes Mohamad Nohing di Bera. Adakah kaedah pewartaan Orang Asli melalui kaedah kuasa mahkamah itu merupakan suatu kaedah yang baik pada masa kini dan menunjukkan satu norma baharu bahawa Orang Asli mempunyai hak kepada tanah-tanah warta ini? Sekian, terima kasih. Mohon pandangan.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih.

**Dato' Ajis bin Sitin:** Pada masa sekarang Yang Berhormat, tanah-tanah Orang Asli diberi milik kebanyakan melalui mahkamah. Jadi respons saya kepada cadangan Yang Berhormat itu-pada masa sekarang, *evidence* yang ada ialah mahkamah, ya. Terima kasih.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan satu. Okey, terima kasih.



**Datuk Paul Igai:** Okey, baik.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Sering kali kita dapati bahawa antara penempatan Orang Asli ini dan kawasan yang dirizabkan itu ada bertindih dengan kawasan hutan simpan. Ada yang apabila kerajaan negeri meluluskan pembalakan di kawasan tersebut, ia bertembung dengan tempat rizab Orang Asli. So, adakah ini masih berlaku ataupun sudah ada jalan untuk selesaikannya? Terima kasih.

**Dato' Ajis bin Sitin:** Jawapan dia, isu tersebut masih berlaku, ya. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Paul Igai:** Silakan.

**Dato' Ajis bin Sitin:** Tuan Yang di-Pertua, negara telah mencapai kemerdekaan lebih 60 tahun. Negara berkembang maju dengan pesat. Bangunan-bangunan pencakar langit memenuhi bandar-bandar moden, disambungkan dengan jaringan sistem lebuhraya mewah serta jalan-jalan Persekutuan dan jalan negeri yang bertaraf dunia.

Namun jauh di pedalaman Pahang dan pedalaman Kelantan, masyarakat Orang Asli masih berhempas pulas menggunakan jalan-jalan balak yang sangat curam, licin dan bahaya untuk keluar ke pusat-pusat perkhidmatan kerajaan di pekan-pekan. Suku kaum Semai di Ulu Jelai Lipis, Pahang dan suku kaum Temiar di Hulu Kelantan, Gua Musang, hanya boleh keluar ke pekan pada musim panas sahaja.

Apabila muncul musim tengkujuh, jalan-jalan balak tersebut tidak dapat dilalui kerana jalan tanah itu menjadi becak, berlumpur dan jalan atau jambatan terputus serta sangat bahaya untuk dilalui. Segala sistem penyampaian kerajaan terputus. Cikgu-cikgu, pasukan perubatan, bahkan para pelajar juga sukar untuk sampai ke sekolah. Dalam kebanyakan kes, perkhidmatan helikopter dari Jabatan Bomba dan Penyelamat akan membantu apabila muncul musim hujan ini.

Sehubungan dengan itu, dengan semangat Keluarga Malaysia, saya mencadangkan pihak kerajaan untuk membina dengan segera dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 ini, tiga buah jalan utama berikut. Pertama, Jalan Pos Betau ke Lenjang dan Titom, Kuala Lipis, Pahang. Kedua, Jalan RPS Betis Gua Musang ke Pos Gob Gua Musang, Kelantan. Ketiga, membaik pulih Jalan Sungai Koyan ke Sinderut, Kuala Lipis, Pahang. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ketiga-tiga jalan tersebut terbina, maka keseluruhan perkampungan utama Orang Asli di negara ini sudah boleh dihubungi melalui jalan dalam semua musim.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Orang Asli, mula saya mencadangkan agar tanaman- Tanaman Semula Komersial (TSK) dan Tanaman Semula Berkelompok (TSB) yang telah diperkenalkan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu itu diteruskan dengan menambah baik keluasan TSK setiap isi rumah kepada 12 ekar

selaras dengan kadar garis kemiskinan yang terbaru. Selain daripada kelapa sawit, getah, kerajaan juga hendaklah meneroka sumber-sumber lain seperti padi huma, lada hitam, koko, jagung dan lain-lain yang bersesuaian dengan kawasan tempat tinggal mereka. Dalam hal ini, pakar-pakar pertanian daripada Kementerian Pertanian hendaklah membantu bagi menyediakan kajian kesesuaian ataupun *feasibility study*.

Saya juga mencadangkan agar kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memperhebatkan lagi promosi kebudayaan Orang Asli dan ekopelancongan berasaskan masyarakat Orang Asli. Ekopelancongan boleh diperkasakan dengan menjadikan Orang Asli tempatan sebagai rakan pengusaha pelancongan. Kegiatan ini sangat berpotensi diadakan bagi memperkasakan suku kaum Jahai di Tasik Temenggor, Gerik, Perak, suku kaum Che Wong di Tasik Kenyir, Terengganu, suku kaum Bateq di Taman Negara, Pahang, suku kaum Jakun di Chini dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan teras kepada...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh mencelah sedikit atau tidak untuk Orang Asli ini?

**Datuk Paul Igai:** Beri peluang?

**Dato' Ajis bin Sitin:** Sila.

**Datuk Paul Igai:** Pembahas?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Terdapat perkampungan Orang Asli ini, khususnya di Selangor yang hampir dengan bandar-bandar. Saya mencadangkan supaya anak Orang Asli bersekolah di sekolah kebangsaan supaya mereka berasimilasi dengan masyarakat di sekeliling mereka dan akhirnya boleh mengubah cara hidup mereka kepada kehidupan yang lebih baik berbanding kekal seperti asal. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Ajis bin Sitin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, itu berlaku sekarang tetapi untuk makluman, Orang Asli ini terdapat 18 suku kaum. Ada suku kaum yang macam saya sebut tadi, Negrito yang memang sukar untuk diasimilasikan. Pada kami macam Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid, saya, kita tidak ada halangan. Ini satu *group* yang sangat tertinggal ini memang susah digunakan kaedah inilah. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Orang Asli kini berbangga apabila banyak sekolah rendah kini disediakan di kawasan penempatan masing-masing untuk memastikan supaya setiap anak-anak Orang Asli bersekolah. Inisiatif ini telah melahirkan ramai anak-anak Orang Asli yang berjaya. Ramai anak-anak Orang Asli kini berada di menara gading, sama ada dalam negara atau di luar negara.

Bagi menyemarakkan lagi semangat anak-anak masyarakat Orang Asli ini untuk terus bersekolah dan berjaya, saya mencadangkan pihak Kementerian Kewangan menyediakan

peruntukan yang mencukupi bagi membiayai kos keperluan persekolahan semua pelajar Orang Asli. Setiap anak Orang Asli hendaklah disediakan uniform, kasut sekolah, beg sekolah, peralatan sekolah dan sebagainya, termasuk duit poket. Pelajar-pelajar yang berada di asrama hendaklah disediakan semua peralatan keperluan asas asrama.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya keluarga biasa Orang Asli memang tidak mampu untuk menyediakan perkara-perkara tersebut. Lagipun, perkara ini bukan perkara yang baru dan luar biasa. Bantuan seperti ini pernah disediakan kerajaan sejak dahulu lagi tetapi entah di mana silapnya, bantuan tersebut telah terhenti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat ramai anak-anak Orang Asli yang berusaha untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kontraktor.

#### ■1550

Mereka telah mempunyai lesen perniagaan sama ada dalam bidang kerja dan bidang bekalan. Ada di antara mereka yang mempunyai kemampuan kewangan, pengalaman, logistik dan sebagainya. Akan tetapi amat sukar untuk mendapat kerja yang di tender.

Bagi memperkasakan kontraktor-kontraktor daripada kalangan masyarakat Orang Asli ini, saya mencadangkan sebagai permulaan, kontrak-kontrak di JAKOA dan kontrak-kontrak di kawasan Orang Asli daripada agensi-agensi lain hendaklah ditawarkan kepada syarikat milik Orang Asli yang berkeupayaan. Saya percaya kerajaan melalui Kementerian Kewangan, demi semangat Keluarga Malaysia akan memberikan pelepasan khas mana-mana Arahan Perbendaharaan (TI) yang menghalang pelaksanaan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Orang Asli merupakan sebuah jabatan kerajaan yang mentadbir urusan hal ehwal Orang Asli bagi memastikan kesejahteraan hidup seramai hampir 200 ribu orang masyarakat Orang Asli di negara ini.

Kita berbangga, Ketua Pengarah dan dua orang pegawai kanan yang berkhidmat di JAKOA kini merupakan anak-anak Orang Asli sendiri. Bagi memperkasakan lagi JAKOA dan menyantuni aspirasi masyarakat Orang Asli seluruhnya, saya mencadangkan supaya mulai Rancangan Malaysia Kedua Belas ini, pihak JPA sedaya-upaya dapat melantik anak-anak Orang Asli yang berkelayakan untuk mengisi jawatan luar kanan di semua peringkat JAKOA, baik di pejabat negeri dan daerah.

Ramai anak Orang Asli yang sedang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan di seluruh negara dan juga ramai anak Orang Asli yang telah lulus universiti tetapi tidak mendapat peluang untuk berkhidmat untuk masyarakat mereka sendiri. Gunakanlah sumber-sumber ini untuk memastikan supaya JAKOA akan ditadbir oleh sekurang-kurangnya 70 peratus anak Orang Asli sebelum tamatnya Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun kerajaan berbelanja beratus juta ringgit untuk memajukan masyarakat Orang Asli. Namun, impak daripada usaha-usaha tersebut sangat kecil dan kadang-kadang tidak nampak. Malahan, ada suku kaum yang langsung tidak menikmati kemajuan ini. Soalnya, salah siapa? Adakah peruntukan yang disediakan tidak mencukupi atau penyampaian tidak tepat?

Sempena penyediaan Pelan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, saya mencadangkan agar satu Lembaga Penasihat JAKOA ditubuhkan. Tugas-tugas utama lembaga ini ialah untuk membantu dan menasihati JAKOA dalam mengenal pasti program atau projek yang sesuai untuk dilaksanakan di sebuah tempat untuk sesuatu suku kaum.

Sedia maklum, JAKOA menguruskan kemajuan 18 jenis suku kaum yang sangat unik daripada segi adat resam, budaya dan sebagainya di antara satu sama lain. Daripada segi struktur organisasi, tugas dan tanggungjawab dan lain-lain untuk lembaga ini bolehlah difikirkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pusat pentadbiran JAKOA berada di Jalan Ampang iaitu berhadapan dengan bangunan KLCC. Sangat tidak sesuai bagi Orang Asli untuk datang berurusan dengan pejabat tersebut. Pejabat ini berada di tengah-tengah Kota Raya Kuala Lumpur. Sangat tidak mesra Orang Asli.

Untuk makluman, rata-rata Orang Asli di negara ini lebih mengenali Batu 12, Gombak dari Kuala Lumpur, apatah lagi Pejabat JAKOA di Jalan Ampang. Batu 12, Gombak ini mempunyai nilai dan sentimen tersendiri yang sangat tinggi kepada Orang Asli. Ia merupakan tempat pertama pusat pentadbiran hal ehwal Orang Asli di negara ini sejak tahun 50-an lagi.

Oleh hal yang demikian, bagi menyantuni aspirasi masyarakat Orang Asli, saya mencadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas ini, pihak kerajaan membangunkan semula tapak tersebut menjadi kompleks pusat pentadbiran Jabatan Kemajuan Orang Asli di Malaysia di Batu 12, Jalan Bentong Lama, Gombak untuk menggantikan Pejabat JAKOA yang sangat menyusahkan di Jalan Ampang sekarang. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit? Saya hendak bantu Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin.

**Datuk Paul Igai:** Ada beri peluang kepada Yang Berhormat?

**Dato' Ajis bin Sitin:** Sila, sila.

**Datuk Paul Igai:** Silakan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Kita setuju pandangan Yang Berhormat supaya Pejabat JAKOA itu dipindahkan di tempat yang lebih mesra dengan masyarakat Orang Asli yang sinonimnya

dengan masyarakat Orang Asli ialah Batu 12, Gombak. Namun, kalau kita melihat bukan itu satu isu sahaja yang dilihat. Kalau saya lihat Gombak itu menjadi ikon kepada Orang Asli, saya mencadangkan juga supaya pembangunan kampung budaya Orang Asli itu tidak ada.

Di Semenanjung Malaysia ini, dari Perlis sampai ke Selatan, walaupun Perlis tidak ada Orang Asli tetapi di Kampung Budaya Sarawak begitu indah. Segala budaya- *culture* orang Sarawak dapat dilihat di kampung budaya. Akan tetapi kalau kampung Orang Asli, hatta di Pahang tidak ada juga kampung Orang Asli. Di Perak yang ramai pun belum lagi wujud. Itu saya cadangkan dengan cadangan mewujudkan pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli di Gombak. Bangunkan sekali dengan perkampungan budaya Orang Asli. Adakah Yang Berhormat setuju?

**Dato' Ajis bin Sitin:** Saya sokong sangat.

**Datuk Paul Igai:** Dimasukkan.

**Dato' Ajis bin Sitin:** Masukkan cadangan tersebut dalam ucapan saya ini juga. Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan tersebut saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz. Silakan.

### 3.56 ptg.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atas pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Penghargaan juga diberi kepada para pegawai dan kakitangan yang telah bertungkus-lumus menyediakan dokumentasi yang begitu kemas dan teratur untuk dibentangkan di Dewan Rakyat.

Rancangan Malaysia Kedua Belas menetapkan asas bagi merealisasikan semangat Keluarga Malaysia yang akan mengubah landasan pembangunan negara bagi tempoh lima tahun yang akan datang untuk mencapai Malaysia yang aman dan makmur. Impak yang dibawa pandemik COVID-19, memberi kesan kepada ekonomi negara dan menyaksikan ekonomi negara dalam keadaan yang merudum.

Rancangan Malaysia Kedua Belas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia adalah bertunjang kepada tiga tema iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuhkan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemapanan

empat pemangkin dasar iaitu: pertama, membangunkan bakat masa hadapan; kedua, mempercepatkan penerima gunaan teknologi dan inovasi; ketiga, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan; dan keempat, memperkukuhkan khidmat awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa perkara sahaja dan saya rasa perkara-perkara yang lain telah pun disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang lalu. Pertama, pertanian. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM55.4 bilion bagi membangunkan sektor pertanian dan penternakan pada tahun 2020 berbanding RM45.3 bilion pada tahun 2015 di negara kita. Import makanan penternakan, sayur-sayuran, buah-buahan di negara kita masih lagi tinggi. Kebergantungan kita juga kepada sayur-sayuran yang diimport dari luar negara sangat tinggi dari tahun ke tahun.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah pun berusaha untuk melakukan inisiatif untuk meningkatkan produktiviti terhadap pengeluaran makanan domestik. Akan tetapi masih belum lagi dapat hasil yang boleh membanggakan. Dalam meningkatkan usaha pengeluaran tanaman sayur dan buah-buahan, antaranya perlu diimplikasikan kepada teknologi moden.

#### ■1600

Sudah sampai masanya negara kita beralih kepada sektor pertanian moden. Peruntukan geran hendaklah diberi tumpuan kepada golongan belia, terutamanya di kawasan luar bandar yang mana terdapat banyak tanah terbiar yang perlu dibangunkan dan dipupuk belia-belia ini untuk merealisasikan sektor pertanian moden.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan atau mengehadkan penghijrahan anak-anak muda luar bandar ke bandar dengan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi di luar bandar khususnya ke arah pertanian moden. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapat memupuk keusahawanan tani di kalangan belia.

Tuan Yang di-Pertua, kita terus kepada yang kedua iaitu memperkasakan wanita. Dalam usaha memperkasakan wanita dalam sektor pekerjaan pula, terdapat pelbagai usaha ditunjukkan oleh kerajaan tetapi tidak mencukupi. Tindakan kerajaan menyemak semula Dasar Wanita Negara pada tahun 2009 telah mengubah posisi wanita dalam sektor ekonomi. Bagi usaha meletakkan wanita dan lelaki secara seimbang, berdasarkan Laporan Perangkaan Negara pada tahun 2015, jumlah kedudukan wanita yang bekerja adalah seramai 5,514,000 orang dan bilangan lelaki 8,000,772 orang. Manakala bilangan wanita yang memegang jawatan sebagai pengurus hanya 163 ribu orang berbanding lelaki iaitu seramai 597 ribu orang. Manakala pekerjaan

sokongan dan perkeranian wanita adalah yang paling ramai iaitu 980 ribu orang dan lelaki hanya 337 ribu orang sahaja.

Perbezaan ini menunjukkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan sangat penting tetapi peringkat membuat keputusan adalah masih rendah. Oleh itu adalah diharapkan pihak kerajaan memberi cukup ruang dan keutamaan kepada wanita untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut. Manakala peningkatan bilangan tenaga kerja wanita daripada 11.5 juta pada tahun 2000 kepada 16.5 juta daripada 20 juta tenaga kerja pada tahun 2012. Ini menunjukkan kesan besar wanita dalam mempengaruhi dan membentuk pembangunan generasi dan sumbangan kepada aktiviti ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkasakan pula keusahawanan wanita, kerajaan harus memperbanyakkan dana bagi membangunkan ekonomi wanita sebagai usaha meningkatkan ekonomi wanita dan menggalakkan wanita dalam menceburi bidang perniagaan hingga ke peringkat antarabangsa. Melabur dalam memperkasakan ekonomi wanita memberi kesan langsung bagi membasmi kemiskinan. Wanita juga memberi sumbangan besar kepada kemajuan negara, komuniti dan keluarga. Wanita perlu diberi sokongan supaya mereka dapat mencapai kesaksamaan gender. Wanita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang telah memberi jaminan untuk mengurangkan birokrasi bagi mempermudah kelulusan permohonan pinjaman yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian daripada *SME Corporation* mendapati seramai 170 ribu orang usahawan wanita yang terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) termasuk seluruh negara terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Menurut kajian MDEC kesan impak COVID-19, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebanyak 8.85 peratus usahawan telah gulung tikar dan 34.9 peratus penurunan eksport dan 54.3 peratus mengalami hasil penurunan jualan dan kesan COVID-19 telah menyebabkan 50.5 peratus telah menceburi dalam bidang perniagaan baharu iaitu perniagaan secara talian iaitu *online*.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Menjelang tahun 2022 dan tahun 2023, perusahaan milik usahawan-usahawan wanita dijangka akan meningkat dan usahawan mikro disasarkan menyumbang sebanyak 50 peratus dalam Keluaran Negara Kasar menjelang tahun 2030. Perniagaan secara atas talian menjadi trend masa kini. Saya mencadangkan pihak kerajaan agar mengatur program-program yang berstruktur bagi membimbing usahawan-usahawan wanita ke arah usahawan yang berdaya saing bagi menjana, membangkit dan merancakkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkasakan wanita, kita tidak akan lari mengutamakan kesejahteraan anak-anak dan kanak-kanak. Kanak-kanak merupakan aset penting negara pada masa hadapan. Kita mencadangkan kepada pihak kerajaan agar meningkatkan latihan kepada semua pihak yang berurusan dengan kanak-kanak, terutama dalam melindungi penganiayaan, penderaan dan pengabaian, keganasan, eksploitasi kanak-kanak.

Juga memberi peningkatan perkhidmatan, memelihara, perlindungan kepada kanak-kanak yang teraniaya, meningkatkan kesedaran rakyat dan kefahaman di kalangan keluarga dan masyarakat tentang pentingnya menjaga kesihatan kanak-kanak. Hak kesamarataan daripada sebarang bentuk diskriminasi, mencegah keganasan terhadap kanak-kanak perlu dipertingkatkan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan akibat pandemik COVID-19 selain kemiskinan sedia ada perlu dijadikan agenda ataupun solusi pertama kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas Bagi merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 terdapat kumpulan T20, sebahagiannya menjadi kumpulan M40. Manakala sebahagian M40 pula menjadi B40 dan selain B40 yang terus bertambah miskin. Akibat komitmen yang ditanggung oleh kumpulan ini yang sangat tinggi berikutan penguncupan ekonomi yang ketara telah menjadikan rakyat Malaysia yang dimaksudkan itu sudah tidak ada punca pendapatan. Penyusutan wang tunai yang banyak serta tidak dapat mencairkan aset fizikal sedia ada bagi menanggung bebanan ekonomi keluarga.

Bagi menangani dan mendepani kemiskinan dan membangunkan masyarakat yang inklusif, kerajaan perlu meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan meningkatkan taraf hidup isi rumah miskin dengan menambahkan peluang perniagaan dan menawarkan kursus-kursus keusahawanan serta memberi geran bagi bantuan meningkatkan pendapatan isi rumah.

#### ■1610

Di bandar, keperluan kewangan lebih mencabar dari luar bandar. Isu miskin bandar sudah lama diperdebatkan, malah baru-baru ini kita dikejutkan dengan data yang menunjukkan kira-kira lebih daripada 30 ribu miskin bandar- hanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Kerajaan perlu memperbaiki kualiti hidup miskin bandar dengan mengkaji semula kadar kenaikan gaji minima pekerja. Banyak isu yang perlu diberi perhatian kepada miskin bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat terutama rakyat yang berpendapatan B40, kerajaan hendaklah memastikan pembinaan Rumah Mampu Milik ini lebih inklusif dengan menyediakan infrastruktur yang lengkap. Kerajaan juga perlu menambah peruntukan bagi menyediakan Rumah Mampu Milik yang berkualiti. Kerajaan juga perlu menambah peruntukan bagi membina rumah PPRT bagi golongan yang kurang berkemampuan



tanpa terikat dengan syarat data eKasih. Ini adalah kerana sesetengah maklumat dalam eKasih tidak tepat.

Kerajaan juga perlu meningkatkan tadbir urus dengan mengurangkan birokrasi pemilik rumah ini terutama daripada segi pengurusan dokumentasi serta kelonggaran syarat pinjaman pemilik rumah. Kita juga memohon kepada kerajaan agar mewujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk meneliti keperluan dan kesahihan maklumat dalam menyalurkan bantuan kepada yang berkelayakan supaya ketirisan tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membina semula negara, memerlukan masyarakat yang aktif dan sihat. Oleh itu, kerajaan perlu memberi lebih perhatian kepada pusat-pusat riadah yang perlu dinaikkan taraf bagi kemudahan rakyat untuk menjalankan aktiviti sukan dan membangunkan industri sukan tersebut. Bagi melahirkan generasi pelapis sukan pada masa akan datang, kerajaan perlu memberi peruntukan bagi menaik taraf sekolah-sekolah sukan atau pusat latihan sukan dalam negara.

Kerajaan juga perlu membuka ruang yang seluas mungkin kepada bakat-bakat atau pelapis sukan mengikut kecenderungan. Sebagai contoh, sukan basikal, gimnasium dan bukan hanya sukan-sukan tertentu sahaja. Kerajaan juga perlu mengurangkan kebergantungan kepada jurulatih luar negara kerana ia akan menambah kos perbelanjaan negara. Selain itu, ia juga boleh menutup ruang kepada jurulatih tempatan yang berkebolehan yang sepatutnya diketengahkan dan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang keutuhan perpaduan. Bagi memakmurkan negara, kerajaan perlu memperbanyakkan program dan aktiviti bagi membentuk perpaduan pelbagai bangsa dalam erti kata lain sebuah Keluarga Malaysia yang majmuk. Bagi menzahirkan konsep Keluarga Malaysia, kerajaan perlu memberi penjelasan kepada rakyat Malaysia tentang tiga Teras Utama- Keluarga Malaysia iaitu terdiri daripada keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Peranan ini perlu diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi menerangkan maksud Keluarga Malaysia dan memaparkan rancangan dokumentari berkaitan kebudayaan bangsa, keagamaan dan kenegaraan. Pentingnya perpaduan bagi memastikan kestabilan dan kedaulatan negara terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pendidikan terdapat 10,200 buah sekolah di seluruh negara merangkumi sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah mubaligh, sekolah Orang Asli dan sebagainya. Kira-kira lima juta orang pelajar di seluruh

negara bermula dari prasekolah hingga sekolah menengah, manakala jumlah penduduk- guru dianggarkan melebihi 450 ribu di seluruh negara.

Ada di antara sekolah-sekolah tersebut dalam keadaan daif disebabkan bangunan yang terlalu lama, disebabkan bencana alam banjir, Pahang juga terlibat dengan situasi bencana alam yang mana sekolah-sekolah banyak berlaku kerosakan disebabkan bencana alam dan kita dapati bahawa sekolah-sekolah itu sudah tidak sesuai lagi berada di tempat tersebut kerana acap kali dilanda banjir. Tindakan pemulihan segera bagi memperbaiki sekolah-sekolah daif, sekolah-sekolah yang ditimpa musibah banjir ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Kerajaan juga perlu memperkasakan sekolah latihan vokasional dan juga pendidikan khas.

Satu perkara lagi yang ingin saya ketengahkan iaitu Rancangan Makanan Tambahan di sekolah iaitu RMT yang melibatkan pelajar dari keluarga B40. Hendaklah diteruskan dan perlu ditambah baik bagi menjamin kesihatan pelajar yang kurang berkemampuan dalam perbelanjaan sehari. Saya cadangkan agar pihak kerajaan menaikkan nilai RMT sekarang daripada RM2.50 seorang kepada RM4 seorang sesuai dengan kualiti makanan. Bantuan Awal Persekolahan iaitu sebanyak RM100 hendaklah dikaji semula supaya jumlah ditambah menjadi RM200 seorang.

Kebanyakan rumah-rumah guru sekarang telah usang dan daif dan ada juga rumah-rumah guru yang diibaratkan gajah putih kerana tidak ada penyelenggaraan yang khusus. Saya mencadangkan agar rumah-rumah guru ini dipertimbangkan semula oleh pihak kerajaan supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Melihat kepada kesihatan yang sedia ada, Tuan Yang di-Pertua ini menjurus kepada Kementerian Kesihatan. Penyediaan pusat rawatan bagi pesakit COVID-19 yang terhad sebelum ini, kerajaan perlu menambah peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur pusat kesihatan di luar bandar dan hospital berpusat dilengkapi dengan peralatan yang lebih canggih dan bersesuaian dengan tuntutan keperluan kesihatan ketika ini.

Ini kita dapat makluman dari kawasan-kawasan di luar bandar yang mana terdapatnya pusat-pusat kesihatan yang perlu dinaik taraf. Terdapat peralatan yang sudah lama, yang bak kata orang ini, kalau bela ini lebih mahal daripada beli baru. Jadi, saya rasa pihak Kementerian Kesihatan kenalah memantau pusat-pusat kesihatan terutama daripada segi bangunan-bangunan yang perlu dinaik taraf peralatan-peralatan yang diguna pakai di pusat-pusat kesihatan di luar bandar.

Kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada penambahan doktor pakar perubatan di hospital bagi mengatasi masalah kekurangan doktor pakar. Ini pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, doktor pakar selalunya akan datang ke pusat-pusat klinik daerah di luar bandar hanyalah dua minggu sekali. Jadi, bayangkanlah rakyat kita, masyarakat kita yang di luar bandar untuk

mendapat rawatan doktor pakar terpaksa tunggu selama dua minggu. Oleh itu sudah sampai masanya kerajaan menambah doktor pakar perubatan di hospital dan juga di pusat-pusat kesihatan di luar bandar.

■1620

Selain itu dicadangkan agar kerajaan dapat menambahkan peruntukan bagi membina pusat penyelidikan pakar-pakar yang menjalankan penyelidikan perubatan sebagai contoh penawar atau ubat bagi wabak COVID-19 ataupun penyakit berjangkit lain.

Ini juga dapat menambah peluang baru bagi mereka yang berkemahiran dalam dunia penyelidikan seterusnya dapat mengurangkan pengangguran dan meningkatkan sosioekonomi negara. Apabila rakyat sihat barulah negara boleh dibangunkan dengan jayanya dan rakyat hidup dengan sejahtera.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua dalam dunia yang penuh mencabar ini jalur lebar memainkan peranan yang paling utama dalam urusan seharian terutama ekonomi dan pendidikan. Kerajaan perlu betul-betul menaik taraf mutu capaian jalur lebar di luar bandar bagi memastikan urusan sama ada keusahawanan untuk dipasarkan global menerusi platform digital.

Selain itu juga capaian jalur lebar juga penting di masa kini terutama bagi pembelajaran atas talian kerana masalah capaian ini ditimbulkan semasa kita berhadapan dengan pandemik COVID-19. Apabila pelajar tidak dapat belajar secara bersemuka dan urusan niaga terhenti akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Untuk itu dalam tempoh lima tahun akan datang kerajaan mestilah betul-betul memastikan jalur lebar ini dapat dilebarkan dengan baik, dapat dinikmati rakyat jelata di seluruh pelosok negara kita Malaysia. Dengan ini saya menyokong ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Rancangan Malaysia Kedua Belas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz atas perbahasan bagi usul Rancangan Malaysia Kedua Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat kita mesti tamatkan pada hari ini pada jam 5.30 petang. Kita ada lagi masa lebih kurang satu jam lebih sedikit. Pembahas tinggal dua, jadi saya mohon kepada pembahas ini kalau boleh panjangkan ataupun kalau ada tambahan-tambahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat boleh semasa mencelah nanti.

Saya tidak boleh tamatkan sebelum tempoh yang telah ditetapkan kerana kita tiada usul pagi tadi. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing. Dipersilakan.

**4.23 ptg.**

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian membahaskan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari yang lepas. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi datang sendiri di Dewan yang mulia ini untuk membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Rancangan Malaysia Kedua Belas iaitu dari tahun 2021 sampai tahun 2025 ialah agenda besar kerajaan untuk mengembalikan kestabilan ekonomi dan merencanakan pertumbuhan ekonomi negara, memberi tumpuan kepada agihan kekayaan yang lebih saksama, kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, sejajar dengan tema 'Malaysia Makmur - Inklusif dan Mampan.'

Rancangan Malaysia Kedua Belas ini adalah berpanduan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WBK2030) yang bermatlamat untuk mencapai negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua ingin saya menyentuh bab tujuh dalam buku Rancangan Malaysia Kedua Belas, iaitu memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dari tahun 2016 sampai tahun 2020, Sarawak mencatat pertumbuhan yang sangat rendah.

Secara purata hanya 0.9 peratus setahun. Ini sangat rendah jika dibandingkan dengan ekonomi negara yang mencatatkan pertumbuhan 2.7 peratus setahun dalam tempoh yang sama. Tiga sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi Sarawak ialah:

- (i) sektor perkhidmatan menyumbang 36.2 peratus;
- (ii) sektor pembuatan menyumbang 26.3 peratus; dan
- (iii) sektor perlombongan dan pengkuarian menyumbang 22.2 peratus.

Harga minyak mentah, minyak sawit dan getah yang rendah serta pandemik COVID-19 pada tahun 2020, telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Sarawak.

Berkenaan dengan pembaikan sosioekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2020, pendapatan isi rumah meningkat sedikit daripada RM4,163 kepada RM4,544 dan kemiskinan mutlak ada turun sedikit daripada 11.9 peratus kepada 9.0 peratus. Kadar ini masih tinggi jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan nasional iaitu 5.6 peratus. Sembilan daripada 10 buah daerah termiskin di Malaysia adalah di Sabah dan Sarawak. Termiskin di Sarawak merupakan daerah Pusak, Tebedu dan Matu.

Sasaran yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas ialah pertumbuhan purata KDNK pada 5.3 peratus. Pendapatan pertengahan bulanan isi rumah ialah RM5,430. Kita berharap sasaran ini akan tercapai menjelang tahun 2025.

Rumah mampu milik 500 ribu akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas. Sebanyak 26 ribu akan dibina dan membaiki rumah untuk isi rumah miskin di Sabah dan Sarawak. Harapan kita sasaran ini akan tercapai.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 600 ribu buah rumah mampu milik dirancang tetapi hanya 217,857 yang jadi nyata iaitu hanya 36.3 peratus daripada yang telah dirancang.

### ■1630

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu kesihatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana sudah menjanjikan bahawa Hospital Pengajar atau *Teaching Hospital*, dengan izin, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan siap dibina dalam RMKe-12 ini. Rancangan untuk membina hospital ini bukanlah baharu, malah sudah dalam RMKe-11 tetapi tidak apalah, lambat asal ada, *better late than never*, dengan izin.

Saya juga mengalu-alukan pembinaan 20 buah klinik baharu di Sarawak dan Sabah dalam RMKe-12. Berkenaan dengan penjagaan kesihatan ini, izinkan saya membangkitkan apa yang saya cadangkan semasa membahaskan Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong minggu lepas, sebab apa yang saya cadangkan tidak dijawab oleh kementerian berkenaan. Saya mencadangkan adalah seperti berikut.

Pertama, naik taraf Hospital Miri dan Hospital Sibu ke taraf hospital negeri, sama taraf dengan Hospital Umum Sarawak di Kuching. Pada dasarnya, sebuah negeri ada sebuah hospital bertaraf hospital negeri. Ini bererti, sebuah hospital negeri di Perlis dan sebuah hospital negeri di Sarawak, tetapi kalau kita tengok berapa besar Sarawak itu, ia hanya ada sebuah hospital negeri dan Semenanjung, sebab dia ada sembilan buah negeri, ia ada sembilan buah hospital negeri.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan Hospital Miri akan menjaga wilayah utara iaitu merangkumi Bahagian Bintulu, Bahagian Miri, dan Bahagian Limbang. Hospital Sibu untuk wilayah kawasan tengah yang merangkumi Bahagian Kapit, Sarikei, dan Mukah. Hospital Kuching yang sedia ada sekarang untuk wilayah selatan yang merangkumi Bahagian Kuching, Serian, Betong, dan Kota Samarahan.

Cadangan kedua saya untuk membina klinik di Ulu Balingian. Malah, Tuan Yang di-Pertua ada bercakap mengenai di manakah Ulu Balingian? Ia berdekatan dengan SMK Ulu Balingian untuk penduduk setempat, pelajar, dan guru-guru di sekolah itu.

Cadangan ketiga, menaik taraf klinik di... [*Suara kurang jelas*] Yang sedia ada dengan mengadakan perkhidmatan Pegawai Perubatan. Saya juga mencadangkan naik taraf Klinik Kesihatan Tudan di Miri untuk membekalkan lebih lagi- apa yang boleh dibuat di Klinik Kesihatan Tudan, Miri. Saya berharap, daripada 26 buah klinik baru yang dijanjikan di dalam RMKe-12, pihak berkenaan akan mengambil kira cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih atas usaha kerajaan yang akan menjamin keselamatan negara kita khususnya Sarawak dengan menaik taraf kompleks *Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex* (ICQS) dengan izin. Tebedu dan Sarikin dan projek jalan dari sempadan Ba'kelalan, kompleks ICQS menghala ke Lawas.

Masanya sudah sampai untuk kita mengambil berat perkara ini. Dengan pembinaan ibu kota yang baru jiran kita di Kalimantan, keselamatan negeri Sarawak tidak boleh diambil ringan. Kita masih ingat, apabila Malaysia dilahirkan pada tahun 1963, jiran kita membuat ancaman di Sarawak yang lebih dikenali sebagai Konfrontasi. Banyak nyawa yang terkorban. Konfrontasi akhirnya dikalahkan dengan pertolongan daripada tentera negara lain seperti Australia dan New Zealand.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan bahawa jalan sepanjang sempadan Sarawak dan Kalimantan dibina dalam tempoh RMKe-12. Ini disebabkan jalan yang serupa sedang dibina di sebelah Kalimantan. Kita juga merasa lega bahawa kerajaan akan melaksanakan projek keselamatan seperti *Bare Base* Tentera Udara di Bintulu, Sarawak dan melengkapkan aset-aset tentera laut diraja di Pelabuhan Bintulu.

Ancaman dari Laut China Selatan sentiasa berlaku. Dengan adanya kemampuan sebegini akan mengurangkan kejadian pencerobohan berlaku. Bintulu merupakan pusat utama pengeluar hasil minyak dan gas di seluruh Malaysia. Dengan adanya syarikat-syarikat besar seperti PETRONAS, MLNG, dan SMDS di Bintulu.

Dengan ini, hasrat kita, apa yang telah dirancang akan menjadi kenyataan demi Malaysia makmur, inklusif, dan mampan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong usul RMKe-12. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing atas perbahasan usul Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, dipersilakan.

**4.39 ptg.**

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** *Bismillahi Rahmani Rahim...* [*Membaca doa*]

**■1640**

*Bismillahi Rahmani Rahim... [Ucapan alu-aluan dalam Bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Selamat sejahtera. Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan usul Rancangan Malaysia Kedua Belas pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih, setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob kerana beliau sendiri meluangkan masa bagi menghormati Dewan Negara untuk membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Kedua Belas 'Keluarga Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan' di Dewan yang mulia ini pada 12 Oktober yang lalu.

Dengan ramuan tiga tema, empat pemangkin dasar, 14 Pemacu Perubahan, lapan matlamat pelbagai dimensi, dan lapan strategi ekonomi makro sudah tentu menjadi ramuan untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan ekonomi bagi mencapai matlamat pembangunan jangka panjang negara.

Tuan Yang di-Pertua, Keluarga Malaysia yang sekarang ini sedang kelaparan, dahaga dan cedera akibat dilanda badai COVID-19; mampukah kerajaan atau para pemegang taruh ini mengadunkan ramuan-ramuan ini untuk menghilangkan kelaparan, dahaga dan merawat kesakitan Keluarga Malaysia kini. Inilah persoalannya yang ingin kita sampaikan.

Berjaya atau gagalnya sesuatu rancangan itu sudah tentu bergantung pada keupayaan pemegang taruh, pada amanah yang diberikan untuk memastikan apa yang telah dirumuskan oleh kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat secara inklusif dan mampan. Ini nampaknya elemen yang paling penting yang diterapkan dalam dasar mengutamakan rakyat.

Saya ingin menyentuh tentang industri halal. Industri halal ini telah diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika itu. Beliau amat prihatin untuk memastikan industri halal ini terus kukuh dan wujud di negara kita. Akhirnya apa yang kita lihat, bahawa industri halal ini berupaya untuk membangkitkan sebuah ekonomi model baharu untuk memastikan ia boleh menjadi pendapatan baharu kepada negara. Malah, terima kasih kepada dasar-dasar kerajaan yang meneruskan ekonomi halal ini.

Kalau kita lihat, industri halal sebagai salah sebuah industri strategik yang berimpak tinggi bagi menjana semula ekonomi dan melonjakkan pertumbuhan. Ini yang dinamakan sebagai menjana semula ekonomi. Industri halal mempunyai potensi untuk mempercepatkan peralihan struktur ekonomi bagi meningkatkan rantai nilai, dengan izin, *supply chains*. Industri halal juga sebagai medium bagi melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Pembangunan industri halal tempatan yang bersepadu dan komprehensif ini; penumpuan kepada standard halal dan pensijilan halal. Ada isu dan cabaran dalam industri halal ini, iaitu teknologi rendah, pelaburan strategik dan penyelidikan industri halal yang rendah membawa kepada produk yang tidak mampu bersaing di peringkat global.

Menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Malaysia yang dikatakan sebagai negara Islam seharusnya mempromosikan *halal industry* ini. Akan tetapi pada hari ini, kalau kita lihat di mana kesilapannya sehinggakan negara China dan negara-negara lain mengambil kesempatan atas industri halal ini untuk dimajukan.

Inilah perkara yang perlu kita lihat kerana industri halal ini telah memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Contohnya, pada tahun 2019 sebanyak 7.6 *percent* iaitu RM115.5 bilion telah disumbangkan kepada KDNK.

Industri halal sebagai industri yang meningkatkan daya tahan...

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, minta mencelah sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Seronok dengan fasal industri halal ini. Kita dapati bahawa...

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Baru hendak panas. Silalah Yang Berhormat.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** *[Ketawa]* Saya hendak bagi panas, sedikit lagi. Tengok negara-negara lain. Contoh yang paling dekat, negara Thailand. Kita katakan Malaysia ini negara agama Islam sebagai agama Persekutuan dan sepatutnya halal itu menjadi sebahagian daripada perkara utama negara kita.

Akan tetapi di Selatan Thailand, mereka telah ada hab halalnya sendiri dengan hasil laut mereka yang banyak dan banyak hasil laut kita yang sepatutnya datang ke negara kita tetapi ke sana. Industri halal mereka telah berkembang dengan maju.

Jadi apa yang patut pada pendapat Yang Berhormat, yang patut diambil tindakan oleh kerajaan bagi memastikan bahawa kita dapat menjaga nama baik kita sebagai negara yang mampu dan berupaya untuk menjadi peneraju ataupun *leader*, dengan izin, kepada industri halal bagi memastikan bahawa kita mendapat manfaat yang sebaik mungkin daripada industri ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju apabila Yang Berhormat menyatakan bahawa negara lain telah ke hadapan berbanding Malaysia, yang sepatutnya menjuarai industri halal ini. Banyak perkara yang membuatkan kita lemah dan juga ke belakang.



Pertama, yang saya lihat ialah soal bagaimana industri halal ini diurus. Di negara kita sekarang ini telah banyak, bertambah di setiap negeri adanya hab industri halal. Banyak hab yang telah dibuat di negeri-negeri. Ini adalah syabas dan tahniah kita ucapkan kepada kerajaan. Akan tetapi, kemampuan untuk ia bergerak terus ke hadapan masih lagi ketinggalan. Contohnya, persijilan halal. Persijilan halal sekarang ini diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kalau kita lihat yang telah lalu, kalau kita ingin berbuka puasa di hotel-hotel sebelum COVID-19, sudah pastinya kita dapat tahu hotel itu telah diberikan taraf persijilan halal.

Namun yang demikian, apa yang kita dapati terlalu perlahan dan mereka ada kalanya status halal itu tidak dapat diberikan. Perkara ini telah ditanya kepada JAKIM, bagaimana proses ini berlaku. Jawapan mereka tidak cukup staf, kurang kemahiran dan sebagainya. Ini yang menyedihkan kita, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di negara luar, contohnya di China dan juga beberapa buah negara seperti Jepun dan bukan Islam, mereka amat sinonim, amat terkenal dengan yang memerlukan sijil halal ini. Mereka memikirkan JAKIM adalah model yang paling sekali mereka suka dan yakin. Akan tetapi malangnya, kita di pihak kerajaan dan JAKIM juga tidak mampu untuk membantu negara-negara ini dengan alasan di Malaysia perlu kita utamakan.

Walau bagaimanapun, apabila keadaan ini tidak berlaku, negara-negara luar ini telah mengambil negara-negara Islam selain Malaysia untuk membimbing mereka tentang persijilan halal. Inilah kalau kita lihat sebagai mana yang Yang Berhormat Tuan Akin A/ Ehtook kata, Thailand telah menjuarai persijilan halal ini.

Oleh sebab itu, saya mengharapkan pihak kerajaan terutamanya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya melihat perkara ini. Halal Development Corporation Berhad (HDC) perlu diletakkan di bawah sebuah suruhanjaya supaya ia boleh berkembang. Janganlah ia diletakkan sebagai salah sebuah agensi kementerian sahaja.

#### ■1650

Saya teringat ketika Yang Berhormat Bagan Datuk sebagai Timbalan Perdana Menteri. Beliau telah menyarankan supaya adanya satu Majlis Halal Malaysia ditubuhkan supaya ia nya boleh berjalan dengan sendirinya di mana JAKIM akan membantu perkara ini. Akan tetapi apabila Kerajaan Barisan Nasional kalah, perkara ini tidak dapat diteruskan lagi dan ini yang amat menyedihkan kita.

Jadi saya berharap kerajaan mengambil perhatian kembali kepada industri halal ini kerana ia mempunyai potensi yang amat besar dan negara-negara yang lain seperti China, Jepun, Thailand amat menyukai industri halal ini kerana mereka tahu bahawa industri ini merupakan modul ekonomi yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan saya berhubung dengan pemegang taruh ini yang berada di kementerian-kementerian supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya, apa yang telah digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Rancangan Malaysia Kedua Belas dilihat sebagai satu program dan fasa yang sangat penting bagi pembangunan negara dalam tempoh lima tahun. Ini memandangkan ia dilaksanakan semasa pasca pandemik COVID-19 dan situasi kewangan negara yang amat terhad.

Saya melihat kepada Kementerian Perpaduan Negara. Komuniti negara, Komuniti Rukun Tetangga atau KRT yang telah ditubuhkan pada tahun 1975, kini telah mencecah 46 tahun penubuhannya. Sehingga kini lebih 8,674 KRT telah diwujudkan sehingga Mac 2021. 934 KRT di seluruh negara dikesan kurang aktif. Sejumlah RM5.6 juta disediakan kerajaan di bawah program Malaysia Prihatin menerusi Belanjawan 2021 pula setiap KRT yang aktif diberi peruntukan geran sebanyak RM6,000.

Pada Mac 2021, kementerian telah membuat pembaharuan berkenaan penubuhan Komuniti Rukun Tetangga dengan menurunkan had jumlah unit rumah di sebuah kawasan penempatan daripada 1,500 unit kepada 1,000 unit.

Dalam masa yang sama, KRT menubuhkan satu Skim Rondaan Sukarela atau SRS sebagai usaha memantapkan lagi komuniti setempat. Menerusi penjenamaan baru ini, empat gerak kerja ditetapkan menerusi Pelan Pemerkasaan Komuniti KRT yang membabitkan KRT *For All*, KRT Sejahtera, KRT Sihat, KRT Bersih. Persoalan yang ingin saya sampaikan kepada kementerian ini memohon supaya kementerian mempertimbangkan cadangan untuk menambah bajet kepada Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang tidak mempunyai pejabat atau membekalkan kabin-kabin yang boleh digunakan sebagai ruang pejabat. Ini amat menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, di mana banyak KRT yang terpaksa bermesyuarat hanya di rumah-rumah kerana mereka kurang ruang dan tidak ada tempat. Bagi KRT yang tidak aktif, apa usaha kementerian dalam menangani isu...

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Belakang.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Oh! jiran. Sila, sila.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak mencelah fungsi KRT di dalam sesebuah komuniti bukan sahaja untuk menjaga keselamatan sosial di kawasan tersebut. Akan tetapi di masa pandemik COVID-19 ini banyak membantu memainkan peranan dalam membantu program-program vaksinasi yang dibawa oleh MOVAC.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya yang KRT ataupun ahli-ahli KRT ini perlu diperkasa demi menjaga kesihatan terutama dalam fasa kita hendak menghadapi endemik COVID-19. Terima kasih.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff. Inilah yang kita sedang bahaskan. Bukan sahaja peranan mereka menjaga perpaduan keselamatan tetapi baru-baru ini seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Wan ialah berhubung dengan penggembleran mereka di dalam masyarakat membantu vaksinasi dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya memohon kepada kementerian melihat perkara ini dan menambah bajet dan ini yang saya nyatakan kalau kita lihat pengagihan peruntukan mahupun daripada segi geran kepada KRT yang tidak aktif, adakah masih diagih. Ini persoalannya ataupun tidak.

Jika diagihkan, bagaimana kementerian memantau perbelanjaan bagi KRT tersebut. Persoalan saya seterusnya ialah sejauh mana keberkesanan KRT dalam membantu pembangunan komuniti setempat dan pengurusan permasalahan setempat terutamanya semasa fasa COVID-19. Adakah mereka juga turut dibantu untuk membantu pusat-pusat vaksin ini? Saya menyentuh suasana yang berlaku kepada anak-anak kita semasa pandemik COVID-19 ini. Sepanjang fasa pandemik COVID-19, sistem dan institusi pendidikan seolah-olah mengalami kelumpuhan. Hanya baru-baru ini ia mula kembali bernafas dan berfungsi semula.

Namun begitu, masih terdapat kepincangan dan kelemahan yang perlu diatasi. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan melihat perkara ini. Kita tidak mahu terjadi seperti yang lalu apabila diumumkan sekolah tidak boleh dibuka, emak bapa berbondong-bondong, ada yang terpaksa berhutang untuk mendapatkan peranti-peranti bagi anak-anak mereka. Baru sahaja habis membeli *lpad*, *handphone* untuk anak-anak, tiba-tiba sekolah dibuka balik. Inilah yang menyebabkan masyarakat gelisah kerana perancangan ini mesti ada. Adakah terus berada berpelajaran dari rumah ataupun sekolah akan dibuka? Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Kementerian harus mempunyai dasar yang lebih jelas dan terang supaya masyarakat tidak terasa untuk memastikan anak-anak bersekolah.

Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) pada tahun 2020 melaporkan satu pertiga kanak-kanak dunia di negara membangun tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pembelajaran secara jarak jauh khususnya melalui radio, televisyen dan internet. Manakala di Malaysia, tinjauan oleh Kementerian Pendidikan mengenai kesediaan murid terhadap pembelajaran dalam talian mendapati 1.85 juta- orang murid tidak mempunyai peranti dan menghadapi masalah akses internet yang menafikan capaian kepada pengajaran dan pembelajaran di rumah, yakni PdPR. Menerusi dapatan kajian ini, hasil menunjukkan penglibatan

murid di bandar dalam PdPR secara dalam talian ialah 59.3 peratus berbanding 51.4 peratus murid di luar bandar.

Manakala bagi Rancangan Pelajaran Tahunan, 46.2 peratus guru di bandar mencapai sasaran pelaksanaan berbanding dengan 39.1 peratus guru di luar bandar. Daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan baru-baru ini di dalam menjawab Titah Diraja, kita melihat banyak program yang ditunjukkan oleh kementerian seolah-olah tidak ada masalah kepada pelajar-pelajar yang belajar di rumah.

Hakikatnya perlu kita tahu dan kementerian perlu lihat bahawa tidak ada kesempurnaan yang berlaku terutamanya bagi anak-anak kita yang berada di luar bandar. Masih banyak lagi perkara-perkara yang tertinggal sebenarnya. Kalau dinyatakan program begitu banyak, kita jangan mudah, hanya percaya dan berpegang kepada kertas dan dokumen-dokumen yang diberi oleh pegawai kita.

#### ■1700

Akan tetapi kita harus lihat bahawa masih ramai lagi anak-anak murid kita tertinggal. Kita tidak mahu generasi yang ada dalam era pandemik COVID-19 ini tertinggal seolah-olah berada di luar dunia yang lain. Persoalannya, saya ingin menyampaikan kepada Kementerian Pendidikan, apakah cadangan dan pembaharuan yang dirancang kementerian dalam memastikan kementerian bersiap siaga dengan lebih baik dan berkesan dalam menghadapi kemungkinan sistem pengajaran dan pembelajaran secara atas talian pada masa hadapan ini? Kita hendaklah bersiap sedia. Janganlah menyatakan bahawa apabila pandemik sudah berakhir, kita tinggalkan apa yang telah kita rancang sebelum ini pada zaman pandemik.

Kedua, apa jaminan kementerian dalam menaik taraf infrastruktur sekolah dan sistem atas talian, terutamanya melibatkan sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang agak ketinggalan. Nyatakan statistik sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang berjaya dinaik taraf sewaktu dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas ini kerajaan berhasrat untuk memberi tumpuan kepada usaha menambah baik sistem pendidikan negara serta menangani isu ketidakpadanan dalam pasaran pekerjaan, antaranya melibatkan Pelan Strategik Kebangsaan Graduan 2021–2025. Bagi menangani isu ketidakpadanan dalam pasaran buruh, *job creation strategic*, dengan izin, akan diperkenalkan untuk membolehkan negara menyediakan tenaga kerja berdaya tahan dan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh industri. Ini adalah wajib. Menyediakan pelajar dengan perubahan teknologi, termasuk Revolusi Industri 4.0.

Statistik lambakan graduan menganggur telah meningkat pada 2020 iaitu sebanyak 202,400 orang yakni 4.4 peratus berbanding 165,200 orang yakni 3.9 peratus pada tahun 2019.

Menerusi kajian pengesanan graduan yang dilakukan pada tahun 2020 telah merekodkan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 merupakan 84.4 peratus, menurun sedikit berbanding 86.2 peratus pada tahun 2019.

Bagi pelaksanaan TVET di Malaysia, ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu TVET pra-pekerjaan yakni menyediakan pelajar dengan kelayakan dan kemahiran sebelum memasuki alam pekerjaan. TVET dalam pekerjaan menyediakan pendidikan dan latihan melalui program latihan semula- *reskilling*, dan program peningkatan kemahiran- *upskilling*.

Pembelajaran sepanjang hayat menyediakan latihan kemahiran bagi kumpulan sasaran terdiri daripada industri, komuniti, agensi kerajaan, badan berkanun dan GLC dengan pembangunan bakat dan menjana pendapatan. Dalam RMKe-12, kerajaan menganggarkan 1.5 juta peluang pekerjaan baru berkaitan TVET diwujudkan dalam pelbagai sektor utama ekonomi negara menjelang 2020.

Menjelang 2030, kerajaan menyasarkan peningkatan 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi baru dalam sektor ekonomi masa hadapan dan 60 peratus lepasan SPM memasuki aliran TVET ini. Persoalan yang ingin saya sampaikan ialah apakah hasil Program Padanan Pekerjaan Kementerian bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial yakni PERKESO dalam membantu graduan mendapat pekerjaan?

Kedua, apa bentuk pembaharuan dan kerjasama dengan pihak yang berkaitan dalam memastikan kebolehpasaran graduan mencapai peratusan yang lebih tinggi dan berpadanan dengan bidang pengajian mereka, bukan hanya sekadar mendapat pekerjaan semata-mata?

Ketiga, sejauh manakah keberkesanan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) dalam membantu graduan TVET dalam akses kebolehpasaran dan menerima pendapatan yang setimpal dengan kemahiran dan kelayakan yang diperolehi?

Keempat, apakah inisiatif Kementerian dalam menggalakkan lebih ramai pelajar untuk menyertai TVET ini?

Kelima, apakah hasil dan pencapaian berkaitan peluang pekerjaan baru sepanjang pelaksanaan RMKe-11 yang lalu?

Keenam, adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menubuhkan sebuah institusi khas TVET yang memberikan jaminan kualiti dan piawaian mengikut akreditasi?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga bercadang untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan menggalakkan lebih banyak penyertaan warga tempatan dalam pasaran buruh menerusi inisiatif memudah cara penyertaan tenaga buruh di bawah Strategi A1 dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Malaysia bergantung pada tenaga asing, terutamanya pekerja berkemahiran rendah dan berkos rendah, antaranya dalam sektor pembinaan, pembuatan dan perladangan. Pada masa kini, kita lihat apabila pekerja-pekerja ini sudah balik ke negara masing-masing, apakah yang terjadi dalam suasana negara kita pada hari ini?

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan cadangan agar jumlah pekerja asing dalam tenaga kerja dihadkan kepada tidak melebihi 15 peratus dalam tempoh jangka panjang. Semasa pandemik COVID-19, kebergantungan kepada pekerja asing menampakkan kesan negatif kepada beberapa sektor ekonomi yang sangat bergantung terhadap pekerja asing. Sebagai contoh, sektor perladangan yang mengalami masalah kekurangan tenaga kerja yang kritikal dengan pengurangan lebih 500 ribu orang pekerja disebabkan ramai yang pulang ke negara asal susulan penularan wabak COVID-19 serta disebabkan pembekuan pengambilan pekerjaan oleh kerajaan.

Persoalannya, apa inisiatif kerajaan dalam merealisasikan hasrat dan keyakinan kerajaan untuk mengehadkan jumlah pekerja asing tidak melebihi 15 peratus, terutamanya melibatkan sektor-sektor ekonomi tertentu yang banyak bergantung pada tenaga asing?

Kedua, apa bentuk galakan atau rangsangan yang boleh dilaksanakan dalam menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan untuk melibatkan diri dalam sektor pekerjaan 3D iaitu pekerjaan kotor, sukar dan bahaya?

Ketiga, apa relevannya kerajaan membenarkan majikan melonggarkan syarat kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,200 sebagai usaha menggalakkan majikan mengambil pekerja tempatan? Tindakan ini memperlihatkan ketidakadilan kepada pekerja tempatan.

Persoalan yang keempat, sejauh mana usaha dan penambahbaikan oleh kerajaan dalam memastikan pekerja tempatan mampu mencapai gaji minimum yang lebih baik, sekali gus mencapai hasrat kerajaan agar purata pendapatan isi rumah mencapai RM10 ribu menjelang tahun 2025?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit sahaja lagi. Minta masa satu atau dua minit. Antara hasrat utama kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas adalah untuk meningkatkan purata pendapatan isi rumah kepada kira-kira RM10 ribu sebulan iaitu pada tahun 2025. Kerajaan hanya mempunyai masa empat tahun untuk merealisasikan perkara ini.

#### ■1710

Sasaran ini kelihatan menarik namun daripada aspek lain agak kurang realistik disebabkan kerajaan mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan dan juga beberapa faktor lain seperti kadar pengangguran yang masih tinggi dan kadar kemiskinan disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini.

Persoalannya yang ingin saya bertanya pada Jabatan Perdana Menteri, apa inisiatif berkesan bagi jangka masa pendek dalam memastikan peningkatan kualiti dalam kehidupan yang lebih baik dapat dicapai oleh golongan B40, sekali gus membantu merealisasikan sasaran kerajaan.

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk membuat penilaian semula berkaitan PGK agar selari dengan situasi semasa rakyat yang terkesan disebabkan COVID-19 selama hampir dua tahun ini. Terakhir, pada tahap mana perancangan dan pelaksanaan program kerajaan menerusi peta ekonomi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam membantu kumpulan rentan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Mohon mencelah sekejap sebelum duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Habis dah tu.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat. Kita sebut tentang pendapatan purata RM10 ribu tapi bila saya bayangkan di kampung saya itu, kalau hendak RM10 ribu itu macam jauh bumi dan langit.

Saya rasa kalau sebuah kampung atau satu buah daerah saya itu, mustahil untuk mendapat purata- walaupun kita puratakan sebuah negara dari kampung saya ke Kuala Lumpur dan sebagainya. Rata-rata akan dapat secara purata RM10 ribu tetapi saya tidak boleh membayangkan macam mana pendapatan orang di- contoh orang di Pantai Barat berbanding dengan Pantai Timur. Kalau katakanlah kampung saya itu purata dalam RM1,000 seorang katakan. So, kalau di kampung saya itu ada RM1,000- seramai 100 orang, kita perlukan di Kuala Lumpur ini ataupun di Pantai Barat ini seribu orang pendapatannya sehingga- ini kira-kira yang mudah, sehingga 19 ribu. Barulah kita puratakan jadi RM10 ribu.

Saya melihat bahawa cara kita memang betul, kita sasarkan, kita bercita-cita tinggi, barulah kita berusaha untuk mencapai angka tersebut. Akan tetapi kalau kita letakkan sasaran terlalu tinggi, terlalu jauh, ini akan melemahkan semangat orang yang hendak kejar. Contohnya kita letakkan RM10 ribu atas puncak bukit sana yang hendak mengejanya tua-tua macam kita ini- sudah putus asa sudah, tidak mahu kejar sudah. Akan tetapi kalau kita letakkan RM10 ribu itu di kaki bukit mungkin kita berusaha untuk kejar.

Jadi dalam kita menetapkan sasaran itu saya rasa mohon pandangan Yang Berhormat, adakah realistik ataupun kita mengambil angka itu dari langit dan letak supaya kita berseronok menunjukkan bahawa kerajaan telah melakukan sebaik mungkin dan inilah sasarannya dan kita sama berkejarlah. Kejar dalam RMKe-12 ini tempohnya lima tahun, kejarlah lima tahun ini.

Penghujungnya kita akan tahu kerana benda itu akan berlaku lima tahun lagi. Sampai dua tahun setengah, kita buat kaji semula RMK dan mungkin kita bagi angka lain. Jadi sementara itu, kita kejarlah bayang-bayang kita itu untuk mencapai yang dihasratkan. Apakah pandangan Yang Berhormat? Adakah angka yang kita letak ini cukup realistik ataupun kita hanya untuk sebagai pendorong semangat semata-mata. Terima kasih.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Itulah kebimbangan yang saya telah nyatakan tadi berkenaan dengan purata pendapatan negara dan juga suasana COVID-19 serta tempoh masa yang kita ada pada hari ini kurang mencukupi untuk kita mencapai sasaran itu. Akan tetapi daripada ucapan awal saya tadi, kita meletakkan keyakinan sedikitlah tentang ramuan yang telah diperkenalkan di dalam RMKe-12 itu yang ada 3 Tema, 4 Pemangkin Dasar, 14 Pemacu Perubahan, 8 Matlamat Pelbagai Dimensi, 8 Strategi Ekonomi Makro- mudah-mudahan ramuan ini boleh dibuat.

Akan tetapi saya cukup yakin berdasar pada *calculation* ataupun kiraan mudah Yang Berhormat Senator tadi itu memberikan kita kekusaran sebenarnya. Oleh sebab itu saya memberi persoalan pada Jabatan Perdana Menteri supaya melihat balik perkara ini dan membuat percaturan semula supaya ia lebih realistik. Terima kasih Yang Berhormat atas saranan itu tadi. Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas perbincangan bagi Usul Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**5.15 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang ke jam 10 pagi, hari Isnin, 18 Oktober 2021.”

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa gembiranya menyokong Usul ini. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 18 Oktober 2021. Sekian, terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.17 petang]*